Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu

Ministry of Education
SINGAPORE



Kompilasi Cerpen

Peraduan Menulis Cerpen Berdasarkan Lagu-lagu *"Orang Singapura"*

Edisi 2026

Kandungan

Kandungan	Muka surat
Prakata	3 - 4
Barisan Penilai Peringkat Saringan Kategori Sekolah Rendah	5
Barisan Penilai Peringkat Saringan Kategori Sekolah Menengah dan Posmenengah	6
Panel Penyunting	7
Barisan Pembina Bahan Bacaan	8
Barisan Penilai Peringkat Akhir	9
Kompilasi Cerpen Kategori Sekolah Rendah 10 Cerpen Terbaik 10 Aktiviti Bacaan	12 - 45
Kompilasi Cerpen Kategori Sekolah Menengah 10 Cerpen Terbaik 10 Aktiviti Bacaan	48 - 81
Kompilasi Cerpen Kategori Posmenengah 10 Cerpen Terbaik 10 Aktiviti Bacaan	84 - 128

Prakata

Pembaca yang budiman,

Peraduan Menulis Cerpen "Orang Singapura" kembali pada tahun 2026 sebagai wadah untuk menyuburkan minat terhadap penulisan kreatif dalam bahasa Melayu. Di samping itu, tujuan peraduan ini adalah untuk mengajak para pelajar menelusuri pengalaman, nilai dan kehidupan masyarakat Singapura melalui karya mereka. Kompilasi ini menghimpunkan 30 cerpen terpilih, iaitu 10 karya terbaik daripada setiap peringkat Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Posmenengah.

Karya Allahyarham Zubir Said terus menjadi sumber ilham dan asas bagi peraduan ini. Lagu-lagu ciptaan beliau sarat dengan nilai dan persoalan yang merentas zaman, daripada rasa cinta terhadap tanah air, budi dan warisan hinggalah semangat perpaduan, kebersamaan serta pengalaman hidup manusia. Cerpen-cerpen yang terhimpun dalam kompilasi ini memperlihatkan bahawa sebuah lagu dapat terus bergema dalam bentuk yang baharu. Mesej dan nilai yang terkandung dalam karya asal tidak sekadar dipindahkan ke dalam cerita, tetapi ditafsir, dikembangkan dan diberikan nafas baharu menerusi pengalaman serta imaginasi para penulis. Melalui pembinaan watak, latar dan konflik yang rencam, lahirlah karya-karya yang memperlihatkan kepekaan para penulis muda terhadap kehidupan di sekeliling mereka.

Kompilasi pada tahun ini turut membawa satu kelainan menerusi aktiviti bacaan yang disertakan dan dibina berasaskan cerpen-cerpen yang dipilih. Aktiviti prabacaan dan pascabacaan ini dirancang untuk membantu pembaca mendalami karya, meneliti penggunaan bahasa dan persoalan yang diketengahkan, serta memberikan respons melalui perbincangan, renungan dan kegiatan kreatif. Dengan cara ini, pengalaman pembaca tidak berakhir pada halaman terakhir sesebuah cerpen, sebaliknya menjadi titik mula kepada penerokaan yang berterusan dan lebih bermakna.

Prakata

Usaha di sebalik kompilasi ini diharapkan dapat menyemarakkan budaya membaca dan berkarya dalam kalangan generasi muda. Melalui pembacaan dan penulisan, pelajar bukan sahaja memperhalus penguasaan bahasa, malah diasah untuk berfikir secara kritis, memahami pelbagai sudut pandangan dan mengungkapkan buah fikiran dengan lebih berkesan.

Tahniah diucapkan kepada semua penulis yang karyanya terpilih dalam kompilasi ini. Penghargaan turut dirakamkan kepada semua peserta yang telah mencurahkan usaha dalam berkarya, para guru yang membimbing dan memberikan dorongan, para penilai, pembina bahan bacaan serta semua pihak yang telah menyumbangkan masa, tenaga dan kepakaran dalam menjayakan Peraduan Menulis Cerpen "Orang Singapura" 2026.

Semoga kompilasi ini terus menyuburkan minat generasi muda terhadap penulisan kreatif dalam bahasa Melayu. Mudah-mudahan, cerpen-cerpen yang terhimpun ini menjadi pemangkin kepada lahirnya lebih banyak karya yang segar, bermakna dan dekat dengan denyut kehidupan kita.

Selamat membaca dan teruslah berkarya!



Dr. Syed Harun Alhabsyi
Setiausaha Parlimen Kanan
Kementerian Pendidikan &
Pembangunan Negara

Penilai Peringkat Saringan

Kategori Sekolah Rendah

Cikgu Azhar Abdul Rashid	Sekolah Rendah Horizon
Cikgu Nuraina Mohamed Sin	Sekolah Rendah Fuhua
Cikgu Norasiken Mohd Noor	Sekolah Rendah Xinghua
Cikgu Muliana Mohammad	Sekolah Rendah Jiemin
Cikgu Safidah Samsudin	Sekolah Rendah Jing Shan
Cikgu Rasidah Bte Mohd Rasit	Sekolah Rendah Frontier
Cikgu Zaleha Ahmad	Sekolah Geylang Methodist (Rendah)
Cikgu Manisah Osman	Sekolah Rendah Yio Chu Kang
Cikgu Roslie Buang Sidik	Sekolah Rendah Fernvale
Dr. Zainaba Omar	Sekolah Rendah Clementi
Cikgu Noraini Karsani	Sekolah Rendah New Town
Cikgu Hairani Asri	Sekolah Rendah Punggol

Penilai Peringkat Saringan

Kategori Sekolah Menengah dan Posmenengah

Cikgu Shaheda Salim	Sekolah Rendah Perempuan Raffles
Cikgu Nurhiza Mohamed	Sekolah Rendah Chongzheng
Cikgu Noraishah Mostapa	Sekolah Menengah Meridian
Cikgu Rashidah Abdullah	Sekolah Menengah Marsiling
Cikgu Nurhafeza Hanem Abdul Azal	Sekolah Menengah Sembawang
Cikgu Nurul Syakinah Sahak	Sekolah Menengah Yio Chu Kang
Cikgu Norafizah Shariff	Sekolah Menengah Seng Kang
Cikgu Siti Aishah Mohd Kamsani	Sekolah Menengah Swiss Cottage
Cikgu Nur Amalina Shalan	Sekolah Menengah Commonwealth
Cikgu Yahida Yahya	Sekolah Menengah Queenstown
Cikgu Ishak Abdul Latiff	Maktab Rendah Tampines Meridian
Cikgu Irmawati Mascom	Institut Pendidikan Nasional
Cikgu Haryati Surana	Pusat Bahasa Melayu Singapura

Panel Penyunting

Dr. Salha Mohamed Hussain	Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum 1, MOE
Dr. Pairah Satariman	Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum 1, MOE



Pembina Bahan Bacaan

Cikgu Irmawati Mascom	Institut Pendidikan Nasional
Cikgu Haryati Surana	Pusat Bahasa Melayu Singapura
Cikgu Salina Hussin	Pusat Bahasa Melayu Singapura
Cikgu Ishak Abdul Latiff	Maktab Rendah Tampines Meridian
Cikgu Yahida Yahya	Sekolah Menengah Queenstown
Cikgu Muliana Mohammad	Sekolah Rendah Jiemin
Cikgu Safidah Samsudin	Sekolah Rendah Jing Shan
Cikgu Rasidah Bte Mohd Rasit	Sekolah Rendah Frontier
Cikgu Zaleha Ahmad	Sekolah Geylang Methodist (Rendah)
Cikgu Roslie Buang Sidik	Sekolah Rendah Fernvale
Cikgu Manisah Osman	Sekolah Rendah Yio Chu Kang
Cikgu Shaheda Salim	Sekolah Rendah Perempuan Raffles
Dr. Zainaba Omar	Sekolah Rendah Clementi
Cikgu Noraini Karsani	Sekolah Rendah New Town
Cikgu Hairani Asri	Sekolah Rendah Punggol

Penilai Peringkat Akhir



Puan Jumaini Ariff
Kategori Sekolah Rendah



Encik Farihan Bahron
Kategori Sekolah Menengah



Puan Amanah Mustafi
Kategori Posmenengah


KATEGORI
SEKOLAH RENDAH

KATEGORI SEKOLAH RENDAH

NENEK **Ahmad Rifa'i Alqadri** Sekolah Rendah Fuhua	12
OLEH-OLEH TERAKHIR NENEK **Nur Asyura Binte Syahruldin** Sekolah Rendah White Sands	17
BUANG YANG KERUH, AMBIL YANG JERNIH **Muhammad Irfan Bin Muhammad Farhan** Sekolah Rendah White Sands	20
KASIH SAYANG TIDAK PERNAH MATI **Siti Nurhazwani Binte Muhammad Idzhar** Sekolah Rendah Waterway	24
KENANGAN MANIS **Raniya Soraya Iona Binte Muhammad Haikal** Sekolah Rendah Haig Girls	27
HUJAN EMAS DI NEGERI ORANG, HUJAN BATU DI NEGERI SENDIRI **Myesha Nadia Bte Asri Budiman** Sekolah Rendah Perempuan Raffles	30
BAGAI AUR DENGAN TEBING **Shayla Aulia Binte Mohammed Shaffiq** Sekolah Rendah Punggol Green	34
HARUM TRADISI, ERAT PERSAHABATAN **Aiza Ivanna Ariffin** Sekolah Rendah Temasek	37
BULAT AIR KERANA PEMBETUNG, BULAT MANUSIA KERANA MUAFAKAT **Fyrra Jalylah Binte Jalaluddin** Sekolah Rendah Haig Girls	40
HATI TERTAMBAT PADA TANAH AIR **Alwany Zafirah Binte Mohammad** Sekolah Rendah White Sands	45

NENEK

Ahmad Rifa'i Alqadri
Sekolah Rendah Fuhua

Terdengar laungan takbir dikumandangkan oleh muadzin. Sedang aku berdiri untuk bersiap-sedia melakukan solat jenazah bersama ahli keluarga yang lain, aku teringat kembali akan saat-saat akhir ketika ibuku menutupi wajah nenek dengan kain kafan. Kepiluan hatiku sukar diungkapkan tatkala kenangan manis bersama nenek kembali berputar dalam ingatan. Namun aku menguatkan diri supaya dapat melaksanakan kewajibanku untuk nenek tercinta.

Setelah selesai pengebumian nenek dilaksanakan, kini aku hanya berdiri terpaku di tepi tanah perkuburan yang masih merah sambil melihat Mak Su memeluk ibuku. Ayahku pula mendakap adik perempuanku yang mengeluarkan tangisan sendu.

Beberapa minit kemudian, aku terlihat seorang hamba Allah yang sedang mengusap air matanya. Aku terasa hairan kerana aku tidak pernah melihatnya sebelum ini. Aku pasti dia bukan sebahagian daripada saudaraku. Aku pun mengambil keputusan untuk menyapanya.

"Encik, Encik ni siapa ya? Encik mengenali nenek saya?" Aku bertanyakan pemuda itu.

Dia pun menoleh ke arahku seraya berkata, "Ya, dik, pak cik sangat kenal nenek kamu. Beliau memang seorang yang sangat baik hati," katanya lagi.

Memandangkan waktu solat Zohor akan bermula setengah jam lagi, Ayah memanggil aku untuk ke Masjid Pusara Aman yang berdekatan. Aku mengajak pak cik itu sekali kerana firasatku sangat kuat untuk mengenalinya. Ketika di dalam masjid, aku duduk bersila disampingnya dan dia kenalkan dirinya sebagai Encik Jamil. Oleh sebab masih ada masa sebelum masuk waktu sembahyang, dia mula menceritakan masa silamnya bersama nenekku.

Nenek merupakan seorang guru sekolah rendah yang memulakan kerjayanya sejak awal tahun tujuh puluhan. Beliau mengajarkan mata pelajaran Ilmu Hisab atau lebih dikenali sebagai Matematik pada zaman kini. Beliau telah ditugaskan ke sebuah sekolah rendah berdekatan dengan Kampung Haji Karim. Kampung itu merupakan tempat tinggal ramai warga miskin.

Encik Jamil berkata, kali pertama dia bertemu nenekku ialah sewaktu dia di darjah dua. Encik Jamil menyifatkan nenekku sebagai seorang guru yang sangat putih hati ketika mengajar semua anak muridnya. Tidak pernah beliau bersikap kira-mengira apabila berkongsi ilmu dan menolong para pelajarnya. Masa yang dikorbankan untuk memastikan murid-muridnya pulang dengan penambahan ilmu akan sentiasa menjadi kenangan yang diingati semua pelajar. Beliau juga begitu murah hati kerana memahami keadaan kehidupan anak-anak muridnya. Sekiranya ada murid yang mengikat perut sepanjang hari di sekolah, nenek pasti akan berkongsi makanannya ataupun memberikan mereka sedikit wang saku. Sifat penyabar dan cerianya sentiasa digambarkan orang ramai. Nenek ibarat pohon rendang yang memberikan teduhan kasih dan ilmu terhadap murid-muridnya, berdaun bagai dedaunan yang subur kerana menanam benih-benih kemuliaan dalam jiwa mereka agar satu hari nanti mereka berbunga indah dan berkembang mekar. Sungguh, beliau amat istimewa.

Sebenarnya, apabila Encik Jamil berumur sebelas tahun, dia menghadapi peristiwa yang tidak disangka yang telah mengubah kehidupannya.

Puan Rahimah, ibu kepada Encik Jamil, telah berjumpa dengan Nenek. Dengan perasaan segan, dia meminta nenek untuk menjaga Encik Jamil selama sebulan kerana dia baru

saja menerima tawaran pekerjaan sebagai pekerja kilang di Johor Bahru. Dia bertekad untuk meminta bantuan kepada nenekku kerana mereka tidak mempunyai saudara mara yang terdekat lagi. Kepercayaan yang boleh diletak oleh Puan Rahimah hanyalah kepada nenekku. Puan Rahimah berjanji akan pulang dalam masa yang dijanjikan dan akan memberikan duit penjagaan anaknya. Sekiranya pekerjaan dan kehidupannya stabil, Puan Rahimah bercadang untuk berpindah ke Johor Bahru. Nenek pun bersetuju memandangkan ayah Encik Jamil baru meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya dan ibunya sangat memerlukan apa jua tawaran pekerjaan.

Dua minggu kemudian, Nenek menerima sepucuk surat daripada Puan Rahimah. Isi kandungan surat yang tertulis begitu mengejutkan.

Kehadapan Cikgu Hamidah yang disegani

Cikgu, saya sedang sakit tenat. Saya telah dihantar ke Hospital Kebangsaan Johor Bahru oleh majikan. Saya amat merindui Jamil dan memohon kepada Cikgu, tolonglah bawanya ke sini. Saya rasa masa saya di dunia ini mungkin sudah suntuk. Maafkan saya.

Yang benar, Rahimah.

Nenekku terpegun seketika, beliau tidak tahu apa yang patut dilakukannya. Masa itulah Encik Jamil mendekati nenekku.

"Cikgu, apa telah terjadi?" tanya Encik Jamil.

Tanpa menjawab soalan Encik Jamil, nenekku menyuruhnya menyalin pakaian bersih untuk mengajaknya ke suatu tempat penting. Encik Jamil hanya mengangguk kepalanya.

Itulah kali pertama Encik Jamil menaiki teksi. Sepantas kilat, mereka berdua tiba di Stesen Tanjong Pagar Keretapi Tanah Melayu. Encik Jamil tergamam kenapa mereka berada di stesen keretapi. Apakah ibunya dalam perjalanan pulang?

Seketika senyuman terukir dibibirnya dan pada masa itulah nenekku menerangkan kejadian yang telah berlaku terhadap Puan Rahimah. Hancur hati Encik Jamil ketika dia membaca surat dari ibunya. Nenekku mendakap Encik Jamil ketika pecah tangisannya dan air mata bercucuran membasahi pipinya. Walaupun perjalanan keretapi hanyalah sejam, itulah, kata Encik Jamil, waktu perjalanan paling lama dalam hidupnya dan terasa seperti seribu hari.

Setibanya sahaja di hospital, nenekku bersama Encik Jamil bergegas ke arah kaunter bantuan hospital. Nenekku memberitahu jururawat nama penuh Puah Rahimah dan menerangkan bahawa beliau merupakan guru kepada anak pesakit yang bernama Jamil. Namun pada saat nenekku menoleh ke belakang untuk memperkenalkan Encik Jamil kepada jururawat di kaunter itu, alangkah teperanjatnya nenek apabila tersedar bahawa Encik Jamil telah menghilangkan diri. Nasib baik nenekku ternampak kelibat Encik Jamil sedang berlari-lari dari bilik ke bilik wad dan terjenguk-jenguk mencari ibunya. Nenek dan jururawat tersebut tanpa lengah mengekori Encik Jamil. Jururawat mengarahkan Encik Jamil dan nenekku ke bilik wad Puan Rahimah. Tanpa berlengah, Encik Jamil menolak pintu wad lalu bergegas ke arah ibunya.

"Ibu, Ibu baik sahaja?" tanya Encik Jamil sambil mendakap ibunya.

"Nak, Ibu minta maaf ya. Ibu tidak dapat menjadi seorang emak yang sempurna. Ibu sekarang semakin lemah sehinggakan hendak makan pun ibu tidak terlarat. Nak..."

Puan Rahimah mencungap kuat dan menghela nafas panjang. Matanya kemudian tertutup dan beliau tidak lagi bergerak...

"Ibu, bangun Ibu! Jangan tinggalkan Jamil hidup sebatang kara! Ibu!" Encik Jamil merayu sambil bernangis teresak-esak.

Nenekku terus memanggil doktor untuk mendapatkan bantuan. Doktor yang hadir tidak dapat melakukan apa-apa lagi selain mengesahkan pemergian Puan Rahimah buat selama-lamanya. Pada waktu itu, Encik Jamil hanya menangis melihat tubuh ibunya terbujur kaku. Nenekku pula mendakap erat Encik Jamil sambil mengusap rambutnya dengan lembut. Tarikh 19 Ogos 1975 ialah detik hitam dalam sejarah hidup Encik Jamil.

Setelah sebulan pemergian ibunya, Encik Jamil dihantar ke rumah anak yatim atas sebab undang-undang negara Singapura. Walaupun nenekku tidak lagi menjaganya, nenek tanpa bosan sentiasa menziarahi Encik Jamil setiap dua minggu. Segala makan minum dan setiap perbelanjaan kehidupan Encik Jamil terjaga dengan rapi. Selain itu, nenek juga memastikan Encik Jamil tidak ketinggalan untuk mendapatkan pendidikan sehingga ke menara gading. Nenekku seperti ibu kedua buat Encik Jamil.

Walaupun Encik Jamil dijaga baik di rumah anak yatim itu, nenekku tidak senang hati meninggalkannya sekecil itu untuk melalui cabaran tuhan seberat itu.

Sepuluh tahun berlalu dan akhirnya masa yang dinanti-nantikan telah tiba. Encik Jamil berjaya menggenggam segulung ijazah dalam kursus perniagaan. Nenekku yang baru sahaja menikahi datuk tiba berduaan untuk menghadiri Hari Graduasi Encik Jamil. Tangisan gembira membasahi pipi nenekku apabila Encik Jamil menaiki pentas untuk menerima ijazahnya. Selepas majlis itu berakhir, Encik Jamil mendakap nenekku.

"Terima kasih atas semua kebaikan yang Cikgu lakukan kepada Jamil. Jamil janji akan ingat semua budi dan jasa baik Cikgu sehingga akhir hayat," kata Encik Jamil.

"Tidak apa-apa Nak, Cikgu lakukan semua ini dengan seikhlas hati Cikgu. Lagipun, ini juga tugas yang diamanahkan oleh ibumu." Nenekku mengeluarkan kata-kata itu dengan sayu.

Beberapa bulan selepas itu, nenek telah berpindah dari rumah kampung ke sebuah flat HDB. Malangnya, nenek tidak dapat bertanya khabar kepada sahabat handai dan murid-murid lamanya termasuk Encik Jamil. Itulah masanya mereka terputus hubungan sehingga kini Berita pemergian nenek dikhabarkan oleh teman rapat Encik Jamil yang juga murid lama nenekku.

Berpuluh tahun berlalu, Encik Jamil sekarang merupakan usahawan terkenal yang mempunyai rangkaian kedai-kedai buku dan alat tulis atas jenama "Kedai Buku Hamidah & Rahimah".

Nama-nama dua wanita hebat inilah yang paling bermakna buatnya. Ini cara yang terbaik untuk mengenang jasa nenekku. Walaupun tidak lagi di sisi, kenangan tidak pupus dari ingatan Encik Jamil.

Sepanjang Encik Jamil bertekad untuk mengembangkan perniagaannya untuk lebih maju, dia sentiasa memastikan untuk membantu murid-murid yang miskin dan juga yatim piatu sepertinya dahulu. Aku sendiri pernah terbaca di suratkhabar akan cerita inspirasi di sebalik jenama "Kedai Buku Hamidah & Rahimah" ini. Namun, aku tidak menyangka "Hamidah" adalah nama nenekku sendiri.

"Kedai Buku Hamidah & Rahimah" memang terkenal kerana sikap pemiliknya yang dermawan. Pemiliknya sentiasa mendermakan buku-buku dan peralatan sekolah percuma untuk golongan memerlukan. Beliau juga memberikan biasiswa khas untuk pelajar yatim piatu dan fakir miskin. Namun, beliau tidak pernah mendedahkan diri kepada umum. Apabila ditanya akan sebab tindakannya itu, beliau hanya menjawab bahawa beliau juga mengalami kesulitan yang sama sepanjang zaman kecilnya.

Sekarang, "Kedai Buku Hamidah & Rahimah" mempunyai tujuh cawangan di serata Singapura dan dua cawangan di Malaysia. Walaupun begitu, Encik Jamil tetap rendah diri dan ingat akan asal-usulnya.

Ternyata nama nenekku terkenal di seluruh Singapura dan semuanya bermula dari budi baik nenek terhadap seorang budak lelaki yang bernama Jamil. Apabila mengakhiri cerita hidupnya, Encik Jamil berpesan sekiranya nenekku boleh menjadi seorang yang sangat baik budi, putih hati dan tulus ikhlas, pasti aku juga boleh mengikuti langkah-langkah beliau. Bak pepatah peribahasa Melayu lama ini yang sering ibuku sampaikan, "Benih yang baik, dicampak ke laut menjadi pulau, dicampak ke darat menjadi gunung, dicampak ke langit menjadi bintang."

Nenek

Aktiviti Bacaan

Ayuh, Jadi Detektif Fakta!



Detektif, kes ini mempunyai 8 fakta. Ada fakta dinyatakan secara **Tersurat* (Jelas)** manakala yang lain adalah **Tersirat* (Rahsia)**. Kamu perlu siasat dan nilaikan sendiri. Tandakan (✔) pada bagi setiap fakta.

* ***Tersurat*** *(dinyatakan secara terus dalam teks) atau* ***Tersirat*** *(perlu nilaikan sendiri berdasarkan klu di dalam cerita).*

No.	Fakta	Tersurat	Tersirat
1	Encik Jamil seorang yang rendah diri walaupun sudah berjaya dan kaya.		
2	Nenek mengajar subjek Matematik di sebuah sekolah rendah.		
3	Encik Jamil berasa sangat kehilangan dan keseorangan selepas ibunya meninggal.		
4	Puan Rahimah bekerja sebagai pekerja kilang di Johor Bahru.		
5	Nenek seorang yang sangat ikhlas dan tidak mengharapkan balasan atas kebaikannya.		
6	Nenek menziarahi Encik Jamil setiap dua minggu semasa dia di rumah anak yatim.		
7	Watak "aku" (cucu) berasa terharu apabila mengetahui identiti sebenar neneknya sebagai "Hamidah" dalam nama kedai buku itu.		
8	Encik Jamil menamakan kedai bukunya "Kedai Buku Hamidah & Rahimah".		

OLEH-OLEH TERAKHIR NENEK

Nur Asyura Binte Syahruldin
Sekolah Rendah White Sands

5 CERPEN TERBAIK

Ram-ram pisang
Pisang masak sebiji
Oh Nenek, Oh Nenek
Rumah Nenek hendak roboh

Aku terdengar lagu ini dimainkan dalam kelas Cikgu Julie. Hatiku berasa pedih bagai dihiris belati tajam kerana teringat akan kejadian yang berlaku dua tahun lalu. Tanpa aku sedari, air mataku berlinangan. Nenek telah mengisi ruang hidupku dengan penuh kasih sayang. Kenangan itu kembali bermain di fikiranku.

"Asyura, cepat bangun. Kita akan ke rumah nenek hari ini," kata ibu.

Tujahan cahaya matahari pagi menampar dada bilikku. Suara Ibu yang lantang membuat aku bangkit sambil aku menguap. Selepas aku membersihkan diri dan makan sarapan, keluargaku menaiki kereta untuk ke rumah nenek. Apabila kami tiba di rumah nenek, aku bersalaman dengan nenek lalu duduk di atas sofa. Aku menekan butang alat kawalan jauh untuk menonton televisyen. Beberapa minit kemudian, nenek memanggil namaku.

"Asyura, mari tolong nenek buat kuih bakar pandan. Kuih itu kuih kegemaran nenek. Nenek tahu Asyura pun akan suka kuih itu," kata nenek sambil mengulum senyuman tipis.

Namun, aku tidak menghiraukan Nenek. Bahkan, mataku masih melekat pada skrin televisyen sahaja. Nenek memanggil aku sekali lagi. Dia berkata bahawa aku boleh sambung menonton televisyen setelah aku menolongnya membuat kuih itu. Aku mengeluh lalu mengheret kakiku ke dapur. Senyuman mesra terukir di bibir nenekku.

Selepas Nenek menyediakan bahan-bahannya, kami mula membuat kuih bakar pandan. Sambil kami membuat kuih itu, nenek bercerita mengapa kuih bakar pandan ialah kuih kegemarannya.

"Dahulu, nenek tidak suka kuih bakar pandan kerana rasa telurnya hanyir. Selepas ibu nenek bakar kuih bakar pandan yang kurang rasa telur, barulah nenek suka kuih bakar pandan. Apabila dewasa pula, nenek suka kelembutannya kerana ia bagai kastard padat," cerita nenek kepadaku.

Aku mula berasa seronok membuat kuih bersama Nenek. Sebenarnya, Nenek pernah menjaga aku selama beberapa tahun memandangkan ibu bapaku sering sibuk dengan tugasan mereka.

"Ibu bapa Asyura banting tulang untuk menyara keluarga. Kalau tidak, bagaimana kamu dapat hidup senang sekarang? Kamu mesti bersyukur dan hargai pengorbanan ibu bapa kamu."

Pelik kerana Nenek banyak berbual pada hari itu. Selalunya Nenek menurut sahaja kemahuanku. Maklumlah, aku merupakan anak emas.

Tidak lama kemudian, kuih bakar pandan dalam ketuhar sudah dimasak. Aku teringat betapa sukanya aku pada aroma yang manis kuih bakar pandan itu. Aku dan nenek menikmati kuih itu sambil bersembang. Kami mengimbas kembali kenangan ketika aku masih bayi. Nenek mengeluarkan album lalu menunjukkan aku gambar-gambar lama. Secara jujur, rasa gembira meruap-ruap di dadaku. Sudah lama aku tidak berasa seronok seperti ini dan meluangkan masa dengan seorang ahli keluarga. Kemudian, nenek menghulurkan aku senaskhah buku. Aku membelek-belek buku itu. Rupa-rupanya, buku itu mengandungi resipi kuih-muih tradisional Melayu. Nenek menyuruh aku menyimpannya. Beliau berkata aku ada bakat dalam bidang masak memasak.

Aku ketawa terbahak-bahak. Lawak pula nenekku ini. Aku tidak menyangka sesi membuat kuih dengan nenek pada hari itu merupakan kali terakhir aku bersua dengannya.

Keesokan petang, ibuku mendapat panggilan tentang Nenek yang terpaksa dibawa ke hospital kerana rebah di ruang tamu. Apabila aku diberitahu, badai kebimbangan merumpuh kalbuku yang berombak. Aku diselaputi perasaan gundah-gulana. Mengapa tiba-tiba perkara ini berlaku? Aku baru sahaja berjumpa dengan Nenek. Walhal, aku tidak sabar untuk meluangkan masa dengan Nenek lagi. Beliau berjanji akan mengajak aku membuat kuih bersamanya lagi. Keluargaku menuju ke hospital secepat mungkin. Dalam perjalanan, aku sudah menangis teresak-esak. Aku membayangkan sesuatu yang buruk akan terjadi kepada Nenek.

Setibanya kami di wad kecemasan, kami bergegas ke katil Nenek. Aku sempat melihat Nenek menghembuskan nafasnya yang terakhir. Nenek sudah menemui Ilahi. Aku meratap kesedihan yang tidak terhingga. Aku menyesal tidak meluangkan lebih banyak masa dengan Nenek. Kini, nasi sudah menjadi bubur.

"Asyura, mengapa awak menangis?"

Suara Cikgu Julie menyedarkan aku dari lamunan. Aku menggelengkan kepala sambil mengesat air mataku. Aku belum bersedia untuk berkongsi kisah itu dengan Cikgu Julie. Kenangan dengan arwah Nenek akan terpahat dalam memoriku selama-lamanya.

"Terima kasih Nek, kerana menghadiahkan oleh-oleh terakhir Nenek," aku berbisik dalam hati.

Oleh-oleh Terakhir Nenek

Aktiviti Bacaan

Bayangkan kamu Asyura. Apakah dua perkara yang boleh kamu lakukan untuk menunjukkan kasih sayang dan penghargaan kepada Nenek semasa beliau masih sihat?

Fikirkan seorang ahli keluarga yang sangat menyayangi kamu atau banyak membantu kamu. Apakah satu perkara yang dilakukannya yang paling kamu hargai?

Tulis satu ucapan terima kasih kepada ahli keluarga tersebut dalam ruang yang tersedia. Kemudian, tunjukkan ucapan ini kepadanya.

BUANG YANG KERUH, AMBIL YANG JERNIH

5 CERPEN TERBAIK

Muhammad Irfan Bin Muhammad Farhan
Sekolah Rendah White Sands

Tap... Tap... Tap...

Bunyi kaki prostetik itu bergema di koridor sekolah yang sunyi, seolah-olah setiap langkah membawa kisah luka yang belum sembuh. Namun wajah Ali tetap tenang, setenang tasik yang menyimpan badai di dasarnya.

"Buang yang keruh, ambil yang jernih," pesan ibu Ali.

Pesanan ibunya itu tersemat kemas dalam sanubari, menjadi pelita saat hatinya hampir gelap.

Ali seorang murid yang berusia sebelas tahun. Dia pernah terlibat dalam sebuah kemalangan ngeri ketika berusia lapan tahun. Akibatnya, kakinya terpaksa dipotong dan kini menggunakan kaki prostetik. Hidupnya berubah, ibarat langit cerah yang tiba-tiba diselubungi awan kelabu.

Walaupun begitu, Ali tetap tahan hati dan bersemangat. Sebelum kemalangan itu, dia sangat aktif bersukan dan masih mengekalkan minatnya terhadap aktiviti tersebut. Mujurlah, semangatnya tidak pernah patah. Baginya, kekurangannya bukan alasan untuk menyerah tetapi pembakar untuk bangkit.

Chan.

Nama itu bagai duri dalam daging. Di sekolah, Ali sering dibuli oleh seorang murid lelaki bernama Chan. Chan seorang yang sombong dan berbadan tegap. Di sebalik perwatakannya itu, sebenarnya Chan menyimpan perasaan cemburu terhadap Ali. Seorang budak Melayu yang disayangi semua.

Walaupun dalam keadaan serba kekurangan, Ali adalah antara murid Melayu yang rajin, cekal dan disukai oleh guru serta rakan-rakannya. Chan berasa iri hati kerana dia sendiri tidak mendapat perhatian dan pujian seperti Ali. Perasaan cemburu itulah yang mendorongnya untuk membuli Ali. Dia pasti guru-guru di sekolah memilih kasih dan memberi perhatian yang lebih kerana keadaan Ali yang kurang upaya.

"Eh, robot datang!" ejek Chan yang disambut dengan gelak tawa rakan-rakan lain.

Kata-kata itu menikam hati Ali bagai sembilu yang disapu garam. Namun demikian, Ali hanya tersenyum nipis. Hatinya bergelora bagai ombak dipukul ribut tetapi dia memilih untuk berdiam. Dia masih ingat pesanan ibunya.

Pada suatu hari yang cerah dan indah, loceng sekolah berbunyi menandakan waktu pulang. Ketika berjalan keluar dari sekolah, Ali terlihat sehelai poster yang menarik perhatiannya.

Pertandingan Larian Tahunan.

Mata Ali bersinar. Harapan yang lama terpendam kembali menyala. Hatinya berbunga riang.

"Ini peluang aku," bisik hati kecilnya.

Namun jauh di sudut hatinya, ada suara kecil yang berbisik, "mampukah aku?"

Tanpa berlengah, dia terus mendaftarkan diri. Dia ingin membuktikan bahawa kekurangannya bukan penghalang untuk berjaya. Latihan harian menjadi saksi perjuangannya. Peluh menitis bagai hujan yang turun tanpa henti, membasahi bumi dengan tekadnya. Namun tanpa disedari, dari jauh, Chan memerhati. Wajahnya tidak lagi penuh ejekan. Sebaliknya... penuh dengan sesuatu yang sukar ditafsirkan.

Chan mendapat tahu tentang penyertaan Ali, dia ketawa sinis. Namun jauh di sudut hatinya, dia berasa tercabar. Kata-kata Chan menikam hati Ali seperti belati tajam, sangat menyakitkan. Disebabkan perasaan cemburu itu, Chan juga menyertai pertandingan tersebut dengan niat untuk mengalahkan dan memalukan Ali.

Setiap hari, Ali berlatih bersungguh-sungguh di taman berhampiran rumahnya. Ibunya sentiasa memberikan sokongan dan kata-kata semangat. Sementara itu, Chan juga berlatih, tetapi hatinya dipenuhi perasaan hasad dengki terhadap Ali.

"Dengan kaki begitu? Jangan mimpi hendak ke garisan penamat!" Dengus Chan dengan nada yang kuat.

Hari pertandingan tiba. Sorakan penonton bergema bagai guruh membelah langit. Degupan jantung Ali semakin kencang.

Dup... Dap... Dup... Dap

"Bersedia!"

"Preeettt!"

Semua peserta meluru ke hadapan. Chan mendahului. Ali tidak jauh di belakang. Langkah demi langkah.

Satu impian. Satu maruah. Tiba-tiba...

"Ahhh!" Teriak Chan dengan kuat.

Chan terpelecok lalu terjatuh. Dunia seakan terhenti. Ali memperlahankan langkahnya. Garisan penamat hanya beberapa meter di hadapan. Kemenangan... hampir dalam genggaman. Namun, hatinya berbelah bagi. Hatinya berperang. Masa seakan terhenti.

Mahu menang... atau menolong Chan?

Pesanan ibunya kembali bergema di gegendang telinganya, "buang yang keruh, ambil yang jernih."

Ali berpaling ke belakang lalu menuju ke arah Chan. Dia menghulurkan tangan. Chan terpaku.

"Apa yang kau tunggu? Teruskan! Kenapa... kau tolong aku?" suaranya bergetar.

Ali tersenyum.

"Kerana aku bukan seperti yang kau fikirkan," balas Ali sambil tersenyum.

Mereka melangkah bersama menuju garisan penamat. Bukan sebagai lawan tetapi sebagai kawan. Tiada warna kulit yang boleh membezakan mereka. Bukan kerana berlainan bangsa dan agama. Pada saat itu, mereka berdua ialah dua sahabat yang mengharungi perlumbaan bersama. Ali tidak menang hari itu. Sama juga dengan Chan. Namun tepukan bergema lebih kuat daripada sorakan kemenangan. Ali menerima piala Semangat Kesukanan. Hatinya berbunga bagai taman yang disiram embun pagi. Ali mahu melupakan sengketa mereka dan mahu menjalinkan perhubungan yang baharu.

Namun kisah sebenar... belum berakhir.

Beberapa hari kemudian, Chan datang menemui Ali di kantin. Wajahnya tidak lagi angkuh seperti merak. Sebaliknya, penuh dengan penyesalan.

"Aku... mahu minta maaf," kata Chan dengan rendah hati.

Ali hanya mendiamkan diri. Chan menundukkan kepalanya.

"Aku... aku sebenarnya ada satu rahsia yang ingin aku luahkan," bisik Chan.

Ali mengerutkan dahi. Ali diselimuti kekeliruan. Apakah yang Chan cuba katakan?

"Tiga tahun lalu... kemalangan itu..." kata-kata Chan terhenti.

Suasana menjadi sunyi. Seolah-olah masa berhenti bernafas.

"Itu... salah aku," ujar Chan.

Ali tersentak.

Chan menyambung dengan suara yang serak, "Akulah yang menolak basikal kau...aku nampak kaki kau dilenggek...aku takut dimarahi, sebab itu aku larikan diri."

Dunia Ali seakan-akan runtuh.

Segala kesakitan, ejekan, penderitaan... berpunca daripada orang di hadapannya. Chan mengangkat wajah, air matanya yang bergenang jatuh berjurai di pipinya. Matanya merah seperti biji saga.

"Aku benci dengan diri aku sendiri... sebab itu aku selalu sakiti kau. Aku cuba untuk menutup dan melupakan kesilapan aku tetapi aku dihantui dengan perbuatan aku setiap kali aku melihat muka kau," kata Chan lagi.

Hening. Hanya bunyi kipas berputar perlahan.

Ali memejamkan mata. Dia menggengam penumbuknya. Kukunya mencengkam ke dalam isi sehingga ternampak bekas kukunya di telapak tangan. Hatinya bergelora. Inilah saat sebenar ujian. Bukan di balapan larian tetapi di dalam jiwa. Jantungnya berdegup dengan kencang seperti sedang berlumba di balapan. Perlahan-lahan, Ali membuka mata dan melepaskan genggamannya. Matanya merah menahan sebak lalu menghulurkan tangan. Chan tercegat.

"Aku sudah lama memaafkan kau... walaupun aku tidak tahu itu perbuatan kau atau alasan kau berbuat demikian," ucap Ali dengan tenang seperti air di dalam kolam.

Chan terpaku. Air matanya mengalir dan keluar dengan semakin deras. Tiada pemenang di podium.

Pada hari itu, kemenangan telah diraih oleh Ali yang dapat mengatasi perasaan kekecewaan dan memaafkan orang yang menganiayanya. Chan juga menang. Dia... akhirnya belajar menjadi insan yang lebih baik daripada semalam. Berani mengaku akan kesilapannya dan mahu bertanggungjawab atas perbuatannya.

Semenjak hari itu, Ali dan Chan seperti isi dan kuku. Jarang berenggang. Dia tidak mahu disebabkan ego, runtuh persahabatan dan keharmonian di antara mereka. Dia mahu kuatkan perpaduan di dalam persahabatan tidak kira bangsa atau agama. Hidup tenang dan aman sentosa.

Buang Yang Keruh, Ambil Yang Jernih

Aktiviti Bacaan

Semasa berlumba, Chan terjatuh dan Ali berhenti untuk membantunya. Bayangkan kamu berada dalam fikiran Ali dan Chan pada saat itu. Isi setiap kotak dari sudut pandangan watak tersebut.

Sudut Pandangan Watak Ali



Fikiran /Perasaan saya ketika itu ...

Satu soalan yang saya ada ...

Sudut Pandangan Watak Chan

Fikiran /Perasaan saya ketika itu ...

Satu soalan yang saya ada ...



KASIH SAYANG TIDAK PERNAH MATI

5 CERPEN TERBAIK

Siti Nurhazwani Binte Muhammad Idzhar
Sekolah Rendah Waterway

Setibanya aku di rumah selepas pulang dari sekolah, langkahku terhenti seperti masa yang tiba-tiba membeku. Di hadapan pintu, terletak sebuah kotak yang dihias cantik, bagaikan sekuntum bunga misteri yang mekar tanpa diundang. Namaku tertera kemas di atasnya – *Laila*. Hati berdebar-debar seperti gendang dipalu, berdegap-degup antara gembira dengan hairan.

Aku menoleh ke kiri dan kanan. Mak Cik Aisyah, jiran sebelah, sedang menyiram pokok bunga. Air yang mengalir dari gayungnya seakan-akan berbisik kepada daun-daun hijau, menyegarkan suasana petang yang hangat.

"Eh, Laila! Nampaknya ada orang kirim hadiah istimewa," tegurnya mesra, senyumannya selembut angin petang.

Aku duduk di tangga dan membuka kotak itu dengan tangan yang sedikit terketar, seperti seorang pengembara yang bakal menemui rahsia tersembunyi. Di dalamnya, terdapat sekeping kad kecil bertulis, *"Tahniah!"* Perkataan itu seolah-olah melompat keluar dari kad, menari-nari di hadapan mataku.

Perlahan-lahan, aku membuka kotak itu sepenuhnya.

Duniaku terhenti.

Mulutku terlopong, dan fikiranku menjadi lautan yang bergelora dengan persoalan. Hadiah ini... daripada arwah nenekku – yang telah pergi meninggalkan kami seminggu lalu.

Di luar, suara kanak-kanak di kolong blok bermain bergema seperti kicauan burung yang bebas, bunyi bas SBS mengaum yang setia membawa manusia, dan jiran-jiran berbual dalam pelbagai bahasa yang berpintal seperti benang warna-warni.

Namun, di dalam hatiku, segalanya bunyi-bunyi yang menusuk seperti malam tanpa bintang.

Aku melangkah masuk ke dalam rumah. Dinding-dinding seolah-olah memerhati aku, menyimpan seribu kenangan bersama nenek.

Dengan tangan yang menggigil, aku membuka kad itu.

"Selamat hari jadi, Laila! Kamu sudah berusia 12 tahun. Jangan mudah berputus asa. Teruskan berusaha dan jadilah anak yang baik kepada ibu bapa. Ingatlah, kami semua menyayangi kamu sepenuh hati. Nenek sayang Laila..."

Setiap patah perkataan itu bagaikan titisan hujan yang jatuh ke dalam hatiku – lembut, namun cukup untuk mencetuskan ribut emosi. Air mataku mengalir deras seperti sungai yang melimpah, tidak mampu dibendung lagi.

Kenangan bersama nenek mula menjelma, satu demi satu, seperti helaian filem lama yang diputarkan semula.

Setiap petang, nenek akan menunggu aku dengan senyuman yang bersinar seperti mentari senja – tidak terik, tetapi cukup untuk menghangatkan hati.

"Dah balik, Laila?" suaranya lembut, bagai lagu yang menenangkan jiwa.

Kami akan turun ke bawah blok dan bersembang. Nenek akan duduk di bangku panjang yang setia menampung cerita-cerita manusia. Bangku itu seolah-olah mempunyai telinga, mendengar segala tawa dan keluh kesah yang pernah singgah.

Pak Raj akan duduk dengan surat khabarnya, helaian kertas itu berdesir seperti daun kering ditiup angin.

Budak-budak zaman sekarang," katanya sambil ketawa.

Ah Ma Lim pula datang membawa kuih, harumannya terapung di udara seperti awan manis yang menggoda selera.

"Laila, mari makan," katanya, tangannya penuh kasih seperti seorang nenek kepada semua.

Mak Cik Aisyah menyiram pokok sambil berbual, air yang jatuh ke tanah seakan-akan menyuburkan bukan sahaja tumbuhan, tetapi juga hubungan antara jiran.

Bahasa mereka bercampur-campur seperti warna pelangi—berbeza, tetapi indah apabila bersatu.

"Nenek, kenapa semua orang di sini baik-baik?" aku pernah bertanya.

"Sebab kita hidup berjiran, Laila. Di Singapura ini, hati manusia seperti benang – halus, tetapi apabila dianyam bersama, menjadi kain yang kuat."

Kata-kata itu kini terngiang-ngiang di dalam gua hatiku.

Ada hari-hari istimewa, rumah kami berubah menjadi taman kegembiraan. Semasa Hari Raya, meja dipenuhi makanan, dan gelak ketawa berkumandang seperti muzik yang tidak pernah sumbang. Jiran-jiran datang tanpa diundang, membawa bukan sahaja makanan, tetapi juga kasih sayang.

Kini, semua itu tinggal bayang-bayang kenangan.

Dengan hati yang masih bergetar, aku membuka hadiah itu. Sebuah buku kegemaranku. Buku itu seolah-olah memanggil aku, seperti nenek yang masih ingin berbicara melalui helaian-helaian kata.

Aku menghantar e-mel kepada kedai buku itu.

Keesokan harinya, jawapan yang diterima ibarat kilat yang menyambar – nenek telah memesan hadiah ini sebulan sebelum pemergiannya.

Hatiku retak seperti kaca yang terhempas.

Aku turun ke bawah blok pada petang itu. Bangku itu masih setia di tempatnya, namun terasa kosong.

Mak Cik Aisyah melambai. Pak Raj dan Ah Ma Lim masih berbual. Kehidupan terus berjalan, seperti sungai yang tidak pernah berhenti mengalir.

Aku duduk perlahan di bangku itu.

Angin petang menyentuh wajahku, seolah-olah tangan nenek yang dahulu membelai rambutku dengan penuh kasih.

Dalam diam, aku mula memahami – kisahku hanyalah satu titik dalam lautan kisah rakyat Singapura. Setiap orang membawa cerita masing-masing, dan cerita-cerita itu bersatu seperti mozek yang membentuk wajah negara ini.

Aku mengesat air mata.

Kini, aku tahu kasih sayang tidak pernah mati. Ia hanya bertukar bentuk, menjadi kenangan, menjadi kekuatan, menjadi cerita yang akan terus hidup.

Dan aku... akan terus menulis cerita itu.

Cerita tentang nenek.

Cerita tentang jiran.

Cerita tentang kita semua.

Kasih Sayang Tidak Pernah Mati

Aktiviti Bacaan

Dalam karya ini, terdapat beberapa penggunaan penanda wacana. Penanda wacana berfungsi untuk menghubungkan idea, menunjukkan urutan atau memberikan penekanan pada sesuatu.

Ayuh, kenali penanda wacana di bawah.

Penanda Wacana	Fungsi
setibanya aku di rumah	menandakan permulaan peristiwa
keesokan harinya	menunjukkan urutan masa
namun	menunjukkan perbezaan
satu demi satu	menunjukkan perincian atau urutan yang teliti
dalam diam	menunjukkan tindakan yang dilakukan tanpa disedari

Bina ayat yang lengkap dengan menggunakan penanda wacana di atas.

1. setibanya aku di rumah

_____

2. keesokan harinya

_____

3. namun

_____

4. satu demi satu

_____

5. dalam diam

_____

KENANGAN MANIS

Raniya Soraya Iona Binte Muhammad Haikal
Sekolah Rendah Haig Girls

5 CERPEN TERBAIK

Setiap sambutan Hari Raya pasti membawa kenangan baharu yang berharga. Namun, ada juga kenangan yang seakan-akan berulang setiap tahun. Buatku, hari itu bermula dengan aroma lauk rendang menyusup keluar dari dapur dan memenuhi ruang tamu. Kedengaran pula bunyi pinggan yang disusun dengan lembut sambil diiringi dengan lagu-lagu Hari Raya yang dimainkan di radio.

Dengan senyuman lebar, aku bergegas ke ruang tamu.

"Selamat Hari Raya!" aku ucapkan dengan ceria.

"Selamat Hari Raya, Sayang," balas ibu bapaku serentak sambil tersenyum lebar.

Namun, Nenek hanya duduk terdiam di sofa. Kedua-dua tangannya terletak lembut di pangkuannya. Sejenak, dia kelihatan tenggelam dalam lamunannya. Matanya terpaku pada sesuatu dan mindanya menerawang jauh seperti orang sesat. Aku pun berlutut di sisinya lalu menggenggam tangannya dengan berhati-hati.

"Selamat Hari Raya, Nenek," ucapku kepada Nenek dengan nada yang lembut.

"Siapa kamu? Yusof di mana?" tanya Nenek sambil mengerutkan dahinya.

Pertanyaan itu bagaikan pisau yang menghiris hatiku. Sejak kebelakangan ini, daya ingatan Nenek semakin lemah dan perasaan keliru itu seolah-olah masih kekal di dalam dirinya. Dia sering bertanya tentang Yusof. Pertanyaannya tentang Yusof acap kali diujarkan walaupun arwah datukku itu sudah meninggal dunia lima tahun dahulu.

Kami sekeluarga hanya mampu memandang sesama diri setiap kali pertanyaan itu diajukan.

Aku memeluk Nenek dengan erat. Aku mahu Nenek berasa tenang seraya memberitahunya bahawa hidangan makanan Hari Raya akan siap tidak lama lagi.

Keadaan Nenek berlarutan sehinggalah saudara-mara dan jiran tetangga datang menziarah. Suasana rumah yang tadinya tegang menjadi meriah dengan gelak ketawa dan ucapan Hari Raya yang ceria. Seorang demi seorang tetamu datang menegur Nenek tetapi dia hanya memandang mereka dengan wajah yang kosong. Meskipun sudah mengenali mereka, Nenek tetap memandang mereka dengan penuh tanda tanya serta disulami dengan kebingungan.

"Siapa kamu?" soal Nenek berulang kali.

Aku hanya mampu tersenyum tawar apabila aku terdengar soalan tersebut ditanya berulang kali. Hatiku semakin berat melihat keadaan Nenek.

Apabila makanan sudah dihidangkan, kami semua duduk bersama di meja. Perbualan berlangsung dengan rancak, namun Nenek hanya duduk terdiam di kerusinya. Setiapkali Nenek mengulangi soalan yang sama, suasana kembali menjadi tegang. Aku ingin membantu Nenek tetapi tidak pasti bagaimana caranya. Pada masa yang sama, aku dapat merasakan kebimbangan Ibu dan Ayah terhadap Nenek kerana mereka saling memerhatikan Nenek dari jauh. Aku buntu. Buntu. Bagaimanakah aku dapat menolong Nenek?

Di sudut meja, saudara-maraku mula berbual tentang lagu-lagu Hari Raya. Ada yang menyebut lagu lama seperti nyanyian dari pelakon-pelakon terkenal. Tiba-tiba, lagu "Selamat Hari Raya" yang dinyanyikan oleh P. Ramlee dan Saloma berkumandang di udara. Yang memilih lagu-lagu Hari Raya baharu

seperti nyanyian dari kumpulan muda dari Malaysia yang bernama Dolla pula, mencetuskan satu perdebatan tentang lagu-lagu Hari Raya lama dan baharu. Kami ketawa sambil berdebat tentang lagu-lagu tersebut.

Dalam gelak ketawa itu, sesuatu idea terlintas di fikiranku. Aku teringat bagaimana Nenek pernah mengajar aku dan sepupu-sepupuku serta anak-anak jiran kami dari pelbagai bangsa dan agama, menyanyikan sebuah lagu lama bertajuk 'Ram-Ram Pisang'. Sejak dahulu lagi, lagu itu bukan sahaja dinyanyikan oleh keluargaku, jiran-jiranku juga turut menyanyikan lagu itu di kawasan perumahanku. Suara Nenek yang merdu menyanyikan lagu itu, terngiang-ngiang di telingaku. Terpancar wajahnya yang ceria menyanyikan lagu itu.

Lagu itu bukan hanya sekadar kenangan lama yang tersimpan di kotak memoriku. Malah, lagu itu akan hidup dalam ingatan keluargaku serta jiran tetanggaku. Lagu lama itu tetap malar segar walaupun sudah bertahun-tahun lamanya. Mungkin di saat itu, lagu tersebut adalah jawapan yang Nenek perlukan.

"Apa kata kalau kita nyanyikan lagu 'Ram-Ram Pisang' untuk Nenek?" cadangku.

Mereka yang rancak berbual berhenti seketika, lalu memandang ke arahku sebelum mengangguk tanda setuju. Aku menarik nafas perlahan sebelum mula menyanyi dengan suara yang lembut.

"Ram-ram pisang.....pisang masak sebiji...," aku mula menyanyi.

Nyanyianku disambut oleh kaum keluargaku. Kemudian jiran-jiran kami ikut serta. Semakin lama, semakin kuat kami bernyanyi.

Pada mulanya, Nenek tidak menunjukkan sebarang reaksi. Dia hanya duduk berdiam seperti biasa. Namun, selepas beberapa saat, matanya mula beralih ke arah kami.

Wajahnya yang tadi kosong kelihatan tenang, seperti air yang kembali jernih selepas keruh. Bibirnya bergerak perlahan, seolah-olah mengikut rentak lagu itu. Matanya yang tadi lesu kini kelihatan bersinar. Nenek mula tersenyum menampakkan barisan gigi yang asmaradanta.

Dengan suara yang perlahan tetapi jelas, Nenek turut menyanyi dengan kami. Suasana tadi yang tegang kini bertukar menjadi tenang dan santai. Pada saat itu, Nenek kelihatan begitu ceria, seolah-olah dia kembali pada masa lampau.

Detik itu amat bermakna bagi aku dan keluargaku. Lagu yang diajarkan oleh Nenek itu telah menyatukan kami semua, tanpa mengira usia, bangsa atau agama. Walaupun Nenek telah berubah, kami sekeluarga tetap bersatu padu kerana air dicencang tiada akan putus.

"Kenangan manis seperti inilah yang benar-benar menyatukan semua!" bisik hatiku.

Aku tersenyum sambil memandang tepat pada Nenek. Pada saat itu, aku sedar bahawa detik ini akan kekal dalam ingatanku. Lagu 'Ram-Ram Pisang' sememangnyatidak harus dilupakan bak kata pepatah tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Lagu tersebut akan sentiasa kekal sepanjang zaman. Melalui budaya dan warisan yang dikongsi bersama, kenangan lama akan terus hidup manakala kenangan baharu pula akan tercipta. Budaya dan warisan harus dan mesti diturunkan kepada generasi seterusnya. Bagiku, erti menjadi Orang Singapura ialah memupuk semangat bersatu padu melalui kenangan indah yang dilalui bersama tidak kira usia, bangsa atau agama.

Kenangan Manis
Aktiviti Bacaan

Dalam karya ini, watak penulis menyanyikan lagu 'Ram Ram Pisang' kepada neneknya. Ayuh, kita baca lirik lagu ini bersama-sama.

Ram, Ram, Pisang

Ram, ram pisang, pisang masak sebiji.
Ram, ram pisang, pisang masak sebiji.
Oh, Nenek! Oh, Nenek! Rumah Nenek
dah nak roboh,
Kereting, kereting, keretang!

Kini, nyanyikan lagu ini dengan cara-cara yang berikut:

1. Nyanyi seperti watak 'aku' dalam cerpen ini.



2. Nyanyi seperti watak Nenek dalam cerpen ini.



Renungan Peribadi

Apakah perasaan kamu semasa menyanyikan lagu 'Ram, ram, Pisang' ?

Mengapakah kamu berperasaan sedemikian?

HUJAN EMAS DI NEGERI ORANG, HUJAN BATU DI NEGERI SENDIRI

Myesha Nadia Bte Asri Budiman
Sekolah Rendah Perempuan Raffles

Tanganku terketar-ketar sambil menggenggam erat sepucuk surat. Surat itulah yang akan menentukan masa hadapanku. Logo Universiti Harvard jelas tertera pada sampul surat itu. Aku memang telah menyimpan hasrat untuk menuntut di universiti tersohor itu sejak berusia sepuluh tahun lagi. Bukan sahaja kerana statusnya sebagai universiti bertaraf dunia malah juga kerana aku ingin menimba pengalaman belajar di luar negara.

Singapura hanyalah sebuah negara kecil yang panas dan membosankan. Bandingkanlah sahaja dengan Amerika Syarikat yang 13000 kali ganda lebih luas dan mempunyai musim sejuk. Aku pasti berpeluang untuk meneroka dan mengembara! Surat itulah yang akan menentukan sama ada aku berjaya memasuki Universiti Harvard ataupun tidak.

Sambil bibirku terkumat-kamit memanjatkan doa, aku mengoyak sampul surat itu. Perasaan riang segera menyelubungi diriku dan raut wajahku berubah menjadi berseri-seri.

"Ibu, Arif dapat tempat! Alhamdulillah! Sekarang, barulah Arif dapat menuntut di Amerika Syarikat!" sorakku sambil melompat-lompat kegirangan.

Ibu yang berada di dapur meluru ke ruang tamu dan segera mendakap aku. Air mata kegembiraan menitis di pipinya. Akhirnya, usahaku belajar dengan tekun telah membuahkan hasil. Pada malam itu, aku mula mengemas begku dan bersedia untuk berangkat meskipun aku hanya akan berangkat seminggu kemudian.

Hari bersilih hari. Satu minggu berlalu. Aku kini berada di luar pintu pelepasan bersama kedua-dua orang tuaku.

"Arif, pulanglah ke Singapura pada cuti semester!" rayu Ibu dengan suara yang sayu.

"Tidaklah, Ibu! Lebih baik Arif meneroka tempat-tempat baharu di Amerika. Lagipun, kalau Ibu ingin berbual dengan Arif, kita bolehlah menggunakan aplikasi Zoom sahaja. Arif tidak mahu membazir waktu cuti di Singapura!" bentakku.

Ya, pada masa itu, Aku seorang anak yang sombong. Tanpa sepatah perkataan pun, aku segera menoleh lalu melangkah masuk ke dalam dewan pelepasan.

Setibanya di Amerika Syarikat, aku pun menaiki sebuah teksi ke asrama. Sepanjang perjalanan, mataku terpaku kepada pemandangan permai gunung-ganang yang diliputi salji dan pencakar langit yang jauh lebih tinggi berbanding pencakar langit yang terdapat di Singapura. Hatiku berdebar-debar sambil aku menghayati keindahan yang terbentang luas di hadapanku.

"Inikah dunia yang selama ini aku impikan?" bisik hatiku dengan penuh keterujaan.

Sejenak kemudian, aku tiba di asrama. Aku terpegun melihat kampus Harvard yang indah dan besar. Sebaik-baik sahaja aku menjejak keluar dari teksi, aku disapa oleh beberapa orang pelajar tahun kedua yang ditugaskan untuk membimbing murid-murid dari luar negara sepanjang sesi orientasi. Aku terkejut apabila mendapati bahawa aku satu-satunya murid yang berasal dari Asia Tenggara. Perasaan bangga berbaur sepi menyelinap dalam diriku.

Masa berlalu begitu cepat. Sedar-sedar malam ke 24 di asrama dan aku sudah dapat menyesuaikan diri dengan jadual dan rutin kehidupan di universiti. Kerja sekolah semakin menimbun dan aku belum mempunyai masa senggang untuk bersua muka dengan orang tuaku di wadah *Zoom*.

Namun begitu, di sebalik kesibukan, hatiku mula terasa kosong. Setiap kali malam menjelma dan suasana menjadi sunyi sepi, aku tidak dapat menahan diri daripada terkenang akan keluargaku di tanah air.

Aku mula merindui Ibu. Sambil aku mengunyah makanan di kafetaria, terdetik di hatiku keinginan untuk menjamah sekali lagi air tangan Ibu. Jikalau di Singapura, sudah pasti Ibu akan berada di sisiku. Aku tergelak kecil apabila teringat kerenah Ibu yang selalu memaksa aku untuk menambah sajian yang telah dimasaknya. Perasaan kesal menebal di dalam diriku kerana tidak menghargai jasa Ibu. Malah, aku sering meninggikan suara terhadap Ibu dan bersikap biadab.

Tanganku menyelinap ke arah kocekku lalu telefon bimbitku dicapai. Jari-jemariku bergerak pantas dan mendail nombor telefon Ibu. Namun, panggilan tidak terjawab. Baru aku sedar. Waktu sudah larut malam di Singapura dan Ibupasti sudah dibuai mimpi.

Pejam celik, masa berlalu begitu pantas sehingga aku kini berada di ambang tahun terakhir pengajianku di Universiti Harvard. Hari-hariku dipenuhi dengan tugasan. Semangat membara di lubuk hatiku untuk menamatkan pengajian dengan ijazah kepujian supaya dapat membanggakan kedua-dua orang tuaku. Pada masa yang sama, aku juga sedang mencari pekerjaan di Amerika Syarikat. Sememangnya, aku sudah bercadang untuk berkerja di Amerika Syarikat setelah aku menamatkan pengajianku.

"Arif, pulanglah ke Singapura untuk bekerja. Arif sudah menuntut di Amerika selama 3 tahun. Terdapat banyak peluang kerja di Singapura. Jangan lupa asal usul kamu!" Ibu memesan tetapi aku tetap berkeras kerana sudah lama aku berimpian membina masa depan yang gemilang di Amerika Syarikat.

Namun, pada suatu malam, segalanya berubah.

Aku dalam perjalanan pulang ke asrama sambil asyik membaca buku. Aku hanya ditemani cahaya bulan yang menerangi jalan. Sekonyong-konyongnya, laungan seseorang memecah keheningan malam itu.

"Bangkit dan bersuara!" jeritan seorang pelajar berkumandang di udara.

Langkahku terhenti dan aku mendongak. Mataku terbuntang apabila terserempak dengan sekumpulan pelajar yang sedang mengadakan perhimpunan. Aku disergah perasaan takut bercampur bingung. Apakah yang sedang berlaku? Itulah kali pertama aku terperangkap dalam sebuah perarakan bantahan dan aku benar-benar mati akal! Aku memalingkan kepalaku ke kanan dan ke kiri tetapi tiada satu wajah pun yang dikenali.

Bantahan tersebut semakin kecoh. Suara jeritan mula kedengaran di udara. Orang ramai mula berlari bertempiaran untuk menyelamatkan diri. Ada yang terjatuh dan ada juga yang tolak-menolak untuk membebaskan diri mereka daripada huru-hara yang melanda. Aku terpaku seketika sebelum membuka langkah seribu. Jantungku berdegup kencang. Buku yang tadi digenggam erat terlepas dari pegangan tetapi aku tidak mempedulikannya. Yang penting, aku harus segera menyelamatkan diri.

Mujur, setelah berlari lintang-pukang, aku tiba di asramaku dalam keadaan selamat. Aku menghempaskan pintu bilik di belakangku dengan nafas yang masih tercungap-cungap. Selepas beberapa minit, aku menghela nafas lega. Namun, adegan huru-hara itu terus berulang-ulang dalam fikiranku. Pada saat itu, baru aku sedar. Selama ini, aku telah mengambil ringan keamanan dan keselamatan di Singapura.

"Arif, pulanglah ke Singapura," suara Ibu yang lembut bergema di kotak mindaku.

Mataku mula berkaca dan aku menahan sebak di hatiku. Akhirnya, setelah beberapa minit, aku membuat keputusan. Aku mencapai telefon bimbitku lalu menghantar mesej ringkas kepada Ibu.

Bu, Arif nak pulang.

Hujan Emas di Negeri Orang, Hujan Batu di Negeri Sendiri

Aktiviti Bacaan

Apakah perasaan Arif pada setiap peringkat dalam cerpen ini? Tulis jawapan kamu dalam ruang yang tersedia. Berikan sebab bagi perasaan tersebut.

bangga　bersyukur　kesal

rindu　takut　teruja

Sebelum berangkat	Minggu-minggu awal	Tahun terakhir	Selepas perhimpunan

Fikirkan tentang kehidupan kamu di Singapura. Apakah satu perkara tentang Singapura yang paling kamu hargai? (Tandakan ✓)

Keamanan dan keselamatan

Keluarga yang dekat dengan saya

Makanan yang saya nikmati

Sekolah dan peluang untuk belajar

Kebersihan dan kemudahan awam

Rumah yang selesa

Apakah yang boleh kamu lakukan untuk menunjukkan bahawa kamu menghargai perkara itu?

BAGAI AUR DENGAN TEBING

Shayla Aulia Binte Mohammed Shaffiq
Sekolah Rendah Punggol Green

"Aliah! Aliah! Tunggu saya!" teriak Siti dari belakang.

Aku menoleh. Di luar pagar sekolah, kelihatan Siti berlari-lari anak ke arahku dengan nafas tercungap-cungap. Wajahnya tetap ceria seperti biasa. Di belakangnya, langit senja berwarna jingga keemasan menghiasi bumi Singapura.

Tanpa banyak bicara, kami berjalan bersama menuju ke stesen bas. Angin petang berhembus lembut. Dedaunan melambai seolah-olah mengiringi langkah kami. Segalanya tampak tenang sehinggalah langkahku tiba-tiba terhenti.

Mataku terpaku pada satu pemandangan yang mencengkam perasaan. Dua orang budak lelaki sedang mengusik seorang budak perempuan yang bertubuh kecil. Suara mereka kasar dan ketawa mereka sinis. Budak perempuan itu hanya tunduk.

Hati kecilku mula bergetar. Bagai dihiris sembilu, perasaan itu datang tanpa amaran. Dalam sekelip mata, kenangan lama dua tahun lalu kembali menjengah.

Jam menunjukkan pukul sebelas pagi. Waktu rehat baru sahaja bermula. Aku bergegas turun ke kantin yang riuh dengan suara murid-murid di sana. Namun, di tengah keriangan itu, ada satu suara lantang mencuri perhatianku. Afiq sedang mengusik seorang budak perempuan berkaca mata besar.

Itulah kali pertama aku benar-benar menyedari kewujudan Siti. Wajahnya pucat, matanya berkaca menahan air mata. Ketakutan jelas terpancar, seperti seekor rusa yang terperangkap di hadapan pemburu. Tiada seorang pun berani bersuara. Semua hanya memerhati. Termasuk aku.

Aku ingin membantu, tetapi kakiku seolah-olah terpaku. Semua orang kenal akan sikap Afiq. Dia seorang pembuli yang talam dua muka. Di hadapan guru dia berbudi bahasa. Namun, dia terus berubah menjadi orang lain di belakang mereka.

Namun, di sudut hatiku, satu suara berbisik, "berani kerana benar, takut kerana salah."

Pada petang itu, aku pulang ke rumah dengan fikiran yang berserabut. Dari tingkap bilikku, aku memandang bangunan-bangunan tinggi yang berdiri megah. Aku melayari Internet lalu mencari cara untuk menghadapi pembuli. Aku membaca tanpa jemu sehingga larut malam. Aku sedar bahawa keharmonian perlu dijaga oleh semua orang. Keesokan harinya, aku memberanikan diri mendekati Siti.

"Hai, nama saya Aliah. Saya nampak awak selalu dibuli oleh Afiq," kataku lembut.

Siti memandangku, seolah-olah tidak percaya ada orang yang sudi mendekatinya. Sejak pertemuan itulah bermulanya persahabatan kami. Bagai aur dengan tebing, kami mula saling membantu.

Namun, Afiq tidak berhenti. Dia memaksa Siti menyiapkan kerja rumahnya dan mengugut akan memecahkan cermin matanya jika Siti enggan melakukan perkara yang disuruhnya.

Suatu pagi, Siti datang tanpa cermin mata. Rupa-rupanya, dia telah ditolak sehingga cermin matanya terjatuh lalu pecah. Aku menggenggam penumbuk, menahan amarah yang membara. Aku akui bahawa kemarahan semata-mata tidak akan menyelesaikan masalah. Akhirnya, kami merancang sesuatu. Kami akan mengumpul bukti.

Dua hari kemudian, rancangan kami bermula. Aku bersembunyi di sebalik semak, manakala Siti berdiri dengan penuh keberanian. Walaupun jelas ketakutan, dia tetap teguh.

Afiq datang seperti yang dijangka, lalu mula mengusiknya. Tanganku menggigil ketika merakam video itu. Namun, aku tetap bertahan. Aku sedar bahawa walaupun kita takut, kita masih boleh memilih untuk membuat perkara yang betul.

Beberapa hari kemudian, kami membawa bukti tersebut kepada Cikgu Laila. Pada mulanya, beliau terkejut. Namun, siasatan dijalankan dan rakaman kamera sekolah turut menguatkan bukti kami. Afiq akhirnya mengaku. Wajahnya penuh penyesalan. Beberapa murid lain juga tampil bersuara. Suara-suara yang selama ini terpendam akhirnya bergema. Benarlah kata pepatah, "bersatu kita teguh, bercerai kita roboh."

Keesokan harinya, kami dipanggil ke pentas perhimpunan. Tepukan gemuruh memenuhi dewan. Namun, yang lebih bermakna bukanlah sijil yang kami terima, tetapi perubahan yang berlaku. Suasana sekolah menjadi lebih harmoni. Tiada lagi ejekan yang menyakitkan hati. Tiada lagi tangisan yang disembunyikan.

Di situlah aku mula faham bahawa kebahagiaan datang apabila kita saling menghormati dan menjaga antara satu sama lain.

"Aliah... kita mesti tolong budak perempuan itu," bisik Siti.

Aku tersedar dari lamunan. Aku memandangnya dan mengangguk. Tanpa ragu, kami melangkah ke hadapan.

"Kamu tak patut buat begitu," kataku dengan suara yang tenang tetapi tegas. "Kita semua ada perasaan."

Budak-budak lelaki itu terdiam lalu berlalu pergi. Budak perempuan itu memandang kami dengan mata yang berkaca. Kali ini bukan kerana ketakutan, tetapi kerana lega. Aku tersenyum kecil.

Sejak hari itu, aku berjanji tidak akan berdiam diri lagi. Aku percaya bahawa kita akan lebih bahagia jika kita hidup bersama dengan aman dan saling menghormati. Bagai aur dengan tebing, manusia saling memerlukan.

Bagai Aur dengan Tebing

Aktiviti Bacaan

Dalam cerpen ini, watak Aliah telah membantu rakannya Siti apabila dia dibuli oleh Afiq. Jika kamu Siti, siapakah orang-orang yang boleh kamu minta bantuan? Tulis nama orang-orang tersebut di ruang yang berikut.



keluarga



rakan-rakan



guru



HARUM TRADISI, ERAT PERSAHABATAN

Aiza Ivanna Ariffin
Sekolah Rendah Temasek

Langit membiru dihiasi gumpalan awan putih yang berarak tenang, memayungi sekolah yang riuh dengan gelak tawa murid-murid. Di meja kantin yang sering menjadi saksi jalinan ukhuwah, Wei Ming dan Rahul duduk bersebelahan, menikmati hidangan sambil rancak berbual. Topik perbualan mereka meluncur laju — daripada kisah sukan kegemaran, warna pilihan, hinggalah impian masa hadapan. Namun, di sebalik tawa itu, Wei Ming tersenyum simpul, teringat akan permulaan persahabatan mereka yang unik.

"Rahul, masih ingatkah awak ketika takdir mempertemukan kita sepuluh bulan yang lalu?" tanya Wei Ming dengan nada yang sarat dengan nostalgia.

Rahul terdiam sejenak, membawa ingatannya kembali kepada hari pertama persekolahan. Ketika itu, dia hanyalah seorang budak lelaki yang pemalu, masih mencari arah di persekitaran yang asing. Dia berasa kerdil, seolah-olah dirinya tenggelam dalam lautan murid yang serba yakin. Berbeza sekali dengan Wei Ming yang petah bicara dan begitu terbuka untuk mencari kenalan baharu. Bak kata pepatah, mereka seperti langit dengan bumi. Namun, takdir mempunyai rencananya sendiri.

Konflik bermula semasa waktu rehat. Rahul yang berasa gementar untuk membeli makanan di gerai, memilih untuk membawa bekal masakan ibunya. Apabila dia membuka bekas makanan itu, aroma rempah-ratus yang kuat dan pekat segera memenuhi ruang udara di sekelilingnya. Rahul berasa tidak keruan; wajahnya merona merah kerana malu. Dia takut rakan-rakan lain akan memandang serong atau mengejek bau makanannya yang jauh berbeza daripada hidangan kantin yang biasa. Dia segera menundukkan wajah, berharap tiada sesiapa yang menyedari keberadaannya.

Namun, Wei Ming yang baru sahaja selesai membuang sampah, terpaku apabila menghidu aroma yang begitu menggugah selera itu. Dia mendekati meja Rahul. Jantung Rahul berdegup kencang — dia sudah bersedia untuk menerima kritikan.

"Wah, bau apa yang sedap sangat ni? Nampak menyelerakan!" ujar Wei Ming dengan nada yang tulus, tanpa sebarang riak mengejek.

Rahul tergamam. Dengan suara yang perlahan, dia menjawab, "Ini masakan tradisional kaum saya. Ibu saya yang sediakan."

Wei Ming tersenyum lebar.

"Hebatnya! Saya Wei Ming, berbangsa Cina. Boleh saya tahu nama masakan ini? Saya belum pernah merasai makanan sebegini."

Pada detik itu, tembok halangan yang dibina oleh rasa malu Rahul runtuh serta-merta. Rasa bimbang yang bersarang di dada bertukar menjadi rasa dihargai. Mereka mula bertukar cerita tentang budaya, tradisi keluarga dan keunikan identiti masing-masing. Wei Ming tidak melihat perbezaan itu sebagai satu jurang, sebaliknya sebagai peluang untuk belajar dan menghargai.

Peristiwa kecil di kantin itu menjadi titik tolak kepada persahabatan akrab mereka. Mereka sedar bahawa perbezaan budaya bukanlah alasan untuk memisahkan, malah menjadi jambatan yang menghubungkan hati.

Kini, setiap kali tibanya Hari Keharmonian Kaum di sekolah, Wei Ming dan Rahul menjadi penganjur utama. Mereka menggalakkan rakan-rakan lain untuk tidak sekadar berkongsi makanan jika dibenarkan agama masing-masing, tetapi berkongsi nilai dan adat resam keluarga masing-masing.

Sekolah mereka kini menjadi sebuah taman yang indah. Setiap murid bangga dengan identiti diri dan saling menghormati budaya rakan yang lain.

Bagi Wei Ming dan Rahul, kekitaan bukanlah tentang menjadi serupa, tetapi tentang cara kita menerima keunikan orang lain dengan hati yang terbuka. Ternyata, keharmonian itu bukan sekadar kata-kata tetapi terjalin melalui setiap suapan dan perbualan yang jujur antara satu sama lain.

Harum tradisi, Erat Persahabatan

Aktiviti Bacaan

Dalam cerpen ini, watak Wei Ming and Rahul mempunyai dua budaya yang berbeza. Tulis perbezaan dan persamaan antara dua budaya yang kamu tahu dalam peta Venn ini.



BULAT AIR KERANA PEMBETUNG, BULAT MANUSIA KERANA MUAFAKAT

Fyrra Jalylah Binte Jalaluddin
Sekolah Rendah Haig Girls

"Dengan segala hormatnya, dipersilakan penerima Anugerah Warga Baik tahun ini, Eilya Sophia, untuk naik ke pentas," umum pengacara majlis itu.

Tepukan gemuruh bergema di seluruh dewan. Jantungku berdegup kencang. Aku menarik nafas panjang sebelum melangkah ke hadapan. Saat aku menerima sijil itu daripada tetamu terhormat, perasaanku bercampur baur antara bangga dengan terharu. Dalam sekelip mata, fikiranku melayang kembali kepada peristiwa yang berlaku pada beberapa minggu lalu.

"Cepat! Tolong hubungi ambulans!"

Suara cemas itu memecah kesunyian petang di taman kejirananku. Aku yang sedang berbasikal terus berhenti mengayuh. Di hadapanku, seorang pak cik terbaring lemah di bangku. Wajahnya pucat lesi, tangannya terketar-ketar.

Tanpa berlengah, seorang wanita berbangsa Melayu menghulurkan air, seorang lelaki Tionghua pula segera menghubungi ambulans dan seorang pemuda India membantu memeriksa keadaan pak cik itu. Aku terpaku seketika melihat keadaan hiruk-pikuk itu. Namun, aku segera tersedar lalu membantu menenangkan orang di sekeliling.

Dalam saat genting itu, tiada siapa bertanyakan bangsa atau agama. Semua bertindak atas dasar kemanusiaan. Inilah yang sering dikongsikan Cikgu Salmah di bilik darjah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Beberapa minit kemudian, bunyi siren ambulans kedengaran. Kami semua menghela nafas lega apabila pak cik itu dibawa ke hospital dengan selamat. Walaupun tidak saling mengenali, kami saling berpandangan dan tersenyum sambil mengenalkan diri satu sama yang lain.

Peristiwa itu terus bermain di fikiranku. Pada malam itu, aku termenung panjang. Kata-kata guru *Social Studies*ku terngiang-ngiang di telinga, "Kita mungkin berbeza, tetapi sebagai rakyat Singapura, kita satu keluarga."

Keesokan harinya di sekolah, guruku mengumumkan tentang sambutan Hari Kebangsaan. Tiba-tiba, satu idea terlintas di benakku. Aku ingin menganjurkan satu aktiviti kejiranan kecil untuk menyatukan penduduk di kawasan estet perumahanku. Namun, tidak semua yang bersetuju.

"Buat apa susah-susah? Orang sekarang sibuk dengan hal masing-masing," seorang rakanku mencela sinis.

Aku menarik nafas panjang. Kata-kata itu mencabar semangatku. Namun aku tidak mahu mengalah.

"Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan," bisik hatiku.

Aku mula mengatur langkah. Dengan bantuan rakan baikku dan keluargaku, aku mengedarkan risalah dan mengajak jiran-jiran untuk turut serta. Pada mulanya, sambutan agak dingin. Ada yang sekadar mengangguk tanpa memberikan kata putus. Malah ada juga yang menolak dengan alasan kesibukan. Ayah mengingatkanku supaya tidak berputus asa.

"Teruskan usaha kamu, Eilya. Sedikit-sedikit, lama-lama menjadi bukit," ujar Ayah.

Setiap petang, aku meluangkan masa mengetuk pintu rumah jiran, memperkenalkan diri dengan lebih mesra dan menjelaskan tujuan sebenar program itu, untuk merapatkan hubungan sesama penduduk.

Aku juga menggunakan cara yang lebih kreatif.

Bersama rakan-rakanku, kami menghasilkan poster berwarna-warni dan menampalnya di papan buletin di hadapan lif. Kami turut berkongsi maklumat melalui kumpulan WhatsApp kejiranan agar lebih ramai tahu tentang majlis itu nanti. Sedikit demi sedikit, usaha kami mula membuahkan hasil. Seorang demi seorang jiran tampil menawarkan bantuan.

Melihat perubahan itu, hatiku dipenuhi rasa syukur. Walaupun pada awalnya sukar, akhirnya semangat kerjasama mula terjalin. Aku semakin yakin bahawa apabila kita ikhlas berusaha, pasti ada jalan yang terbuka.

Nek Timah dari lantai tiga menawarkan diri untuk memasak, Encik Lim dari lantai lima bersetuju menyediakan minuman. Puan Devi dari blok hadapan pula ingin mengadakan permainan tradisional untuk kanak-kanak. Kak Siti, Joseph dan Pereira bekerjasama untuk membuka reruai-reruai bagi mempamerkan maklumat serta artifak berkaitan perayaan mereka. Melihat kerjasama ini, hatiku berbunga gembira. Ibu memeluk aku erat sambil berkata, "Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat."

Hari yang dinanti-nantikan akhirnya tiba.

Taman kejirananku yang biasanya sunyi kini meriah dengan gelak ketawa. Kanak-kanak berlari riang. Orang dewasa berbual mesra tanpa mengira latar belakang, bangsa atau agama. Pelbagai juadah disajikan. Dari nasi lemak, thosai, kuih-muih dan manisan dikongsi bersama. Siapa sangka? Peristiwa kecil di taman beberapa hari lalu kini telah mencetuskan sesuatu yang lebih besar. Sesuatu yang lebih bermakna. Satu majlis yang sederhana tetapi mengeratkan hati penduduk.

Tiba-tiba, aku terdengar seseorang memanggil namaku. Aku menoleh dan melihat pak cik yang kelmarin pengsan di taman. Kini dia berdiri tegap sambil tersenyum.

"Terima kasih, Eilya. Awak telah menyatukan kami semua," katanya dengan suara yang penuh penghargaan.

Aku tersenyum, hatiku tersentuh. Sebenarnya, bukan aku yang menyatukan mereka tetapi semangat kebersamaan yang sudah lama wujud dalam diri rakyat Singapura. Apabila lagu kebangsaan berkumandang, kami semua berdiri tegak. Dalam detik itu, aku benar-benar memahami makna menjadi rakyat Singapura. Kami mungkin berbeza, tetapi apabila bersatu, kami menjadi lebih kuat. Sesungguhnya peribahasa, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh, memberikan erti yang mendalam pada hidupku.

Bulat Air Kerana Pembentung,
Bulat Manusia Kerana Muafakat

Aktiviti Bacaan

Dalam cerpen ini, watak Elya melalui pelbagai peristiwa dan merasakan pelbagai perasaan. Berdasarkan perasaan yang diberikan, kenal pasti dan tulis bahagian-bahagian dalam cerita ketika Elya merasakan perasaan tersebut.



gembira



sedih



malu



geram



HATI TERTAMBAT PADA TANAH AIR

Alwany Zafirah Binte Mohammad
Sekolah Rendah White Sands

Farah masih ingat hari dia meninggalkan Singapura. Lapangan terbang dipenuhi dengan ramai orang tetapi hatinya terasa berat. Dia telah mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran di Australia. Ini sesuatu yang diimpikan ramai orang. Namun, ketika kapal terbang berlepas, dia hanya mampu memandang ke luar tingkap, melihat negaranya semakin jauh dan kecil.

Pada awalnya, Farah berasa besar hati sebab dia dapat cuba hidup di luar negaranya. Angin yang sejuk, bangunan yang berbeza dan cara hidup yang baharu membuatkan Farah berasa seperti mahu memulakan lembaran baru. Dia berkawan dengan pelajar dari pelbagai negara, mempelajari budaya yang berbeza dan menikmati kebebasan yang tidak pernah dirasainya sebelum ini.

Namun lama-kelamaan, perasaan itu mula berubah. Di luar negara, walaupun masyarakatnya maju, Farah mula berasa kosong. Orang ramai tetapi mereka hidup dalam dunia masing-masing, tiada interaksi hangat yang membuatkan hatinya terasa dekat dengan orang lain. Tiada lagi suasana kedai makan yang riuh, tiada lagi perayaan pelbagai kaum yang diraikan bersama dan tiada lagi senyuman mesra daripada jiran yang sering menyapa antara satu sama lain.

Yang paling dirindui oleh Farah ialah ibu bapanya. Setiap malam, dia akan melihat gambar keluarganya di skrin telefon. Dia teringat akan masakan ibunya yang sentiasa terhidang di meja makan dan suara ayahnya yang sering bertanya tentang harinya. Di luar negara, semuanya terasa sunyi.

Tiada lagi gurauan ayahnya, tiada lagi pelukan hangat ibunya. Kadang-kala, Farah akan menghubungi mereka melalui panggilan video, tetapi ia tetap tidak sama seperti berada di sisi mereka.

Setiap kali panggilan itu berakhir, hatinya terasa sayu. Ketika itulah dia sedar walaupun dia pergi jauh, dia tetap ingin kembali ke pangkuan keluarganya. Mereka seperti tulang belakangnya dan sentiasa memberinya kasih sayang yang tidak ternilai.

Pada suatu petang, ketika berjalan pulang dari kelas, Farah terdengar sekumpulan pelajar berbual dalam Bahasa Melayu. Dia berhenti seketika, tersenyum tanpa sedar. Bunyi perbualan itu terasa begitu dekat di hatinya. Tiba-tiba, dia teringat suasana di Singapura di sebuah tempat yang ada kedai makan yang riuh, suara orang berbilang bangsa berbual dalam pelbagai bahasa dan senyuman mesra yang sering diberikan tanpa perlunya sebarang sebab.

Malam itu, Farah mengunakan telefonnya untuk memainkan lagu 'Singapura Permai' yang pernah dipelajarinya di sekolah. Liriknya menusuk ke dalam hati Farah.

"Singapura permai, indah dan harmoni..."

Air matanya mengalir tanpa disedari. Dia mula merindui perkara-perkara kecil yang sering dianggap remeh baginya semasa dia tinggal di Singapura. Lebih daripada itu, dia merindui semangat perpaduan yang sukar ditemuinya di tempat lain. Pada suatu hari, pensyarahnya bertanya di dalam kelas, "Apakah yang membuatkan kamu bangga dengan negara asal kamu?"

Soalan itu membuatkan Farah terdiam. Kemudian, dengan perlahan, dia menjawab, "Negara saya kecil tetapi rakyatnya besar hati. Kami berbeza, tetapi kami hidup bersama dengan aman. Kami saling menghormati."

Jawapannya membuatkan dirinya sendiri tersentuh.

Sejak hari itu, Farah mula sedar bahawa hatinya masih tertambat pada tanah airnya. Walaupun dia jauh, identitinya tidak pernah berubah. Dia sebahagian daripada Singapura, sebuah negara yang dibina atas perpaduan dan sikap hormat menghormati.

Setelah tamat pengajiannya, Farah membuat keputusan yang tidak dijangka oleh ramai. Dia memilih untuk pulang ke Singapura. Dia sendiri tidak sangka bahawa dia akan mengambil keputusan itu walaupun pada mulanya dia ingin bermastautin di Australia selepas pengajiannya.

Apabila kakinya menjejaki tanah air, dia menarik nafas panjang. Udara yang lembap terasa begitu biasa. Di sekelilingnya, dia melihat wajah-wajah manusia pelbagai bangsa dan agama. Semuanya hidup bersama dalam keharmonian, bagai isi dengan kuku.

Dalam perjalanan pulang, dia terdengar lagu Singapura Permai dimainkan daripada radio teksi. Farah tersenyum. Kali ini, dia tidak hanya mendengar lagu itu sebagai pelajar sekolah. Dia memahaminya sepenuhnya.

"Singapura permai bukan sekadar lagu," bisiknya perlahan. "Ia merupakan jiwa negara ini."

Farah tahu, walaupun dunia ini luas dan penuh peluang, tiada tempat yang dapat menggantikan rasa cinta dan bangga terhadap tanah air sendiri. Di sinilah dia belajar tentang perpaduan, menghargai perbezaan dan cara untuk tinggal bersama sebagai satu masyarakat. Di sini juga, dia belajar bahawa setiap rakyat, walaupun berbeza latar belakang, mempunyai tanggungjawab untuk memelihara keamanan, keharmonian dan keindahan negara. Di sini juga, hatinya benar-benar berada.

Hati Tertambat pada Tanah Air

Aktiviti Bacaan

Penulisan frasa indah adalah mencipta gabungan kata yang memiliki makna puitis dan menyentuh perasaan.

Yang berikut merupakan beberapa frasa indah dalam cerpen ini. Baca makna frasa-frasa ini.

1



hatinya terasa berat

- menggambarkan perasaan yang sangat sedih

2



memulakan lebaran baru

- menjalani suatu permulaan baru yang segar dan penuh harapan.

3



liriknya menusuk ke dalam hati

- menggambarkan lirik lagu yang memberikan kesan emosi yang kuat

4



kasih sayang yang tidak ternilai

- menggambarkan kasih sayang yang tidak dapat digantikan dengan nilai wang

5



bagai isi dengan kuku

- menggambarkan hubungan yang sangat rapat

Bina ayat menggunakan frasa-frasa indah ini. Tulis ayat dalam ruang yang tersedia.

1.	hatinya terasa berat _____
2.	memulakan lembaran baru _____
3.	liriknya menusuk ke dalam hati _____
4.	kasih sayang yang tidak ternilai _____
5.	bagai isi dengan kuku _____


KATEGORI
SEKOLAH MENENGAH

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH

BUNGA DAN BUDI **Alysha Mohamed Hyder Bounaparte** Sekolah Perempuan Raffles	48
ALAM KITA **Timothy Nathanael Kwan** Institusi St. Joseph	53
LAGU RAKYAT SINGAPURA **Nur Syakirah 'Alawiah Binte Muhammad Redzuan** Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang	56
PETA DALAM LAGU **Nathalie Sri Aurellia Anugrahani** Sekolah Menengah Yishun Town	60
WARISAN BUDI DI BAWAH LANGIT TEMASEK **Zayd Bin Luqman** Sekolah Menengah Meridian	64
TERIMA KASIH, TAMAN TIONG **Maximillian Warren Kusumo** Institusi St. Joseph	67
WARISAN YANG TIDAK DAPAT DILUPAKAN **Aaeesha Neman Binte Asrol Nizam** Sekolah Menengah Tampines	70
BOUGAINVILLEA DI HUJUNG KORIDOR **Nur Insyirah Binte Abdulrani** Sekolah Menengah Yuying	73
BUDI DI TAMAN KECIL KAMI **Nur Rifa Dhamirah Binte Abdul Ghani** Sekolah Menengah Guangyang	76
DI BAWAH LANGIT YANG SAMA **Lua Yen Hao** Institusi St. Joseph	79

BUNGA DAN BUDI

Alysha Mohamed Hyder Bounaparte
Sekolah Perempuan Raffles

5 CERPEN TERBAIK

Langit petang yang kelabu memayungi desa itu seperti menyimpan rahsia yang pahit. Suara tengkar bertindih-tindih, menikam kesunyian petang yang biasanya damai. Kata-kata tajam dilontarkan tanpa timbang rasa, seperti duri yang mencalar hati. Di kaki-kaki rumah, pasu-pasu bunga yang pernah mekar segar kini layu tidak bermaya, kelopaknya gugur satu demi satu seakan-akan turut berduka. Angin yang bertiup tidak lagi membawa haruman kenanga atau melati, sebaliknya hanya menyebarkan sisa kehangatan amarah yang belum reda.

Jika keindahan masih ada pada pandangan mata, mengapakah hati tetap terasa gersang?

Suatu ketika dahulu, kehidupan di situ berdenyut lembut. Haruman kenanga dan melati menyapa setiap pagi, manakala bunga tanjung di hujung dahan bergoyang ditiup angin dengan penuh gemalai. Senyuman mudah diberikan, sapaan terasa ikhlas dan hati manusia saling terikat dalam rasa hormat. Namun kini, keindahan itu hanya tinggal pada luaran, jiwa-jiwa di dalamnya semakin renggang.

Untuk memahami bagaimana desa itu menjadi seperti sekarang, benarkan saya ceritakan tentang dua insan, Bunga dan Budi, nama-nama yang sering di bibir setiap penduduk.

Bunga, yang kehadirannya selalu membawa seri. Dia gemar berjalan dari halaman ke halaman, menyentuh daun, membetulkan pasu, kadang-kadang sekadar duduk memerhati. Anehnya, bunga-bunga yang hampir layu akan kembali segar selepas itu. Warna menjadi lebih terang. Harumnya kembali terasa. Orang kampung mula percaya, di mana ada Bunga, di situ ada keindahan. Tawa kecilnya pula ringan, seperti bunyi burung di celah pagi, mudah membuat orang lain ikut tersenyum.

Di hujung desa, ada pula Budi. Dia bukanlah yang paling menonjol, malah, ramai yang tidak perasan kehadirannya pada awalnya. Tetapi jika ada yang susah, dialah yang muncul dahulu. Dia membantu tanpa bersoal —mengangkat barang, menenangkan yang bertengkar atau sekadar mendengar apabila anda perlukan. Kata-katanya tidak tinggi, tetapi cukup untuk meredakan hati yang panas. Orang tua senang dengannya. Kanak-kanak pula tidak takut mendekatinya.

Bunga membawa keindahan yang boleh dilihat. Budi pula membawa ketenangan yang boleh dirasai. Tanpa banyak kata, kedua-duanya telah lama menjadi nadi desa itu.

Namun pada suatu tahun, datang seorang orang luar yang kaya, berpakaian indah dan berbicara dengan penuh keyakinan. Dia berjalan mengelilingi desa, memuji keindahan bunga di setiap halaman, dan berhenti lama setiap kali bertemu Bunga. “Inilah yang menjadikan desa ini istimewa,” katanya, cukup kuat untuk didengar semua. Keindahanitulah, padanya, yang membuat desa itu istimewa.

Kata-kata itu tidak berhenti di telinga, namun, berakar dalam fikiran. Sedikit demi sedikit, penduduk mula melihat satu sama lain dengan ukuran yang baharu. Di serambi rumah, ibu-ibu berbisik, membandingkan wajah anak masing-masing. “Anak aku lebih cerah kulitnya,” kata seorang. “Tapi anak aku lebih manis dipandang,” balas yang lain, senyum mereka tidak lagi seikhlas dahulu.

Di halaman pula, persaingan semakin jelas. Ada yang menukar pasu lama dengan yang berukir halus, ada yang membeli bunga dari luar desa. Setiap sudut dihias rapi, tetapi bukan lagi untuk dinikmati bersama, sebaliknya untuk dipamerkan. Mata-mata mula menilai, bukan sekadar melihat.

Perbualan yang dahulu dipenuhi tanya khabar kini berubah arah. Mereka berbicara tentang siapa punya halaman paling cantik, rumah paling teratur, keluarga paling sempurna. Jika dahulu mereka saling membantu menanam dan menyiram, kini masing-masing menjaga sempadan sendiri, bimbang keindahan mereka ditandingi orang lain.

Lama kelamaan, perubahan itu menjadi nyata, terasa pada setiap sudut desa. Suara yang dahulunya lembut kini mudah meninggi. Hal-hal kecil menjadi punca pertelingkahan. Sekadar pasu yang teralih sedikit, atau bunga yang dipetik tanpa izin, sudah cukup untuk mencetuskan kata-kata yang melukakan.

Budi masih berjalan dari satu rumah ke satu rumah, seperti biasa. Dia cuba menenangkan, cuba mendamaikan. Namun kali ini, tidak semua pintu terbuka untuknya. Ada yang memandang dingin, ada yang menganggap nasihatnya tidak lagi penting. "Ini bukan urusan kau," kata seorang dengan nada tajam. Budi hanya diam.

Di tempat lain, Bunga berdiri di tengah halaman yang dipenuhi bunga-bunga paling indah yang pernah ditanam di desa itu. Warnanya terang, susunannya sempurna. Semua yang melihat pasti kagum. Tetapi Bunga tidak tersenyum. Dia memandang sekeliling, melihat wajah-wajah yang tegang, mata yang penuh perbandingan, dan hati yang seakan-akan tidak lagi mengenal puas.

Tidak lama kemudian, sesuatu yang lebih ganjil mula berlaku. Bunga-bunga itu masih mekar, malah kelihatan lebih indah daripada sebelumnya—warnanya terang, kelopaknya sempurna, tersusun rapi di setiap halaman. Namun apabila dihampiri, tiada lagi haruman yang menyapa. Kenanga tidak lagi semerbak, melati tidak lagi menyegarkan sanubari. Semuanya indah pada pandangan, tetapi kosong pada rasa.

Dah mahal-mahal beli tak ada bau pula," rungut seorang wanita, mengibas-ngibas tangannya di hadapan pasu besar di serambi rumahnya. Seorang lagi menyampuk, suaranya sedikit meninggi, "Aku pun sama. Dah beli yang paling cantik, tapi tetamu datang pun tak perasan apa-apa. Kalau orang tak perasan aku beli kenapa?" Mereka menyalahkan penjual, seolah-olah kehilangan itu sekadar cacat pada barang, bukan pada nilai.

Mereka masih sibuk memastikan bunga kelihatan sempurna di mata orang lain. Susunan diperbetul, warna dipadankan, halaman dihias seindah mungkin. Namun, sedikit demi sedikit, keanehan itu tidak lagi dapat diabaikan. Haruman yang sepatutnya menyapa setiap ruang tidak pernah tiba.

"Mengapa bunga ini tidak berbau?" tanya seseorang akhirnya, kali ini bukan sekadar merungut, tetapi benar-benar bingung.

Namun mereka tidak benar-benar mencari jawapan. Soalan itu dibiarkan tergantung, diganti dengan jalan yang lebih mudah. Orang luar yang kaya itu kembali muncul, kali ini dengan senyuman yang lebih lebar dan cadangan yang lebih meyakinkan. Dia membuka peti-peti kecil berisi botol kaca yang berkilau.

"Kalau bunga tidak lagi berbau," katanya tenang, "kita ciptakan baunya sendiri."

Penduduk terpesona. Mereka membeli minyak wangi yang dikatakannya menyerupai haruman kenanga, melati, bahkan mawar paling mahal. Setiap petang, serambi rumah disembur dengan haruman tiruan itu. Udara desa dipenuhi bau yang memikat pada awalnya, cukup untuk menipu deria.

"Lihat?" kata orang luar itu sambil tersenyum.

"Masih indah."

Penduduk mengangguk, lega. Mereka tidak lagi bertanya mengapa bunga itu tidak berbau. Asalkan ada sesuatu yang boleh menggantikan, itu sudah cukup.

Namun pengganti itu tidak kekal.

Tidak lama kemudian, bau yang menyelubungi desa mula berubah. Di celah-celah haruman tiruan, terselit sesuatu yang tidak menyenangkan. Pada mulanya, baunya samar, hampir tidak disedari. Tetapi hari demi hari, ia menjadi semakin kuat. Bunga-bunga yang masih kelihatan segar itu mula mengeluarkan bau yang busuk, menusuk hidung, seakan-akan ada sesuatu yang mereput dari dalam.

Penduduk panik. Mereka menyembur lebih banyak minyak wangi, menutup bau itu sekuat mungkin. Orang luar yang kaya itu hanya berdiri memerhati dari jauh, senyumannya masih tidak berubah, seolah-olah semua itu sudah dijangka.

Bunga menunduk di tepi satu pasu, wajahnya muram. Haruman yang dulu hidup di tangannya kini tidak lagi kembali. Di seberang halaman, Budi memandang dengan tenang, tetapi matanya berat.

"Apa yang hilang tidak boleh diganti begitu sahaja," katanya perlahan.

Kali ini, kata-kata itu tidak mudah diabaikan. Untuk seketika, suasana menjadi senyap. Tetapi senyap itu tidak bertahan lama.

Seorang penduduk segera membalas, suaranya meninggi. "Kalau kau tak boleh ubah situasi kami ini, jangan cakap macam kau tahu semuanya." Yang lain mengangguk, tidak mahu menerima hakikat pahit yang benar. "Bunga masih cantik," tambah seorang lagi, "bau atau tidak, itu tidak penting. Yang penting nampak indah sahaja."

Orang luar yang kaya itu ketawa kecil, seakan-akan bersetuju tanpa perlu berkata banyak.

"Betul juga," katanya sambil memandang sekeliling. "Selagi ia kelihatan baik, apa lagi yang perlu dipersoalkan?"
Budi tidak membalas. Dia hanya berdiri diam, pandangannya jatuh pada tanah yang kini tidak lagi subur.

Bunga, yang sejak tadi memerhati dari hujung halaman, akhirnya melangkah ke hadapan, menarik perhatian yang masih tinggal di situ. Suara-suara yang tadi penuh dengan hujah perlahan-lahan mereda, namun wajah mereka masih keras seolah-olah tidak mahu kalah.

"Kamu semua masih nampak semua ini indah," katanya perlahan. "Tapi cuba tanya diri kamu, bila kali terakhir kamu benar-benar rasa tenang di sini?"

Tiada siapa menyahut. Angin bergerak perlahan, menyapu kelopak yang tidak lagi berbau seperti dahulu.

"Sekarang kamu sibuk bandingkan rumah siapa lebih cantik, anak siapa lebih baik, halaman siapa lebih menarik perhatian," sambung Bunga, suaranya semakin jelas. "Kamu hias kertang ingin paling indah, tapi kamu tak lagi duduk bersama untuk menikmatinya."

Seorang penduduk mengeluh kecil. "Asalkan cantik, cukup lah. Tak perlu semua itu."

Bunga mengalihkan pandangannya kepada bunga-bunga di halaman. "Kamu semua kata yang penting ialah nampak cantik. Tapi kenapa bila semuanya sudah cantik, hati kamu masih tidak puas? Masih rasa perlu lebih daripada orang lain?"

Suasana menjadi lebih senyap.

"Kamu saling menilai, bukan lagi saling memahami," katanya, kali ini lebih perlahan tetapi menusuk. "Kalau ada yang jatuh, kamu tengok dulu kalau mereka dapat memberikan balasan, bukan siapa yang perlukan tangan."

Budi berdiri tidak jauh, tidak menyampuk, hanya mendengar.

Bunga menarik nafas perlahan. “Kalau ini yang kamu panggil indah... kenapa ia tidak pernah cukup untuk membuat kamu bahagia bersama?”

Untuk pertama kali, tidak ada balasan segera.

Penduduk tidak berubah secara tiba-tiba, tetapi perubahan kecil mula kelihatan pada cara mereka hidup.

Seorang ibu yang dahulu sibuk membandingkan anaknya kini mula mendengar cerita jiran tanpa menyampuk. Seorang pemuda yang sering menjaga halaman paling cantik mula membantu membersihkan rumah orang tua yang uzur, tanpa memikirkan bagaimana rupanya di mata orang lain. Perlahan-lahan, pandangan mereka tidak lagi hanya tertumpu pada apa yang “nampak indah”, tetapi pada apa yang “membuat orang lain rasa dihargai”.

Bunga tidak lagi dilihat sebagai sekadar simbol kecantikan. Dia mula duduk bersama penduduk, bukan untuk dipuji, tetapi untuk berbual seperti biasa. Dia tidak lagi menjadi tumpuan setiap mata, tetapi lebih diterima sebagai sebahagian daripada mereka.

Budi pula tidak lagi perlu berulang kali menenangkan pertengkaran kerana semakin ramai yang mula belajar menahan kata-kata mereka sendiri. Kehadirannya masih sama, tetapi beban di bahunya semakin ringan, seolah-olah orang lain akhirnya mula memikul sedikit daripada tanggungjawab yang dahulu hanya digalasnya.

Sedikit demi sedikit, penduduk mula memahami sesuatu yang selama ini kabur. Keindahan tanpa nilai hanya tinggal pada pandangan, dan nilai tanpa keindahan membuat hidup terasa hambar.

Kedua-duanya bukan untuk dipilih salah satu, tetapi untuk saling melengkapi seperti tanah dan hujan yang menumbuhkan kehidupan.

Orang luar yang kaya itu, yang suatu ketika dahulu memulakan segala kekacauan dengan pujian tentang keindahan semata-mata, berdiri di pinggir desa. Dia memerhati perubahan ini. Tiada lagi kekaguman dalam matanya. Tanpa kata, dia berpaling dan pergi, langkahnya perlahan, hilang di jalan yang sama dia datang dahulu.

Bunga dan Budi

Aktiviti Bacaan

Pemburu Budi

Sepanjang satu minggu, cari tiga contoh perbuatan berbudi di rumah, sekolah atau kawasan kejiranan kamu. Kemudian, catatkan perbuatan-perbuatan tersebut dalam ruang yang tersedia.

Contoh pertama: Rumah

Apakah perbuatan tersebut?	Siapakah yang melakukan perbuatan tersebut?	Bagaimanakah perasaan kamu apabila melihat perbuatan tersebut?

Contoh kedua: Sekolah

Apakah perbuatan tersebut?	Siapakah yang melakukan perbuatan tersebut?	Bagaimanakah perasaan kamu apabila melihat perbuatan tersebut?

Contoh ketiga: Kawasan Kejiranan

Apakah perbuatan tersebut?	Siapakah yang melakukan perbuatan tersebut?	Bagaimanakah perasaan kamu apabila melihat perbuatan tersebut?

ALAM KITA

Timothy Nathanael Kwan
Institusi St. Joseph

5 CERPEN TERBAIK

Bayangkan sebuah sudut tersembunyi di pesisir timur Singapura, sebuah perkampungan nelayan terakhir yang bertahan di celah-celah hutan konkrit. Di hadapannya, Selat Singapura terbentang luas, menjadi laluan kapal gergasi. Namun, di dasarnya masih menyimpan rahsia—terumbu karang yang sesekali berkilau di celah air pasang. Bagi komuniti kecil di situ, laut bukan sekadar pemandangan tetapi warisan yang menghubungkan mereka dengan leluhur yang telah lama tiada.

Farhan, pemuda berusia 24 tahun, ialah penjaga warisan itu. Dia mewarisi sebuah bot gentian kaca lama bernama "Putih Melati" daripada arwah bapanya. Walaupun rakan sebaya memilih untuk bekerja di pejabat berhawa dingin di Raffles Place, Farhan memilih untuk hidup bersama laut. Dia masih ingat akan pesan bapanya sambil menuding ke arah ufuk, "Farhan, laut ini ialah amanah. Kita bukan pemiliknya, kita hanya peminjam. Jika kita tamak, laut akan 'merajuk', dan apabila laut merajuk, tiada sesuatu pun yang tinggal buat anak cucu kita." Farhan hidup dengan prinsip itu—menangkap ikan secara mampan dan sentiasa memastikan pantai di sekitar jeti mereka bersih daripada sisa hanyut.

Namun, ketenangan itu mula digugat oleh bayang-bayang pembangunan. Sebuah firma pemaju antarabangsa, dengan sokongan pelabur besar, mengumumkan projek "Seri Laut Integrated Resort". Mereka merancang untuk menambak sebahagian kawasan pantai untuk membina kondominium mewah, marina kapal layar dan kelab pantai eksklusif.

Dalam sebuah perjumpaan di balai rakyat, wakil pemaju, Encik Victor Tan, berdiri megah di hadapan skrin gergasi. "Ini ialah transformasi ekonomi! Singapura tidak boleh statik," katanya dengan penuh karisma.

Dia menawarkan pampasan lumayan, peluang bekerja sebagai pegawai keselamatan di resort dan kupon latihan kemahiran semula. Bagi nelayan yang sudah lama bergelut dengan kos sara hidup yang tinggi di kota singa ini, tawaran itu bagai talian hayat. Pak Man, yang terdesak untuk membiayai bil perubatan isterinya di hospital kerajaan, menjadi antara yang terawal menandatangani kontrak.

Dalam tempoh beberapa bulan, keadaan berubah drastik. Kapal-kapal pengorek mula menyedut pasir, menyebabkan air laut yang dahulunya jernih menjadi pekat dengan selut. Terumbu karang yang menjadi rumah ikan musnah dalam sekelip mata. Farhan melihat dengan hati yang hancur; pukatnya kini lebih banyak menarik lumpur dan plastik berbanding ikan selar atau kerapu.

Konflik memuncak apabila Farhan mendapati bahawa kawasan yang ingin ditambak itu sebenarnya meliputi sebahagian daripada Tanah Wakaf yang telah diwartakan sejak sebelum kemerdekaan lagi. Farhan tidak duduk diam. Dia menggunakan akaun media sosialnya, merakam kemusnahan ekosistem menggunakan dron dan memulakan petisyen dalam talian yang tular di seluruh negara.

"Saudara-saudari," suara Farhan bergema di satu sesi dialog terbuka yang dihadiri pihak berkuasa dan penduduk. "Kemajuan bukan hanya tentang berapa banyak konkrit yang kita tanam, tetapi tentang perkara yang kita tinggalkan untuk masa hadapan. Adakah kita mahu menceritakan kepada anak-anak kita bahawa kita pernah mempunyai laut tetapi kita menjualnya demi kemewahan sementara?"

Encik Victor mencelah sinis, "Ini tanah kerajaan, Farhan. Kita perlukan pembangunan untuk ekonomi negara."

Namun, Farhan sudah bersedia. Dia menjemput Pak Dollah, seorang guru pesara yang telah melakukan kajian di Arkib Negara. Pak Dollah mengeluarkan dokumen lama berserta peta asal. "Tunggu dulu. Rekod menunjukkan sebahagian plot ini telah diwakafkan oleh seorang dermawan pada tahun 1950-an untuk kegunaan komuniti dan pendidikan. Mengikut undang-undang, status wakaf ini tidak boleh ditukar sesuka hati untuk projek komersial tanpa pertimbangan yang sangat ketat."

Suasana dewan menjadi riuh. Pendedahan itu memaksa pihak berkuasa menjalankan semakan semula yang menyeluruh. Sokongan daripada NGO alam sekitar dan masyarakat sivil Singapura semakin kuat menggesa supaya keaslian pesisir itu dikekalkan sebagai kawasan konservasi.

Akhirnya, selepas perdebatan panjang pada peringkat tertinggi, pelan resort itu terpaksa diubah suai secara drastik. Kawasan tambakan dibatalkan. Syarikat tersebut hanya dibenarkan membina sebuah pusat eko-pelancongan yang jauh lebih kecil di atas tanah sedia ada, dengan syarat mereka mesti memulihkan semula terumbu karang yang telah rosak.

Kini, Seri Laut menjadi model kepada "Singapura yang Lestari". Farhan bukan lagi sekadar nelayan. Dia kini mengetuai program pemanduan pelancong berasaskan alam semula jadi. Dia sering berdiri di jeti pada waktu senja, melihat laut yang kembali tenang dan jernih. Dia sedar, dalam sebuah negara bandar yang kecil ini, keharmonian antara pembangunan dan alam sekitar bukan satu pilihan tetapi satu kemestian yang menuntut budi pekerti dan keberanian untuk berkata benar.

Desa itu kekal abadi, bukan kerana ia menolak kemodenan tetapi kerana penduduknya memilih untuk maju tanpa membuang jiwa dan warisan mereka ke dasar laut.

Alam Kita

Aktiviti Bacaan

Dalam aktiviti ini, kamu akan bayangkan diri kamu sebagai ahli pasukan media sosial Farhan yang ingin memulakan petisyen dalam talian terhadap usaha melestarikan Pantai Seri Laut. Bina draf kempen InstaPos kamu di sini.

Masukkan Lakaran/ Idea Visual Drona

- Kamu boleh lukis atau berikan penerangan tentang perkara yang dipaparkan pada skrin

Kapsyen (50 – 80 patah perkataan)

LAGU RAKYAT SINGAPURA

Nur Syakirah 'Alawiah Binte Muhammad Redzuan
Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang

5 CERPEN TERBAIK

Tiupan bayu dari kipas yang kuat itu seolah-olah menyapa jiwaku, membawa ketenangan yang perlahan-lahan memenuhi hati. Aku menyandarkan tubuh di kerusi goyang kayu. Dari corong radio lamaku, lagu "Rakyat Singapura" berkumandang. Lagu ini tidak pernah gagal menjentik kenangan silam. Aku tersenyum kecil sambil hatiku mendendangkan melodinya.

Cucuku, Iman, memandang ke arahku dengan wajah yang penuh tanda tanya. Lucu aku melihat si kecil ini mengerutkan keningnya.

"Nenek tahu lagu ini? Ini kali pertama Iman dengar," suara Iman menyilangi irama merdu yang sedang aku dengar.

Aku tergelak kecil. "Sudah tentunya. Lagu ini selalu dimainkan ketika Nenek di sekolah dahulu. Lagu ini menyimpan banyak memori."

Iman kelihatan sungguh berminat untuk mengetahui ceritaku. Dia bangun meninggalkan sofa lalu melangkah ke arahku. Begitulah keletah Iman. Petang-petang begini, hanya Iman sahajalah peneman setiaku di rumah. Aku mula menyingkap tirai kisah hidupku sedikit demi sedikit.

Tahun 1964. Aku berada di sekolah menengah. Pada masa itu, aku sedang bertungkus-lumus menyelesaikan tugasan sekolahku. Keringat membasahi dahiku kerana keadaan di dalam bilik darjah yang berbahang. Bangunan sekolah pada masa itu tidak dilengkapi dengan kemudahan moden seperti sekarang. Jika dipasang kipas sekalipun, mungkin hanya di bilik pengetua sekolah dan guru.

Suara dan bayangan kawan-kawanku yang sedang bermain pada waktu rehat agak mengganggu ketenteramanku. Sekali-sekala, aku melontarkan pandangan ke luar jendela untuk meninjau mereka.

Tidak sabar rasanya hatiku untuk menyelesaikan tugasan sekolah itu supaya dapat segera turut serta dengan mereka. Sedang aku berperang dengan masa, tiba-tiba kedengaran jeritan seorang murid.

"Aku bukan penjenayah! Aku tidak buat salah!"

Teriakan yang menggambarkan ketakutan itu memancing perhatianku. Tatkala aku mengintai di celahan jendela, aku melihat kawanku Siti sedang terduduk di lantai sambil dikelilingi beberapa orang murid perempuan berbangsa Cina. Murid-murid itu kelihatan tinggi dan besar, berkemungkinan mereka daripada menengah atas.

Ketakutan jelas terpancar pada wajah Siti semasa pelajar-pelajar perempuan itu bercakap dengannya. Aku cuba mendengar perbualan mereka untuk mengetahui punca kejadian itu. Namun, suara-suara mereka bertindan sehingga menjadi tidak jelas. Aku melihat, mereka menudingkan jari terhadap Siti seolah-olah sedang memberinya amaran. Ada beberapa ketika, mereka menghayunkan kaki dan tangan mereka ke arah Siti. Keadaan pada masa itu sangat genting. Siti yang aku kenali ialah seorang pelajar yang baik dan lemah lembut. Tidak mungkin orang seperti Siti mampu mempunyai musuh. Setahu aku, semua orang senang berkawan dengan Siti. Aku pula seperti sedang melihat lampu trafik merah, hanya tercegat tanpa boleh berbuat apa-apa.

"Kau bodoh! Sama dengan bangsa kau. Bodoh dan pemalas!" Akhirnya, gegendang telingaku sempat menangkap ayat yang dilontarkan mereka kepada Siti. Kebingungan yang aku alami tadi mula reda, seperti awan gelap yang beransur hilang saat matahari menyapa. Isu perkauman! Semenjak kebelakangan ini, memang kerap berlaku pergaduhan kerana ketidaksefahaman dalam pelbagai isu.

Baik isu politik, pendidikan, pekerjaan, perumahan mahupun isu-isu lain, ada sahaja yang tidak usai. Saban hari, ada sahaja berita yang memenuhi dada Utusan Melayu tentang isu yang sama. Para wartawan pula tidak henti-henti memetik ucapan ahli politik yang kadangkala menyentuh isu perkauman secara sensitif, melapikkan sifat-sifat negatif pada bangsa-bangsa tertentu. Yang putih seringkali tamak, yang sawo matang dikatakan pemalas. Andai mereka melihat segalanya melalui lensa yang jernih, pasti warna tidak akan menjelma sebagai pemisah.

Tatkala suara hati dan fikiranku bertelagah dalam diam, aku tidak menyedari ada sepasang mata yang memerhatikanku. Salah seorang pelajar perempuan itu melihat keberadaanku di dalam bilik darjah. Dengan segera, dia memberitahu teman-temannya yang lain. Derapan kaki mereka yang ibarat askar-askar berkawat semakin kuat kedengaran. Mereka sedang menghampiriku dengan niat yang tidak terungkap. Dengan segera, aku berlari keluar daripada bilik darjah itu melalui pintu belakang untuk mendapatkan pertolongan. Bunyi langkah kaki mereka semakin kuat kedengaran di belakangku, semakin kuat dan semakin laju. Jantungku bedegup kencang dan hembusan nafasku semakin tersekat-sekat. Aku berlari tanpa arah. Aku hanya mahu selamat. Dalam keadaan tergopoh-gopoh itu, muka ku tersembam pada tubuh seseorang. Aku mendongakkan kepalaku. Lega hatiku apabila melihat Cikgu Seroja di hadapanku. Kalau pada hari-hari lain, pastinya aku ketakutan kalau terlanggar Cikgu Seroja seperti itu. Pasti teruk aku dimarahi oleh Cikgu Seroja yang garang itu. Namun, pada hari itu, kedatangan Cikgu Seroja ibarat pari-pari penyelamat bagiku.

Belum pun sempat Cikgu Seroja membuka mulut, beliau menoleh ke arah para pelajar perempuan yang berlari di belakangku. Pada ketika itu jugalah, aku melihat Cikgu Judy Tan memapah Siti yang sedang berjalan dengan terhincut-hincut.

Bibir kiri Siti berdarah, menutupi tahi lalat kecil yang selama ini menjadi penyeri wajahnya. Naluri dua orang guru itu sangat kuat. Sebelum kami sempat memberikan sebarang penerangan, mereka seperti sudah tahu perkara yang berlaku. Cikgu Seroja dan Cikgu Judy Tan membawa kami ke bilik pengetua.

Suara garau pengetua yang meminta penjelasan membuat kami semua tertunduk. Akhirnya, salah seorang pelajar perempuan berbangsa Cina itu mula bercerita.

"Ibu bapa saya kata dia bodoh. Kita mesti pukul dia. Sama dengan minggu lepas, orang Cina dan orang Melayu pun bergaduh. Ini bukan hal yang salah. Dia patut dipukul," katanya sambil merujuk kepada Siti.

"Kenapa kamu berpendapat sedemikian? Sudah dua tahun Siti merupakan pelajar cemerlang di sekolah kita, " kata Cikgu Judy Tan meminta penjelasan.

"Sebab dia orang Melayu. Mereka malas. Orang yang malas, bagaimana hendak pandai?" balas murid itu.

"Kamu yakin bangsa Melayu malas?" tanya pengetua sekolah, Encik Raven Singh.

"Yakin! Mereka selalu duduk sahaja dan berbual-bual. Tadi juga saya lihat budak ini duduk sahaja di kantin," jelas kawannya pula.

Ketiga-tiga orang guru itu menggeleng-gelengkan kepala mereka.

"Jadi, perbuatan Siti yang sedang berehat dan bersantai membuat kamu semua beranggapan bahawa dia seorang yang pemalas? Kalau kamu melihat seorang petani atau nelayan yang berehat sebentar selepas seharian menguruskan pekerjaan mereka, adakah itu dianggap malas?" tanya Encik Raven Singh lagi.

Kelima-lima murid perempuan itu menundukkan wajah mereka. Kekesalan jelas terbayang pada raut wajah mereka.

"Jangan mudah terpengaruh dengan propaganda berita yang belum tentu benar. Kita semua di sini satu sekolah dan satu negara. Belajarlah untuk berfikiran terbuka. Perbezaan yang ada bukan untuk memisahkan kita, tetapi peluang untuk kita saling mengenali, memahami, dan belajar antara satu sama lain," nasihat Cikgu Seroja.

Semenjak detik itulah, sekolahku mula menekankan betapa pentingnya keharmonian kaum. Namun di sebalik suara perhimpunan dan nasihat guru, kes pembulian di sekolah kian meruncing. Usaha para guru bagaikan pancutan air kecil yang berjuang meredakan api yang marak membara. Para guru menjadi resah, wajah mereka sarat dengan kebimbangan yang tidak terucap.

Lalu, satu perhimpunan khas diadakan. Mulai hari itu, lagu "Rakyat Singapura" mula berkumandang pada setiap pagi melalui pembesar suara sekolah. Alunan irama itu seakan-akan menjadi doa yang diulang-ulang untuk menyatukan jiwa-jiwa yang tidak lagi sehala.

Aku mendengarnya setiap hari, bukan sekadar dengan telinga, tetapi dengan hati. Liriknya mengalir lembut, membawa makna yang mendalam. Aku paling terpaut pada baris, "Dalam lingkungan aneka bangsa." Pada ungkapan itu, aku menemukan sebuah hakikat bahawa walau kita berbeza warna kulit, bahasa dan kepercayaan, kita tetap berpijak di bumi yang sama, bernaung di langit yang satu.

Sejak saat itu, perlahan-lahan jarak antara pelajar mulai runtuh. Ukhuwah mula bertaut tanpa mengira bangsa dan persahabatan tumbuh seperti bunga di taman yang lama tandus.

Walaupun masih ada segelintir yang enggan membuka pintu hati, mereka sekurang-kurangnya belajar untuk menghormati.

Namun, aku tidak pernah lupa sejarah yang pernah tercatat. Setelah perpisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1964, pernah wujud gelombang ketegangan yang menguji persaudaraan. Dalam saat-saat genting itulah, mendiang Encik Lee Kuan Yew berdiri sebagai suara penyatu, mengingatkan rakyat bahawa kami berkongsi satu lagu kebangsaan, satu ikrar dan satu bendera, tiga tali halus yang mengikat jiwa bangsa.

Aku menghargai perjuangan itu, lebih daripada kata-kata mampu diungkapkan. Rasa bangga mengalir dalam diriku kerana Singapura hari ini bukan lagi bayangan perpecahan tetapi sebuah lukisan perpaduan yang terus dilukis oleh rakyatnya sendiri.

Setiap pagi, lagu kebangsaan berkumandang dengan penuh hormat di setiap saluran radio, televisyen dan di sekolah-sekolah. Cucuku Iman yang baru berusia setahun jagung ini juga sudah pandai berdiri tegak apabila mendengar lagu kebangsaan. Pada setiap tahun, acara seperti Hari Kebangsaan dan Hari Keharmonian Kaum menjadi pentas warna-warni budaya. Ibarat butiran-butiran coklat M&M yang berwarna-warni, inilah bukti bahawa perbezaan bukan jurang, tetapi jalinan yang memperindah negara.

"Oh, nenek rindu kawan Nenek, Siti ya?," tanya cucuku. Pada usia itu, mungkin sekadar itulah yang difahaminya. Iman belum lagi memahami sejarah.

Aku mengangguk perlahan. Biarlah aku mengiyakan sahaja kerana aku tidak mahu saratkan minda si kecil ini. Di saat itu, aku memandangnya lama-lama, seolah-olah menitipkan seluruh harapan yang tidak sempat aku lafazkan.

Lagu Rakyat Singapura
Aktiviti Bacaan

Simbol Perpaduan Padaku ...

Apakah maksud perpaduan kepada kamu? Dalam ruang yang tersedia, lukiskan satu simbol yang mewakili perpaduan pada diri kamu.



PETA DALAM LAGU

Nathalie Sri Aurellia Anugrahani
Sekolah Menengah Yishun Town

5 CERPEN TERBAIK

Di sebuah flat HDB tua di Pulau Seroja, tinggal Pak Sani, lelaki berusia tujuh puluh lapan tahun yang ingatannya semakin rapuh dimamah usia. Dia kerap lupa tempat cermin matanya diletakkan, lupa jiran yang baharu menyapanya, bahkan lupa sama ada sudah makan atau belum. Namun, setiap pagi sebelum matahari naik sepenuhnya, dia akan duduk di kerusi rotan berhampiran tingkap dan menyanyikan lagu yang sama. Suaranya serak, tetapi tetap setia pada melodi. 'Rajinlah supaya berjaya ... Semoga bahagia ...' Lagu itu tidak pernah dilupainya, seolah-olah lagu itulah yang mengingatkannya tentang dirinya..

Riz, anak saudara yang tinggal bersamanya, selama ini hanya menganggap senandung Pak Sani sebagai bunyi latar kehidupan. Suara yang hadir tanpa memaksa, seperti angin atau desiran daun. Dia sendiri seorang pemuzik yang hampir kehilangan arah. Kugiran yang pernah dibinanya telah berpecah, lagu-lagunya ditolak penerbit dan hari-harinya berulang tanpa tujuan. Hidupnya terasa seperti gitar dengan tali kendur, masih berbunyi, tetapi nadanya hambar, hilang kemerduannya.

Segalanya berubah saat Riz menemukan sebuah kotak kayu tua berukir bunga teratai ketika sedang mengemas bilik Pak Sani. Pak Sani menatap dari jauh saat Riz membuka kotak itu, diam. Wajahnya tenang tetapi penuh perhatian, seakan-akan membiarkan Riz sendiri menjejak misteri yang tersembunyi. Kotak itu menyimpan helaian-helaian kertas lusuh bertulis Jawi lama, bersama beberapa lirik yang sama dengan lagu yang sering dinyanyikan Pak Sani. Salah satu helaian memuat tulisan pensil pudar: "*Setiap baris ialah arah. Setiap arah ialah saksi.*" Riz membacanya berulang kali, matanya menelusuri setiap huruf, mencoba menangkap makna yang tersembunyi. Namun, di dalam dadanya, sesuatu bergetar, getaran halus yang tak mampu dijelaskannya.

Seolah-olah lagu itu memanggilnya, menariknya ke arah sesuatu yang belum pernah dia kenali, sesuatu yang menunggu untuk dilalui.

Keesokan paginya, Pak Sani keluar dari flat dengan helaian kertas itu di tangan. Pintu ditutup perlahan dan dikunci rapi sebelum dia melangkah ke koridor yang masih sunyi, cahaya pagi memanjang di lantai simen. "Ikut saja rentaknya," katanya ringkas. Riz menyandang gitar dengan gerakan yang sedikit teragak-agak. Langkahnya tertahan seketika, matanya memandang belakang seolah-olah masih ragu dengan keputusan itu. Pak Sani membalikkan badannya, menunggu jawapan daripada Riz. Dia menarik nafas panjang. Akhirnya, Riz mengekori Pak Sani menuruni tangga yang bergema setiap kali dipijak. Mereka melangkah keluar ke halaman kecil flat itu, angin pagi menyapa wajah, dan Riz masih berjalan dengan hati yang berbelah bahagi. Lagu yang selalu dinyanyikan Pak Sani kini menjadi kompas, memimpin langkah mereka menuruni lorong-lorong sunyi Pulau Seroja. Pengembaraan sebenar baru bermula.

Petunjuk pertama membawa mereka ke Hospital Simpang yang telah lama ditinggalkan. Bangunannya usang dengan cat mengelupas dan tingkap pecah. Lorongnya berbau lembap dan gema langkah mereka sendiri terasa asing di telinga. Di halaman belakang, di bawah pokok beringin tua yang akarnya mencengkam tanah seperti tangan-tangan waktu, mereka menemukan balang kaca berisi sampul surat pertama. Isinya bukan harta, tetapi pesanan tentang nilai yang harus dihidupkan. Ketika Riz membuka sampul itu, dia berbisik, "Ini macam permainan teka-teki saja, Pak," dan Pak Sani memandangnya lama sebelum menjawab perlahan, "Kalau hidup kau terasa kosong, mungkin kau belum membaca petunjuknya."

Petunjuk kedua membawa mereka ke sekolah rendah lama Pak Sani. Di celah papan tanda usang terselit gambar hitam putih seorang wanita berkebaya bertarikh 1962. Senyumannya tenang seolah-olah mengetahui sesuatu yang tidak diketahui orang lain.

Dari situ, perjalanan mereka semakin jauh, menelusuri surau kecil di hujung kampung, pasar lama yang hampir roboh, jambatan kayu tempat orang dahulu saling memberikan salam dan panggung wayang yang kini hanya tinggal rangka besi berkarat. Setiap tempat seakan menyimpan jejak masa lalu yang belum benar-benar hilang. Di setiap lokasi, mereka menemukan sampul tersembunyi. Di dalamnya terselit tugasan kecil: membantu, menegur dengan baik, membersihkan yang kotor dan menyanyi bersama orang lain. Tugas-tugas itu kelihatan sederhana, namun terasa berat bagi Riz yang pada awalnya sekadar mengikut tanpa memahami tujuan.

Di pasar, dia membantu seorang penjual tua mengangkat kotak, dan tanpa sedar terlintas bait lagu 'Serta sopan-santun dengan kawan-kawan'. Di jambatan kayu, dia meleraikan pertengkaran kanak-kanak dengan suara yang tenang, seolah-olah menghidupkan semula pesan 'Sama-sama hormat dan berbudi'. Di surau kecil, dia duduk diam mendengar bacaan yang bergema lembut, membiarkan hatinya yang resah perlahan-lahan reda. Menjadikan surau sebagai 'Tempat orang sembuh dari luka batin' sesuai dengan bait lagu. Sedikit demi sedikit, sesuatu dalam dirinya berubah. Lagu itu tidak lagi sekadar didengar atau dinyanyikan. Ia menjadi langkah yang dipijak dan perbuatan yang dilakukan. Tanpa disedari, Riz mula memahami bahawa setiap bait sebenarnya sedang membentuk dirinya.

Petunjuk terakhir membawa mereka menyeberang laut ke Singapura. Di hadapan *Esplanade – Theatres on the Bay*, bangunan berduri kaca itu memantulkan cahaya senja yang memukau.

Pak Sani berdiri lama dengan wajah yang sukar ditafsir, seolah-olah menimbang masa lalu yang berat dan masa kini yang menanti. Mereka menuruni tangga ke ruang bawah tanah yang sunyi. Langkah mereka bergema perlahan di dinding sempit. Udara dingin menyelimuti. Di hujung lorong, tersembunyi sebuah peti besi kecil. Dengan kunci daripada petunjuk sebelumnya, Pak Sani membukanya perlahan. Mereka mengungkap rahsia yang telah lama terkunci, seakan-akan masa dan sejarah akhirnya bersatu di hadapan mereka.

Ketika peti besi itu akhirnya terbuka, naskhah lama lagu itu terdedah di bawah cahaya lampu malap ruang bawah tanah Esplanade. Sunyi menyelimuti, seolah-olah masa berhenti sejenak. Akan tetapi, tiba-tiba bunyi pintu besi berdecit bergema dari hujung lorong, diikuti derap langkah perlahan yang semakin menghampiri. Jantung Riz terasa seakan berhenti, nafasnya tersekat dan fikirannya diserbu bayangan kemungkinan buruk: pengawal keselamatan, tuduhan menceroboh atau rahsia yang sepatutnya kekal tersembunyi.

Pak Sani menggenggam lengannya dengan erat, lebih kuat daripada biasa. "Cepat, nyanyikan," bisiknya, suaranya bergetar tetapi tegas, mendesak seolah-olah waktu hampir habis. Riz terpaku, suaranya bergetar ketika bertanya, "Sekarang?" "Cepat!" Pak Sani menegaskan lagi, suaranya seakan-akan arahan terakhir. Dengan tangan menggigil, Riz memetik gitar dan mula menyanyikan bait pertama. Suaranya pada awalnya pecah, namun perlahan-lahan menjadi bulat, penuh, mengalun di ruang sempit itu.

Langkah kaki yang mendekat berhenti. Bayang-bayang melintas di dinding, memberi ilusi bahawa dunia menahan nafas. Riz menyanyi dengan lebih lantang, seolah lagu itu menjadi perisai, memagari mereka daripada ancaman yang tak kelihatan. Ketika lagu mencapai baris "semoga bahagia", seekor kucing kurus melompat dari celah rak lama, melintasi lorong sambil menjatuhkan tin

kosong yang bergolek panjang, lalu sunyi kembali. Riz terdiam, perasaan lega bercampur hampir ketawa, tetapi Pak Sani tetap tenang. Wajah tuanya memancarkan ketenangan yang dalam, seolah-olah ujian sebenar bukanlah sesuatu yang menghampiri mereka, tetapi sama ada Riz sanggup menyanyikan lagu itu walau diliputi ketakutan.

Dalam keheningan yang menebal selepas itu, Riz menatap helaian terakhir dengan tulisan yang samar: Jika kau sampai di sini, kau bukan lagi pencari. Kau ialah penyambung. Dadanya terasa sesak, seolah-olah makna itu terlalu berat untuk dipikul seorang diri. Tangannya menggenggam gitar dengan erat, jari-jemarinya mengetat tanpa disedari, mata memandang kosong seakan-akan cuba meresap setiap kata. Hatinya berdebar, campuran kagum, takut dan tanggungjawab yang tiba-tiba membebani, membuatkan Riz seakan terpaku di situ, tidak tahu mahu berkata atau berbuat apa-apa.

Dengan tangan yang masih gementar, dia memetik gitar dan menyanyikan lagu itu sekali lagi, bukan sebagai pemuzik yang mengejar tepukan, tetapi sebagai insan yang mahu mengerti, menyelami setiap bait dengan hati.

Selesai lagu, Pak Sani duduk perlahan, nafasnya berat, matanya menunduk tanpa menatap Riz, lalu bersuara dengan lembut, “Aku tak pernah jadi penjaga lagu ini. Aku penciptanya.” Nama yang disebut itu, Zubir Said, bergema dalam ruang sepi seperti bayangan sejarah. Riz menatap wajah tua itu, mencari tanda dusta. Namun, yang ditemuinya hanyalah kelegaan seorang lelaki yang terlalu lama memikul amanah seorang diri. Suaranya semakin perlahan. Sebelum matanya terpejam, dia berbisik, “Lagu ini tak perlukan nama besar. Ia perlukan orang yang jalankan.”

Sebulan kemudian, pagi menembus jendela flat HDB di Pulau Seroja, menyinari bilik dengan cahaya lembut yang hangat.

Riz duduk di kerusi rotan dekat tingkap, pandangannya menelusuri peta kecil yang masih tergantung di dinding. Namun kini peta itu sekadar hiasan. Dia tidak lagi memerlukannya untuk menjejak arah. Tangan Riz memetik senar gitarnya. Suaranya mengalun menyanyikan lagu yang sama, tetapi kini setiap nada terasa lebih hidup, lebih bermakna. Pengembaraan sebenar bukan lagi soal mencari balang atau petunjuk tersembunyi, melainkan membiarkan setiap lirik menjadi panduan langkah hidupnya. Pulau Seroja dan Singapura memang dipisahkan oleh laut, namun lagu itu menenun jarak yang tak terlihat, menjadikannya jembatan antara kenangan, masa kini, dan masa depan. Untuk pertama kalinya, lagu itu tidak lagi terdengar sekadar gema masa lalu, melainkan seperti arah. Petunjuk yang menuntun hati dan langkahnya untuk ke tempat yang ingin ditujuinya.

Peta Dalam Lagu

Aktiviti Bacaan

Dalam cerpen ini, lagu 'Semoga Bahagia' membawa makna yang mendalam kepada watak penulis. Kenal pasti satu lagu yang membawa maksud yang mendalam buat diri kamu. Tulis lirik lagu tersebut dalam ruang yang tersedia.

Tajuk lagu:

Penggubah lagu:

Penyanyi:

Penulis lirik:

Lirik lagu

Ayuh, berbincang!

1. Mengapakah lagu ini bermakna buat kamu? Jelaskan.

2. Bahagian manakah dalam lagu ini yang memberikan kesan terhadap diri kamu? Mengapa?

WARISAN BUDI DI BAWAH LANGIT TEMASEK

Zayd Bin Luqman
Sekolah Menengah Meridian

5 CERPEN TERBAIK

Pada petang itu, taman permainan di tengah-tengah kawasan kejiranan itu dibasahi sinar matahari yang kian meredup. Afiq duduk di bangku kayu yang catnya sudah sedikit mengopek, memerhatikan datuknya, Encik Ahmad, yang sedang tenang menabur bijirin kepada sekumpulan burung merpati. Angin sepoi-sepoi bahasa bertiup lembut, membawa bersama bunyi riuh-rendah kanak-kanak yang sedang mengejar kegembiraan di padang rumput. Suasana itu kelihatan cukup harmoni, namun fikiran Afiq sedang sarat dengan satu persoalan yang timbul daripada sesi pembelajaran di sekolahnya pagi tadi.

"Datuk, apakah maksud sebenar menjadi seorang rakyat Singapura? Cikgu di sekolah bercakap mengenainya, tetapi Afiq rasa jawapannya lebih luas daripada sekadar apa yang ada di dalam buku teks," tanya Afiq sambil memandang wajah datuknya yang tenang.

Encik Ahmad menghentikan aktiviti memberi makan burung itu, lalu tersenyum memandang cucu kesayangannya. Beliau menepuk-nepuk bahu Afiq dengan lembut, seolah-olah mahu menyalurkan kekuatan seorang pejuang lama. "Kamu ingat lagi lagu ciptaan Zubir Said yang bertajuk 'Orang Singapura'?"

Afiq mengangguk laju. "Ya, datuk. Cikgu ada ajarkan. Lagu itu menyebut bahawa menjadi orang Singapura bermaksud kita mesti berbudi bahasa, kuat berusaha, menghormati orang tua, dan sentiasa jujur dalam setiap tindakan."

Encik Ahmad menarik nafas panjang, matanya memandang jauh ke arah bangunan pencakar langit yang berdiri megah di ufuk kota. "Dulu, datuk hanyalah seorang buruh binaan yang tidak dikenali. Datuk menghabiskan usia muda di bawah terik matahari yang membakar kulit, mengangkat simen dan menyusun batu-bata. Walau sepenat mana sekalipun, datuk tidak pernah sekali-kali curi tulang atau berputus asa."

Beliau menyambung lagi, "Sebab itulah Singapura boleh berdiri tegak dan maju seperti sekarang. Kemajuan ini bukan dibina dengan keajaiban, tetapi dengan keringat rakyatnya yang bekerja keras, saling menghormati tanpa mengira warna kulit, dan disiplin yang tidak berbelah bahagi. Menjadi orang Singapura bermaksud kita sedar bahawa setiap perbuatan kita, sekecil mana pun, adalah sumbangan kepada kemajuan negara."

Afiq terdiam seketika, memikirkan kata-kata datuknya. Dia teringat akan ibunya, seorang jururawat yang sering bekerja lebih masa tanpa merungut demi memastikan bahawa pesakit mendapat rawatan terbaik. Ayahnya pula, seorang pemandu bas yang sentiasa menyambut penumpang dengan senyuman dan ucapan salam yang ikhlas. Afiq mula menyedari bahawa nilai-nilai yang disebut dalam lagu Zubir Said itu sebenarnya sedang hidup dan bernafas dalam setiap ahli keluarganya.

Keesokan harinya, Afiq melangkah ke sekolah dengan semangat baharu. Ketika berada di dalam kelas, dia terpandang seorang murid baharu yang kelihatan sangat asing. Murid itu, Ramesh, duduk sendirian di sudut belakang. Wajahnya kelihatan sayu dan dia tidak bercakap dengan sesiapa pun. Ketika waktu rehat tiba, Afiq mendapati keadaan menjadi lebih hambar apabila melihat beberapa pelajar lain berbisik-bisik sambil melemparkan pandangan yang kurang menyenangkan ke arah Ramesh.

"Boleh saya duduk bersama kamu? Nama saya Afiq," tanya Afiq dengan nada yang paling ramah.

Ramesh kelihatan sangat terkejut, matanya membulat kerana tidak menyangka akan ada sesiapa yang mahu menyapanya. Namun, perlahan-lahan, satu senyuman yang tulus mula terukir di bibirnya. Apabila rakan-rakan lain bertanya dengan hairan mengapa Afiq mahu berkawan dengan murid baharu yang pendiam itu, Afiq hanya tersenyum tenang. "Sebab kita semua orang Singapura. Orang Singapura saling membantu dan kita hidup bersama-sama sebagai satu keluarga. Tak ada yang patut merasa tersisih."

Ternyata, tindakan kecil Afiq itu menjadi pemangkin. Sebelum waktu persekolahan tamat, Afiq melihat Ramesh sudah mula berbual-bual dengan beberapa pelajar lain. Suasana kelas yang tadinya dingin kini terasa lebih hangat dengan kehadiran semangat kebersamaan. Afiq berasa satu kepuasan yang luar biasa dalam sanubarinya iaitu rasa puas kerana telah melakukan sesuatu yang bermakna bagi orang lain.

Setibanya di rumah, Afiq segera berkongsi kisahnya dengan Encik Ahmad. Datuknya mendengar dengan penuh perhatian, lalu ketawa kecil penuh kebanggaan. "Bagus, Afiq. Itulah semangat 'Orang Singapura' yang sebenar. Negara kita tidak perlukan wira yang mempunyai kuasa luar biasa; kita hanya perlukan rakyat yang hormat-menghormati, bekerja bersungguh-sungguh, dan memegang teguh tali perpaduan. Itulah rahsia mengapa negara kecil ini boleh menjadi kuat dan dihormati dunia."

Afiq tersenyum lebar. Pada hari itu, dia bukan sahaja memahami maksud menjadi orang Singapura secara teori, tetapi dia telah merasainya melalui pengalaman. Menjadi orang Singapura bukan sekadar memiliki kerakyatan atau menetap di atas tanah ini, tetapi ia adalah tentang mengamalkan nilai-nilai murni dalam setiap helaan nafas.

Afiq bertekad dalam hatinya untuk terus berusaha menjadi insan yang berbudi bahasa, kuat bekerja, dan tidak pernah berpura-pura dalam melakukan kebaikan. Dia tahu, di bawah bendera bintang dan bulan sabit ini, masa depannya bergantung pada sejauh mana dia mampu mengekalkan warisan budi yang telah ditinggalkan oleh generasi datuknya. Singapura bukan sekadar tempat tinggal; ia adalah jati diri yang dibina atas dasar cinta dan hormat sesama insan.

Warisan Budi di Bawah Langit Temasek

Aktiviti Bacaan

Apakah Sumbangan Keluargaku?

Dalam cerpen ini, Afiq belajar banyak perkara daripada datuk dan keluarganya. Sekarang, tiba giliran kamu untuk mengenali kisah keluargamu!

1. Pilih seorang ahli keluarga

Saya menemuramah:

Hubungan dengan saya:

2. Tanya ahli keluarga kamu

Apakah pekerjaan atau tanggungjawab anda?

Apakah cabaran yang pernah anda hadapi?

Bagaimanakah anda membantu keluarga atau masyarakat?

Apakah nilai yang paling penting dalam kehidupan anda? Mengapa?

TERIMA KASIH, TAMAN TIONG

Maximillian Warren Kusumo
Institusi St. Joseph

Di pinggir Kampung Tiong, terdapat sebuah taman kecil yang menjadi kebanggaan penduduk setempat. Taman tersebut dipenuhi dengan pelbagai bunga melur yang wangi, kemboja putih yang mempesona dan mawar merah yang menawan. Pada setiap pagi, simbahan cahaya matahari membuatkan warna-warna kelopak bunga terlihat lebih hidup, menyebarkan keharuman ke seluruh pelosok kampung.

Jam menunjukkan pukul 10:00 pagi. Aku yang baru berpindah ke estet tersebut, melangkah ke taman yang disebut-sebut itu, dengan niat untuk mengagumi keindahan flora yang sedang mekar. Namun, sebaik melewati gerbang, sudut mataku menangkap sosok tubuh seorang lelaki tua yang penuh misteri. Tiba-tiba, dia berdiri dan menghampiriku perlahan-lahan. Jantungku berdegup kencang — aku sudah bersiap sedia untuk cabut lari — sehinggalah lelaki itu menghulurkan tangan sambil tersenyum tenang.

"Jangan takut, saya Pak Harun," katanya lembut.

Aku teragak-agak. Namun, akhirnya aku menyambut salamnya. Ternyata, Pak Harun ialah pemilik taman ini. Baginya, taman ini bukan sekadar hobi, melainkan simbol keharmonian hidup. "Setiap bunga memiliki keindahan dan simbol tersendiri tetapi kesemua bunga ini boleh tumbuh bersama secara harmoni," jelas Pak Harun.

Sedang kami berbual, seorang wanita tua berbangsa India, Puan Rani, lalu dan menegur mesra. Pak Harun memetik beberapa kuntum melur segar dan memberikannya kepada Puan Rani. Dengan penuh cermat, Puan Rani menyelitkan sekuntum bunga itu pada sanggulnya.

"Puan Rani amat suka melur. Selain baunya, melur mempunyai simbol budaya dan agama yang mendalam bagi kaum India. Sebab itulah Pak Cik tanam banyak melur di sini," terang Pak Harun apabila dia melihatku kehairananku.

Tidak lama kemudian, dua beranak berbangsa Cina pula menghampiri. Pak Harun dengan pantas menghulurkan secekak bunga bakung. "Lusa sudah mahu Tahun Baru Cina, bukan? Ini bunga bakung untuk kamu. Saya tahu kamu suka, simbol kemakmuran dan keberuntungan," katanya dengan mesra.

Aku terpegun. "Wah, Pak Cik tahu jenis bunga untuk setiap orang!"

Pak Harun tertawa kecil. "Oleh sebab Pak Cik memahami fungsi bunga bagi setiap kaumlah, silaturahim kami terjalin. Bunga ini ialah jambatan penghubung kasih. Apa-apa yang kita tanam, itulah yang kita tuai. Jika kita menyukakan hati orang, dunia akan membalasnya semula."

Namun, keindahan itu tidak kekal lama. Keamanan pagi itu terganggu apabila bunyi bising kedengaran dari arah belakang taman yang bersempadan dengan hutan simpan. Kawasan hutan yang semakin mengecil akibat pembangunan di pinggir bandar nampaknya telah memaksa penghuninya keluar mencari rezeki di penempatan manusia.

Tiba-tiba, sekumpulan monyet liar melompat masuk dari dahan pokok besar, diikuti oleh beberapa ekor babi hutan yang menyondol pagar kawat. Haiwan-haiwan ini bertindak liar kerana kelaparan—habitat mereka diganggu, menyebabkan mereka hilang punca makanan.

"Pak Harun, lari!" jeritku apabila melihat babi hutan mula menyondol batas-batas bunga.

Kami terpaksa berlindung di anjung rumah Pak Harun yang tinggi. Dari situ, luluh hati Pak Harun melihat tanaman kesayangannya dirosakkan.

Monyet-monyet itu memetik dan mencampakkan bunga-bunga melur ke tanah, sementara babi hutan menyondol akar-akar mawar sehingga tercabut. Dalam sekelip mata, taman yang rapi itu berubah menjadi padang jarak padang tekukur.

Apabila keadaan kembali tenang dan haiwan-haiwan itu beredar kembali ke hutan, suara riuh-rendah mula kedengaran.

"Pak Harun! Pak Harun! Kami nampak haiwan masuk tadi!" jerit Suresh, anak Puan Rani, yang datang bersama beberapa pemuda kampung yang lain.

Penduduk kampung berbilang bangsa berkumpul di tengah kebun. Suasana hiba menyelubungi mereka apabila melihat taman yang hancur.

"Habis tamanku ... nampaknya, Pak Cik tidak dapat hadiahkan kamu semua bunga lagi selepas ini," kata Pak Harun dengan nada bergetar.

Namun, duka Pak Harun tidak lama. Suresh meletakkan tangan di bahu Pak Harun, manakala jiran-jiran Cina yang menerima bunga bakung tadi sudah mula membawa cangkul dan penyapu.

"Pak Harun jangan bimbang. Kebun ini istimewa buat kami. Pak Harun sudah lama berbudi kepada kami. Sekarang masanya untuk kami membalas budi," ujar Suresh nekad.

Melihat semangat mereka, aku turut terdorong untuk membantu. Kami bekerja tanpa jemu — membaiki pagar yang rosak, menanam semula tunas yang masih selamat, dan membersihkan sisa pencerobohan. Benarlah kata peribahasa, "Ada ubi ada batas, ada budi ada balas."

Seminggu kemudian, taman itu kembali bernyawa. Walaupun belum sekembang dahulu, ia kini berdiri lebih megah sebagai saksi kesatuan kami sebagai sebuah komuniti.

Aku mendapat pelajaran berharga: pencerobohan haiwan liar mungkin merosakkan bunga tetapi ia gagal merosakkan jambatan kasih yang telah lama terbina antara manusia yang berbeza warna kulit di kampung ini.

Terima Kasih, Taman Tiong

Aktiviti Bacaan

Tumbuhan memerlukan air, tanah dan baja untuk tumbuh. Begitu juga dengan manusia. Apakah perkara-perkara yang diperlukan oleh manusia untuk membesar? Lukis perkara-perkara tersebut dalam ruang yang tersedia. Kemudian, jelaskan lukisan tersebut.



1 Perkara pertama: _____

2 Perkara kedua: _____

3 Perkara ketiga: _____

4 Perkara keempat: _____

WARISAN YANG TIDAK DAPAT DILUPAKAN

Aaeesha Neman Binte Asrol Nizam
Sekolah Menengah Tampines

Naura tidak pernah benar-benar memahami sebab pada setiap pagi Isnin di sekolah, semua pelajar perlu berdiri menghadap bendera negara. Baginya, itu hanyalah rutin. Berdiri dengan tegak, menyanyikan lagu kebangsaan, kemudian, kembali ke kelas seperti biasa.

Sehinggalah gurunya memberikan tugasan menulis cerpen bertemakan Orang Singapura - Bersatu!

Naura termenung panjang. Perpaduan kedengaran indah tetapi terasa jauh daripada kehidupannya. Orang di sekelilingnya sibuk dengan dunia masing-masing, tiada apa-apa yang kelihatan luar biasa.

Pada petang itu, ketika pulang, dia terlihat seorang wanita tua berselendang putih dan berbaju biru muda yang kelihatan lusuh sedang mengutip sesuatu di padang berhampiran bloknya. Nampaknya seperti kain merah putih yang kotor akibat hujan semalam.

"Itu bendera Singapura," kata wanita itu sambil tersenyum kecil. "Tak patut dibiarkan di tanah."

Naura membantu untuk mengangkat bendera tersebut. Tangannya terasa berat, seolah-olah kain itu menyimpan sesuatu yang lebih besar daripada sekadar warna merah dan putih.

"Mengapakah Nenek begitu ambil berat?" tanyanya.

Wanita itu memandang lama sebelum berkata sambil tersenyum meleret, "Kerana ramai orang dahulu berkorban supaya bendera ini boleh berkibar dengan aman. Anak Nenek mahu bendera ini. Puas Nenek mencari, akhirnya jumpa di sini."

Kata-kata itu terngiang-ngiang dalam fikiran Naura. Dia mula memerhatikan perkara kecil di sekelilingnya. Jiran berlainan kaum berkongsi makanan, pelajar saling membantu memahami kerja sekolah dan orang asing tetap mengucapkan terima kasih walaupun tidak saling mengenali.

Beberapa minggu kemudian, sekolahnya mengadakan sambutan Hari Kebangsaan. Semua pelajar berkumpul di dewan. Ketika bendera dinaikkan perlahan, muzik yang penuh kuat bergema di seluruh dewan sekolah. Suara murid-murid bergabung menjadi satu, melambangkan rakyat Singapura yang bersatu hati. Naura menyanyi bersama, dan buat pertama kali, dadanya dipenuhi rasa bangga yang hangat.

Selepas acara tamat, Naura mencari wanita tua itu. Namun, bangku tempat wanita tersebut selalu duduk kelihatan kosong. Keesokan harinya, dia bertanya kepada pengawal sekolah. Pengawal itu kelihatan terkejut.

"Wanita tua? Di padang?"

Naura mengangguk.

Pengawal itu diam seketika sebelum berkata perlahan, "Tempat itu dulu tapak sekolah lama. Ada seorang bekas guru yang menjadi tidak siuman setelah kematian anaknya ketika perang Jepun. Pada setiap hari dia akan berjalan sambil mencari-cari bendera Singapura. Atuk pernah terdengar mulutnya kumat-kamit mengatakan bahawa anaknya menyuruhnya mencari bendera di tapak itu."

Pengawal itu menundukkan kepalanya dengan pilu. Jantung Naura berdegup kencang. Dia membuka buku tahunan sekolah yang masih tersimpan di rak-rak perpustakaan sekolahnya.

Dia menyelak setiap buku tahunan yang ada di situ. Matanya berbinar apabila terlihat gambar hitam putih seorang guru wanita tersenyum memegang bendera Singapura. Wajahnya sama seperti wanita yang ditemuinya.

Tangan Naura menggigil. Saat itu dia faham,wanita tua itu bukan sekadar pemerhati. Dia menyaksikan generasi baru hidup dalam perpaduan yang dulu dijaga dengan pengorbanan. Naura memahami bahawa perpaduan dan kesetiaan kepada negara bukan sekadar kata-kata dalam lagu tetapi warisan yang perlu diteruskan oleh setiap generasi.

Keesokan pagi Isnin, ketika bendera dinaikkan, Naura berdiri lebih tegak. Dia tidak lagi melihat sekeping kain merah putih tetapi lambang perpaduan rakyat pelbagai bangsa yang memilih untuk hidup bersama sebagai satu keluarga — rakyat Singapura.

Warisan yang Tidak Dapat Dilupakan

Aktiviti Bacaan

Apakah Kesudahannya?

Sekiranya kamu diberikan peluang untuk mengubah bahagian terakhir cerpen ini, apakah kesudahannya? Tulis bahagian tersebut dalam ruang yang tersedia.



BOUGAINVILLEA DI HUJUNG KORIDOR

Nur Insyirah Binte Abdulrani
Sekolah Menengah Yuying

Sinaran cahaya mentari mula mengusik keras wajahku. Langkahku tetap deras membelah kesunyian koridor. Pandanganku terpaku pada skrin telefon di hadapan, sementara jemariku sibuk menyusuri paparan skrin yang tidak pernah diam. "Selamat petang, Nak," tegur suara lembut yang sering tidak aku pedulikan. Aku hanya berdehem tanpa memalingkan wajah, membiarkan sapaan Cik Ain berlalu seolah-olah dia hanyalah sebahagian daripada dinding koridor yang bisu.

Setiap hari, makcik itu membersihkan lantai yang kami lalui, menyusun kerusi yang berselerak, dan memastikan koridor sentiasa kemas. Tanpa aku sedari, dia turut membetulkan buku-bukuku yang terjatuh. Dia sanggup menunggu walaupun aku selalu lambat keluar dari kelas. Semua itu dia lakukan tanpa keluhan, tanpa mengharapkan pujian. Namun, bagi aku, segala pengorbanannya hanyalah rutin biasa yang tidak penting.

Pada suatu petang, aku terdengar rakan-rakan berbual tentang mak cik itu dimasukkan ke hospital kerana penyakit yang serius. Ketika itu, hatiku terasa kosong. Bunga-bunga kebimbingan berputik di kelopak hatiku. Koridor yang biasanya sibuk kini sunyi. Tiada lagi bunyi penyapu, tiada lagi senyuman yang menenangkan. Barulah aku sedar betapa besar peranannya dalam kehidupan kami. Selama ini, aku tidak pernah mengucapkan terima kasih. Segala kebaikan yang ditunjukkannya aku ambil mudah, seolah-olah ia tidak bermakna.

Beberapa hari kemudian, seorang guru memaklumkan bahawa mak cik itu tidak akan kembali bekerja lagi kerana kesihatannya semakin merosot. Kata-kata itu menikam hatiku. Penyesalan mula menghimpit diri kerana aku tidak pernah menghargainya ketika dia masih ada.

Aku terlalu sibuk dengan duniaku sendiri sehingga terlupa menghormati insan yang sentiasa berbuat baik kepada aku. Pada saat itu, aku benar-benar tersedar bahawa senyuman dan bantuannya merupakan lambang budi pekerti yang menyatukan kami dalam keharmonian.

Tanpa berfikir panjang, aku mengambil keputusan untuk menziarahnya di hospital. Langkahku terasa berat sebaik-baik sahaja melangkah masuk ke wad yang sunyi itu. Di atas katil, kelihatan tubuhnya yang lemah, jauh berbeza daripada sosok yang sentiasa ceria di koridor sekolah. Namun, apabila dia membuka mata dan memandang aku, senyuman itu masih sama. Lembut dan penuh keikhlasan.

"Cik Ain..." suaraku tersekat-sekat. Buat pertama kalinya, aku mengucapkan terima kasih atas segala yang telah dilakukannya. Air mata yang kutahan akhirnya gugur jua. Dia hanya mengangguk perlahan, seolah-olah memahami segala yang tidak terucap. Di hujung matanya, keluar tangisan air mata yang kelihatan penuh dengan perasaan syukur dan terharu.

Di hujung koridor, aku ternampak pasu bunga yang sering disiramnya. Bunga itu mekar indah dengan warna yang menenangkan, seolah-olah menyimpan kenangan tentang dirinya. Aku berdiri lama di situ, memandang bunga tersebut sambil menahan air mata. Dalam diam, aku berjanji kepada diri sendiri untuk berubah.

Sejak hari itu, aku mula menghargai setiap insan di sekelilingku. Aku belajar mengucapkan terima kasih walaupun untuk perkara kecil dan membantu kawan yang memerlukan tanpa mengharapkan balasan.

Aku juga mula tersenyum kepada orang yang tidak aku kenal.

Sejak itu, aku sedar bahawa seperti bunga yang memerlukan air untuk terus mekar, manusia juga memerlukan budi pekerti dan penghargaan untuk hidup dalam harmoni.

Kini, setiap kali aku melalui koridor itu yang penuh dengan bunga Bougainvillea, aku akan teringat senyuman mak cik tersebut. Walaupun dia sudah tiada di situ, kebaikannya terus hidup dalam ingatanku. Aku belajar bahawa kebaikan yang kecil tetapi tulus mampu membina masyarakat yang damai.

Aku bertekad untuk meneruskan budi yang pernah dia tunjukkan, kerana daripada sekuntum bunga di hujung koridor, aku telah mengenal erti sebenar keharmonian dan kemanusiaan.

Bourgainvillea di Hujung Koridor
Aktiviti Bacaan

Ayuh, selidiki perasaan kamu!

Ketika membaca cerpen ini, pasti akan timbul pelbagai perasaan dalam diri kamu. Cari dan tulis bahagian cerita yang menimbulkan perasaan-perasaan tersebut.



Sedih/Bimbang



Marah



Gembira



BUDI DI TAMAN KECIL KAMI

Nur Rifa Dhamirah Binte Abdul Ghani
Sekolah Menengah Guangyang

Pada petang itu, estet perumahan Kim Keat kelihatan meriah dengan persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Lampu kelap-kelip berwarna-warni menghiasi tingkap rumah, sementara alunan lagu raya kedengaran sayup-sayup dari radio. Di ruang tamu, aku membantu ibu menyusun kuih tat dan kek lapis di atas meja. Bau kuih yang harum memenuhi rumah kami, seolah-olah mengundang jiran-jiran untuk datang berkunjung.

Di luar rumah pula, beberapa orang kanak-kanak sedang bermain bola di kawasan lapang berdekatan taman kecil. Maklumlah kami tinggal di aras satu. Jadi perkara yang berlaku di luar rumah dapat aku lihat dari ruang tamu rumahku. Melalui ruang tamu, rumahku, taman kecil yang menghiasi blokku selalunya menjadi santapan mataku. Taman itu amat istimewa bagi penduduk blok kami kerana dijaga dengan penuh kasih sayang oleh Pak Rahman, seorang jiran tua yang peramah. Setiap pagi, beliau akan menyiram pokok-pokok bunganya. Ada bunga raya, bunga kertas dan beberapa pasu kecil yang disusun rapi di tepi laluan. Bagi Pak Rahman, taman itu bukan sekadar tempat menanam bunga, tetapi lambang keindahan dan ketenangan kawasan kejiranan kami. Namun, suasana ceria itu tiba-tiba berubah.

"Prak!" Bunyi sesuatu pecah mengejutkan aku. Bola yang ditendang terlalu kuat telah terkena beberapa pasu bunga Pak Rahman. Tanah bertaburan di lantai, daun-daun berselerak dan dua batang pokok bunga kertas yang baru ditanam kelihatan patah.

"Aduh, habis rosak pokok bunga aku!" seru Pak Rahman dengan nada kecewa.

Kanak-kanak yang bermain tadi terus terdiam. Wajah mereka pucat. Amir, salah seorang daripada mereka, menundukkan kepala.

Aku dapat melihat rasa takut dan bersalah pada wajahnya. Pada masa yang sama, aku juga memahami perasaan Pak Rahman. Beliau tentu kecewa kerana usahanya selama ini tidak dihargai.

Aku menarik nafas panjang lalu mendekati mereka.

"Pak Rahman, saya faham Pak Rahman marah. Pokok-pokok ini memang Pak Rahman jaga setiap hari," kataku perlahan-lahan. "Tapi mungkin mereka tidak sengaja. Bolehkah Pak Rahman memberi mereka peluang untuk memperbaik kesilapan mereka?"

Pak Rahman masih kelihatan marah tetapi beliau diam seketika. Aku kemudian menoleh ke arah kanak-kanak itu.

"Amir, kamu dan kawan-kawan patut minta maaf. Pokok-pokok ini bukan tumbuh sendiri. Ada orang yang bersusah payah menjaganya," kataku.

Amir melangkah ke hadapan. Dengan suara yang perlahan, dia berkata, "Maafkan kami, Pak Rahman. Kami tidak sengaja. Kami akan tolong kemaskan semula taman ini."

Rakan-rakannya turut mengangguk. Tanpa berlengah, mereka mula bergotong-royong. Amir mengambil penyapu, manakala aku mengumpulkan pasu-pasu yang masih boleh digunakan. Aunty Lim dari rumah sebelah turut keluar membawa beg plastik sampah. Encik Ravi pula mengambil air untuk menyiram pokok-pokok yang masih elok. Dalam sekelip mata, kejadian yang hampir mencetuskan pertengkaran bertukar menjadi saat kebersamaan.

Pak Rahman yang pada mulanya hanya memerhatikan kami akhirnya turut membantu. Beliau menunjukkan cara menanam semula

pokok bunga dengan betul. Kanak-kanak itu mendengar dengan teliti. Sesekali, Pak Rahman menegur mereka tetapi nadanya tidak lagi keras. Malah, aku ternampak senyuman kecil pada wajahnya.

"Lain kali, kalau mahu bermain bola, pilihlah tempat yang lebih sesuai," pesan Pak Rahman.

"Baik, Pak Rahman," jawab Amir dan rakan-rakannya serentak.

Setelah taman kecil itu kembali kemas, suasana di kawasan kejiranan kami menjadi lebih mesra. Ibu keluar membawa sebekas kuih tat lalu menghidangkannya kepada semua yang membantu. Kami duduk bersama-sama di bangku berdekatan taman sambil berbual-bual dan ketawa. Pada saat itu, aku sedar bahawa keharmonian tidak lahir daripada keadaan yang sentiasa sempurna. Sebaliknya, keharmonian terbina apabila manusia sanggup memahami, memaafkan dan menghargai usaha orang lain.

Pada malam itu, lampu-lampu raya terus bersinar di sepanjang koridor. Namun, yang lebih indah daripada cahaya lampu itu ialah semangat kejiranan yang terpancar dalam hati kami. Peristiwa kecil tersebut mengajar aku bahawa sikap saling menghargai mampu meredakan kemarahan, menyatukan masyarakat dan membina hubungan yang lebih erat.

Dalam masyarakat majmuk seperti Singapura, kita mungkin berbeza usia, bangsa dan latar belakang. Namun, apabila kita saling menghormati dan menghargai antara satu sama lain, kehidupan akan menjadi lebih aman dan harmoni. Benarlah, budi pekerti yang baik ibarat bunga yang mekar; indah dipandang, harum dihidu, dan membawa kedamaian kepada semua.

Budi Di Taman Kecil Kami

Aktiviti Bacaan

Dalam cerpen ini, watak penulis bergotong-royong bersama jiran-jiran yang lain untuk membantu Pak Rahman mengemas semula kawasan tamannya. Pernahkah kamu bergotong-royong bersama jiran atau rakan-rakan untuk melakukan sesuatu? Lukis perbuatan tersebut dalam ruang yang tersedia.

Semangat gotong-royong!

Apakah yang telah kamu lakukan bersama rakan/jiran kamu? Jelaskan.

DI BAWAH LANGIT YANG SAMA

Lua Yen Hao
Institusi St. Joseph

Siti menjumpai telefon lama itu di bawah timbunan telekung arwah neneknya. Di dalamnya, terdapat sebuah folder bertajuk 09081965. Apabila ditekan, berkumandang rakaman suara tiga wanita muda menyanyikan lagu "Majulah Singapura" dengan sumbang tetapi penuh tawa.

"Tahun depan rakam lagi. Kali ini elok sikit," suara Nenek Rokiah kedengaran pada hujung rakaman.

“Siapakah yang menyanyi bersama Nenek? Apakah hubungan mereka?” Persoalan demi persoalan bermain di benak fikiran Siti. Siti begitu teruja ingin mengetahui siapakah gerangan empunya suara.

Segala persoalan terjawab apabila Siti terjumpa sebuah buku nota hijau di dalam almari usang arwah neneknya. Di dalamnya tercoret nama Celine Tan dan Vasantha.

“Pasti mereka yang bernyanyi dengan nenek! Tetapi, di manakah mereka?” fikir Siti.

Berbekalkan buku nota lama hijau itu, Siti mula menjejaki dua nama: Celine Tan dan Vasantha. Pencarian itu membuahkan hasil dan membawanya kepada sebuah kisah persahabatan yang kental, yang bermula jauh sebelum bangunan pencakar langit menghiasi ufuk Singapura.

Dengan kuasa media massa, Siti berjaya menjejaki saudara Celine Tan dan anak kepada Vasantha. Celine Tan rupa-rupanya kini berada di sebuah rumah jagaan warga emas dan Vasantha pula tinggal dengan anak lelakinya.

Tanpa berlengah, Siti pergi menemui Celine Tan. Mata warga emas itu berkaca sebaik sahaja mendengar khabar pemergian Rokiah. "Kami baru berusia belasan tahun pada 1965," kenang Celine sambil memandang bendera kecil di tingkapnya.

"Pada hari pengisytiharan kemerdekaan itu, kami sedang membasuh baju di paip awam Kampung Ubi," cerita Celine. "Suasana tegang. Orang dewasa masih berbisik tentang rusuhan kaum yang baru berlalu. Kami takut. Adakah kawan saya akan menjadi musuh saya hanya kerana warna kulit?"

Celine menceritakan detik klimaks dalam hidup mereka. Apabila suara Lee Kuan Yew berkumandang di radio untuk mengisytiharkan perpisahan, suasana menjadi sunyi sepi. Di tengah-tengah ketidakpastian itu, Rokiah yang paling muda tiba-tiba menggenggam erat tangan Celine dan Vasantha.

"Rokiah menangis. Dia kata, 'Tak kira apa jadi, kita tetap sama. Ini tanah kita bertiga.' Itulah kali pertama kami sedar, negara ini milik kami tanpa mengira kaum. Kami berdiri dengan tangan yang basah oleh air sabun, berjanji untuk tidak melepaskan genggaman itu."

Siti kemudian menuju ke rumah Vasantha di Bedok. Vasantha kini menderita demensia; pandangannya kosong dan jauh. Anak lelakinya, Suresh, sekadar mampu mengeluh kecil.

Siti mengeluarkan telefon dan memainkan rakaman suara tadi. Suasana bilik yang tadinya sepi tiba-tiba berubah. Sebaik sahaja kedengaran suara Rokiah menyanyi, bahu Vasantha terangkat. Keajaiban berlaku apabila Vasantha mula mengikut lirik tersebut dengan suara yang tinggi dan terang.

"Singapura abadi selamanya..."

Vasantha menyanyi tanpa tersasar satu perkataan pun. Ingatannya yang hilang seolah-olah dipanggil pulang oleh suara sahabat lamanya. Apabila lagu tamat, Vasantha memandang Siti dengan mata yang kembali 'hidup'.

"Rokiah?" bisiknya perlahan.

Siti tersenyum hiba. "Saya cucunya, Mak Cik."

Vasantha menyentuh tangan Siti, sama seperti cara Rokiah memegang tangan sahabat-sahabatnya di paip air enam puluh tahun lalu. Di luar, bunga api Hari Kebangsaan mula mewarnai langit malam.

Siti sedar, folder 09081965 itu bukan sekadar tarikh kemerdekaan negara, tetapi tarikh lahirnya sebuah janji persahabatan yang tidak mampu dipadamkan oleh masa, penyakit, mahupun kematian. Mereka merupakan tiga jiwa yang memilih untuk kekal bersatu apabila dunia di sekeliling mereka sedang berpecah belah.

Di Bawah Langit yang Sama
Aktiviti Bacaan

Ketika membaca cerpen ini, pasti akan timbul pelbagai perasaan dalam diri kamu. Cari dan tulis bahagian cerita yang menimbulkan perasaan-perasaan tersebut.

Gembira



Sedih/Bimbang



Marah





KATEGORI POSMENENGAH



KATEGORI POSMENENGAH

PERMATA DI TENGAH LAUTAN: DI SINI KITA BERSATU **Samuel Christopher Titiheruw** Institusi Raffles (Maktab Rendah)	84
SELENDANG DUA WARNA **Muhammad Amjad Amirul Bin Mohamed Saaid** Institusi Raffles (Maktab Rendah)	87
JEJAK KENANGAN, IKATAN ABADI **Muhammad Aleyal Rayyan Bin Mohd Nizam** Maktab Rendah Tampines Meridian	93
GOTONG-ROYONG **Julfa Ardhani Wisnumurti** Institusi Raffles (Maktab Rendah)	98
SENYUMAN TERAKHIRNYA **Luqman 'Aqil Bin Abdul Hamid** Maktab Rendah Anderson Serangoon	108
DONGENG UNTUK MIA **Raphael Damien Sinarta** Institusi Raffles (Maktab Rendah)	112
PAK WAKO DAN PROJEK SAINS KAMI **Muhammad Seto Sulistiyo Nugroho** Maktab Rendah Anderson Serangoon	116
POHON YANG MENGINGAT **Myesha Amberly Binte Moniruzzaman** Institusi Raffles (Maktab Rendah)	119
SETELAH ANGIN REDA **Krishna A/L Arivazhagan** Maktab Rendah Anderson Serangoon	122
SAYANG TETAP SAYANG **Nurul Alya Syakinah Binte Abdul Jamal** Institusi Raffles (Maktab Rendah)	126

PERMATA DI TENGAH LAUTAN: DI SINI KITA BERSATU

Samuel Christopher Titiheruw
Institusi Raffles (Maktab Rendah)

5 CERPEN TERBAIK

Wajah Pak Cik Hamid yang berkedut seribu nampak bercahaya apabila ditiup angin sepoi-sepoi bahasa di pesisir Pantai Changi. Di tangannya, sebuah radio kecil usang sedang mendendangkan melodi yang amat akrab di telinga masyarakat kita, iaitu lagu *Singapura Permai*. Sambil bibirnya mengikut rentak lirik "*Singapura, laksana permata delima*", dia memandang ke arah cucunya, Ammar, seorang pelajar politeknik yang sedang sibuk melakar sesuatu pada iPad miliknya.

"Ammar, kau tahu kenapa lagu ini sebut negara kita macam permata?" tanya Pak Cik Hamid tiba-tiba.

Ammar mendongak, tersenyum nipis. "Mungkin sebab Singapura ini kecil tapi mahal nilainya, Atuk? Macam permata yang dicari-cari orang."

Pak Cik Hamid ketawa kecil, bunyi batuknya kedengaran sedikit namun penuh semangat. "Betul, tapi bukan itu sahaja. Permata itu keras, Ammar. Ia terbentuk daripada tekanan yang sangat kuat. Singapura juga begitu. Kita bina kebahagiaan ini bukan di atas hamparan permaidani merah, tapi di atas keringat dan kesabaran untuk hidup bersama."

Cerita Pak Cik Hamid membawa Ammar kembali ke zaman di mana kejiranan mereka tidak dibatasi oleh pagar-pagar digital. Ammar merenung lirik lagu tersebut. Mesej tentang "hidup bahagia dan sentosa" bukan sekadar impian, tetapi sebuah tanggungjawab yang dipikul oleh setiap individu yang menggelar diri mereka sebagai 'Orang Singapura'.

Bagi Ammar, keindahan Singapura yang disebut sebagai "berpohon, berdaun, berbunga" bukan sekadar tentang landskap hijau di Gardens by the Bay atau rimbunan pokok hujan di sepanjang lebuh raya.

Baginya, "bunga" itu adalah kepelbagaian wajah yang dilihatnya setiap hari di kantin kampus. Ada Raj yang sentiasa berkongsi murukkunya, ada Wei Han yang tekun membantunya dalam subjek Matematik, dan ada dia sendiri yang membawa bekal rendang air tangan ibunya untuk dinikmati bersama.

"Kekitaan itu terbina apabila kita menghargai apa yang ada," bisik Ammar sendirian. Dia mula menulis di aplikasi catatannya, menyusun kata-kata untuk tugasan sosiologinya mengenai integrasi nasional. Dia menyedari bahawa keharmonian masyarakat adalah tunjang yang menjadikan pulau ini "bermutu tinggi dan bernilai". Jika satu kaum merasa terasing, maka rosaklah permata delima itu.

Namun, Ammar sedar cabaran zamannya berbeza dengan zaman Pak Cik Hamid. Jika dahulu nenek moyangnya berjuang membina prasarana negara, generasinya kini berjuang mengekalkan ruang hidup bersama di dunia maya yang penuh dengan prejudis.

"Atuk, kadang-kadang saya rasa takut. Macam mana kalau satu hari nanti kita lupa cara untuk bersatu? Macam mana kalau kita terlalu sibuk dengan diri sendiri sampai tak nampak keindahan jiran sebelah?" luah Ammar jujur.

Pak Cik Hamid memegang bahu cucunya. "Sebab itulah lagu ini terus dinyanyikan, Ammar. Untuk mengingatkan kita bahawa di situ hidup kita, di situ negeri kita. Rasa cinta itu perlu dipupuk dan dibaja, bukan dibiarkan tumbuh meliar. Kamu yang muda, kamu yang kena jaga 'pokok' Singapura ini supaya terus berbunga."

Petang itu, sambil matahari mula melabuhkan tirai di ufuk timur, Ammar memandang ke arah laut yang mengelilingi pulau ini.

Dia melihat kapal-kapal besar yang beratur, simbol ekonomi yang gah. Namun, jauh di dalam sudut hatinya, dia tahu kekayaan sebenar Singapura bukan pada angka-angka di bursa saham, tetapi pada setiap senyuman yang bertukar antara orang asing di dalam MRT, dan pada kesediaan rakyatnya untuk berdiri teguh di bawah satu bendera.

Dia teringat baris terakhir lagu itu: "*Singapura*, *Singapura*..." Ia bukan sekadar nama sebuah negara; ia adalah satu seruan keramat, satu panggilan sakral. Ia adalah janji bahawa selagi laut masih membiru dan pokok masih menghijau, rakyat Singapura akan tetap bersatu, menghargai keindahan permai ini sebagai warisan yang paling bernilai.

Ammar menutup *iPad*nya. Dia kini mempunyai inspirasi yang cukup untuk ceritanya. Bukan tentang wira yang memakai jubah, tetapi tentang rakyat biasa yang mengekalkan keharmonian setiap hari. Kerana pada akhirnya, menjadi "Orang Singapura" bermaksud menjadi sebahagian daripada keluarga besar yang menjaga permata ini daripada terus pudar.

Permata di Tengah Lautan: Di Sini Kita Bersatu

Aktiviti Bacaan

Dalam cerpen ini, Singapura diibaratkan sebagai "permata delima" yang perlu dijaga bersama. Teliti setiap situasi di bawah. Tentukan sama ada tindakan tersebut **menggilap** atau **mencalarkan** permata Singapura. Kemudian, jelaskan alasan bagi pilihan kamu.

Situasi	**Pilihan**	**Alasan**
	Adakah tindakan ini menggilap atau mencalarkan permata Singapura?	Tulis penjelasan kamu di sini.
1. Satu hantaran di media sosial yang nmempersendakan loghat kaum lain menjadi tular.		
2. Pelajar daripada latar belakang yang berbeza hanya bergaul dalam kelompok masing-masing, tetapi tidak bermusuhan.		
3. Seseorang mempertahankan rakannya apabila komen yang berprasangka terhadap sesuatu kaum dibuat dalam sembang kumpulan.		
4. Demi mengelakkan konflik, seseorang memilih untuk berdiam diri apabila mendengar stereotaip tentang kaum lain.		

SELENDANG DUA WARNA

Muhammad Amjad Amirul Bin Mohamed Saaid
Institusi Raffles (Maktab Rendah)

5 CERPEN TERBAIK

Angin petang menyapu halaman rumah Maimunah ketika suaminya, Harun, kembali dari jeti. Raga tubuhnya dipenuhi peluh dan garam laut. Di tangan kirinya, terdapat sesuatu yang dibungkus kain berwarna coklat. Harun mengorak langkah ke halaman utama rumah kampung tersebut. Kedengaran corak langkah suaminya membuat Maimunah begitu ghairah dan tidak sabar untuk mendakap tubuh lakinya. Sudah berminggu-minggu suaminya tidak kembali oleh sebab pekerjaannya sebagai pedagang di lautan Asia Tenggara. Setiap malam, Maimunah akan membaca puisi yang ditulis oleh dirinya sendiri:

"Daksamu, wahai Harun, terlalu aksa
Namun, namamu tetap meresap ke dalam kalbuku
Kembalilah duhai kekandaku
Adindamu merindukan keberadaanmu"

Kini, sudah tiba masanya Harun kembali daripada perantauannya setelah menghabiskan beberapa minggu untuk mencari nafkah kehidupan bagi keluarga mereka.

"Sayang," panggil Harun, dengan nada yang sopan seperti biasa. "Ke sini sebentar."

Maimunah dengan lekas menaiki tangga keluar dari halaman dapur. Tangannya dipenuhi tepung jagung. Dilihat suaminya berdiri di tengah ruang tamu tersebut. Aneh sekali, tiada corak senyuman pun yang dipasang oleh suaminya itu. Selepas itu, Maimunah terpandang kain coklat yang dipegang oleh Harun dan mula berasa ingin tahu.

"Apakah tu?" tanyanya sambil menghampiri sisi suaminya itu.

Harun membuka bungkusan tersebut dengan perlahan-lahan, bagaikan menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak. Akhirnya, bungkusan itu terbuka dan dilihat dua helai selendang sutera – satu berwarna biru gelap seperti air laut, dan lagi satu berwarna hijau tenang. Di setiap helai selendang itu, tersulam separuh corak bunga kiambang. Apabila kedua-dua selendang diletakkan berdampingan, barulah corak tersebut kelihatan penuh dan jelas.

"Di manakah Abang mendapat kedua-dua selendang ini?" Maimunah begitu hairan kerana tiada situasi istimewa yang menyebabkan keperluan selendang itu.

Harun menghela nafas yang panjang. Mukanya begitu suram, bagaikan awan mendung di atas kepalanya. Hal ini membuat Maimunah lebih risau akan keadaan suaminya itu. Sebelum Maimunah dapat mengeluarkan kata-kata seterusnya, Harun mula berbual.

"Sebenarnya, Abang dapat selendang dari Pulau Sumatra. Abang dihadiahi selendang sutera ini oleh orang tua yang Abang terjumpa di Pulau itu. Katanya..."

Tiba-tiba, kata-katanya tergantung. Maimunah dapat lihat air mata berlinangan di wajah suaminya.

"Tidak apalah Abang, Maimunah akan menerima selendang sutera ini seadanya dan akan sentiasa menghargainya. Selendang ini akan sentiasa melambangkan rumah tangga kita. Selagi mana kedua-dua helai ini sentiasa bersama, selagi itulah asmara antara kita tetap utuh dan kukuh,"

Harun begitu terpesona dengan kata-kata isterinya. Tidak sempat untuk dia mengungkapkan niatnya yang sebenar. Namun, kerana tidak mahu menyinggung perasaan isterinya itu, Harun melengahkan berita berat yang hendak disampaikan

kepada isterinya. Dengan cepatnya, Maimunah turut mendakap daksa Harun yang dirinduinya itu. Sudah lama mereka tidak berjumpa, hanya terpaksa berutus warkah untuk terus cinta mereka.

Di perkampungan itu, matahari semakin hilang di ufuk barat. Warnanya kemerah-merahan. Sebentar lagi, malam akan bertahta. Adzan Maghrib mula berkumandang. Pasangan suami isteri itu menunaikan solat Maghrib sebelum menjamah makan malam. Hidangan yang disediakan semua khas bagi Harun yang baru sahaja kembali seperti ayam masak merah, siput sedut dan ikan bakar.

Di meja makan, Harun mula rasa bersalah. Dia tidak ingin merahsiakan berita tersebut. Melihat wajah adiratnanya, Harun mengguris senyuman nipis. Maimunah mengangkat wajahnya dan mata mereka bertemu.

"Kapal bertolak Isnin. Nakhoda ingin merantau ke luar Asia Tenggara kali ini untuk mencari bahan istimewa." kata Harun akhirnya.

Maimunah tidak berkata-kata apa. Dia terpaku. Suaminya baru sahaja kembali dan dalam 2 hari, mereka akan berpisah sekali lagi. Harun tahu bahawa isterinya sukar untuk menerima berita tersebut.

"Selagi mana Abang mencari rezeki yang halal, selagi itulah saya akan menyokong pekerjaan Abang." jawab Maimunah, nada suaranya bagaikan sembilu menghiris tangkai hatinya.

* * *

Sang baskara memancarkan sinarnya ke atas lapisan bumi ini. Isnin datang terlalu cepat, seperti mana Isnin selalu datang apabila seseorang tidak menginginkannya.

Maimunah berdiri di jeti, dengan selendang hijaunya yang digenggam erat. Harun berdiri di hadapannya.

Selendang birunya diselitkan di dalam seluarnya, hujungnya terjuntai keluar sedikit. Mereka tidak bersembang lama. Selepas 10 tahun berumah tangga, ada bahasa yang tidak memerlukan suara. Itulah keistimewaan hubungan mereka berdua – kepercayaan dijadikan asas rumah tangga.

"Jaga diri baik-baik ya, Abang," kata Maimunah, suaranya pecah di hujungnya.

Harun tersenyum. Dia menoleh, lalu berjalan menaiki papan titi kapal, tanpa menoleh lagi. Maimunah berdiri di jeti tersebut sehingga kapal itu bagaikan titik di garisan cakrawala, sehingga dia hilang ditelan biru laut dan langit. Maimunah masih menggenggam selendang hijaunya. Separuh corak bunga kiambang yang menunggu satu lagi untuk menjadi sempurna.

* * *

"Daksamu, wahai Harun, terlalu aksa
Namun, namamu tetap meresap ke dalam kalbuku
Kembalilah duhai kekandaku
Adindamu merindukan keberadaanmu"

Maimunah bangun setiap pagi dengan rutin yang sama. Dia akan mengemas rumah, lalu duduk di tepi tingkap yang menghadapi arus laut. Selendang hijaunya digenggam erat setiap kali dia menatap di tepi tangkap. Jarinya menelusuri corak bunga tersebut, seperti orang yang membaca braille yang hanya Maimunah faham maksud di sebaliknya.

Satu tahun sudah pun berlalu. Tempoh setahun bukanlah jangka masa yang panjang. Namun, untuk Maimunah, ada hari tertentu yang lebih berat dan membebankan, hari yang mungkin lebih mudah jika ada suaminya. Khabar angin tentang suami Maimunah yang masih tidak kembali mula menjadi topik perbualan orang kampung di situ.

"Sudah setahun dia belum kembali, mungkin dia sudah menemui ajalnya"

"Cepatlah cari lelaki yang lebih layak daripada si Harun tu"

Kata-kata ini memaparkan kerenah orang kampung yang harus dilayani oleh Maimunah pada setiap hari dia mengunjungi pasar untuk membeli barang-barang dapur. Masalah tersebut berterusan sehinggakan Maimunah berasa malas untuk keluar rumah, malas untuk melayan kerenah manusia.

Pada petang itu, seekor burung murai hinggap di dahan pokok yang berada di luar rumah Maimunah. Maimunah baru sahaja mengangkat kain baju yang dijemurnya apabila matanya bertemu dengan burung murai itu. Mata bulatnya yang hitam berkilat, lalu dia berkicau tiga kali. Bunyinya amat nyaring, membelah petang yang mulai lengang. Tanpa sebab, dadanya terasa berat secara tiba-tiba. Lalu, burung itu terbang pergi. Langit di barat mulai tukar warna. Warnanya bukan seperti jingga yang disangkakan, namun kelabu. Angin mula berubah arah.

Maimunah masuk ke dalam rumah dan mengambil selendang hijaunya. Di luar, dahan pokok mula bergerak dan daun-daun luruh berguguran. Dan malam itu, ribut datang.

Ribut sudah datang. Ribut datang tanpa belas kasihan. Ributnya bukan seperti ribut yang reda selepas beberapa jam. Ini berbeza. Ini terasa seperti langit dan laut sedang bertengkar dan menghapuskan sempadan antara kedua-duanya. Angin ribut masuk dari celah-celah tingkap dan lampu minyak tanah mula berkelip-kelip.

Perasaan tidak sedap hati mula menyelubungi dirinya. Dia melangkah masuk ke kamarnya, lalu menjatuhkan punggungnya ke atas katil yang empuk. Dia menghela nafas yang panjang.

Tiba-tiba, terasa seperti sesuatu yang aneh. Dia hanya terasa sesuatu yang ringan terlepas dari genggamannya. Dia memandang ke bawah. Selendang.

Dengan cemas, Maimunah berdiri dan suasana di rumah tersebut menjadi riuh-rendah. Bom, bom, bom! Bunyi langkah kaki menggegarkan rumah kayu tersebut. Dia mencari satu rumah, di atas meja, belakang sofa, atas almari. Semuanya tiada selendang sutera itu. Nafasnya semakin pendek dan tangannya semakin menggeletar.

Dia kembali ke bilik tidur. Dia membuka peti kayu di penjuru bilik, mengorek kain-kain yang tersusun rapi, mencampakkan satu demi satu ke lantai. Tidak ada. Dia menyapu tangan di bawah bantal, di sebalik kepala katil dan di celah dinding.

Tidak ada. Tidak ada. Tidak ada.

Namun, Maimunah merasakan angin dingin menyelimuti dirinya dan menoleh ke belakang. Tingkap bilik tidurnya tidak ditutup. Memang sah, selendangnya telah dibawa angin ke hujung langit. Tanpa berfikir panjang, Maimunah membuka pintu rumah utama, namun angin ribut menolaknya ke dalam semula. Dia bertabah dan melangkah keluar rumah. Air hujan membasahi pipi, baju dan rambutnya dalam sekelip mata.

Kaki pertama menjejak tanah basah, kemudian kaki kedua. Pada saat itu, kilat menyambar dan guruh membelah langit dengan bunyi yang begitu kuat. Ini membuat Maimunah terasa tulang-tulangnya bergegar. Dia berjalan.

"Oh selendang hijau, di manakah kau pergi?"

Maimunah meneruskan pencariannya selama dua jam. Biarlah hujan membasahi daksanya, biarlah angin menolak hala tujunya dan biarlah lumpur menelan kakinya. Selagi selendang hijau itu masih ada, selagi itu dia tidak akan berhenti mencari. Pencariannya bersambung sehingga ribut mula reda.

Lama-kelamaan, titisan hujan semakin nipis. Sambar petir semakin jarang. Ribut itu tidak pergi sekaligus, hanya perlahan-lahan mengundurkan diri, meninggalkan senyap yang lebih berat dari bunyinya.

Selepas berjam-jam mencari selendangnya itu, Maimunah tiba di sebuah pantai yang asing. Kini, dia dapat melihat saujana lautan dengan lebih jelas. Apabila dia merenung ke lautan tersebut, rasa rindu mula kembali menusuk jiwanya.

"Oh Harun, bilakah akan kau kembali? Kerinduan ini tidak hilang-hilang. Selendang itu tidak dapat menghilangkan rasa nestapa dalam sanubariku ini. Namun, selendang itu pun sudah tiada. Maafkan aku, Abang." kata Maimunah.

Titisan air jatuh berguguran dari sudut matanya. Langit yang muram dan ombak yang resah menjadikan dirinya lebih pilu. Tiba-tiba, dari sudut matanya, terlihat beberapa papan kayu yang pecah bertaburan di persisiran lautan. Langkah demi langkah, Maimunah berjalan ke arah papan kayu tersebut.

Alangkah terkejutnya apabila dia ternampak kapal yang dilihat dalam keadaan yang rosak teruk. Di hadapannya, tersadai di atas pasir yang gelap dan basah, terbaring serpihan-serpihan kayu besar: hancur, patah, berselerak seperti tulang-belulang yang dibuang ke laut setelah selesai diratah dengan rakus oleh Si pemangsanya. Tiang layar patah di tengah. Keadaan kapal tersebut membuat Maimunah ingat kembali akan suaminya yang masih berlayar dan meneroka lautan.

Maimunah mula memeriksa inti kapal tersebut. Dia melangkah perlahan di atas serpihan kayu yang berselerak itu. Di dalam kapal itu, ribut angin yang melanda telah meninggalkan pelbagai benda. Tong kayu pecah, tali yang kusut dan baju lelaki yang tergantung di paku berkarat.

Maimunah memandang baju tersebut sebentar. Itu bukanlah barang yang dicarinya.

Atau mungkin dia takut itu yang dicarinya.

Tiba-tiba, terdapat sesuatu yang menarik perhatiannya. Sesuatu berwarna hijau di bawah serpihan-serpihan kayu. Dia mendekati serpihan kayu tersebut, lalu mengangkat satu per satu. Setiap serpihan kayu yang dialihkan Maimunah mendedahkan lebih warna, bentuk dan corak yang tertera pada objek itu. Matanya terbeliak dan tangannya menggeletar ketika menarik keluar selendang hijau dari sepit papan kayu yang telah menghimpitnya.

Maimunah terpaku. Wajahnya pucat lesi. Di bawah serpihan kayu yang sama, sehelai kain biru gelap juga terjumpa. Basah dan berat, tetapi warnanya tidak boleh disalah anggap. Biru gelap seperti laut dalam, seperti mata Harun.

Maimunah mengambil kedua-dua helai itu dengan tangannya yang lemah, lalu meletakkan berdampingan di atas ribanya. Separuh bunga bertemu kembarnya. Corak kiambang yang sudah setahun terpisah akhirnya utuh semula. Untuk pertama dan terakhir kalinya.

Maimunah terjatuh ke lututnya. Dia cuba menahan air matanya tetapi matanya tetap bertambah kelam. Bagaikan empangan yang pecah. Bukan kerana kehilangan semata-mata, tetapi Harun telah menggenggam selendang itu sehingga akhir hayatnya. Di tengah ribut yang kencang, dia masih memegang kepada bahagiannya.

Laut telah mengambil Harun. Namun, dia juga telah mengembalikan ini.

Di hujung pantai, terdengar kicauan burung murai. Nyaring dan jelas. Kemudian senyap. Maimunah duduk di situ, memeluk dua helai sutera yang akhirnya bersatu. Sayang disayangi.

“Akhirnya, aku jumpa kau, Harun. Walaupun begini caranya”

Untuk pertama kali, hatinya tidak terasa pilu, namun bukanlah sembuh. Tenang. Tenang seperti laut selepas ribut. Tenang seperti langit yang baru selesai menangis.

Tenang seperti seseorang yang akhirnya tahu. Yang akhirnya faham. Yang akhirnya reda.

Selendang Dua Warna

Aktiviti Bacaan

Bayangkan satu adegan daripada cerpen ini akan difilemkan. Pilih **satu** adegan di bawah. Sebagai pengarah, tentukan cara untuk menggambarkan emosi Maimunah kepada penonton tanpa menyatakan perasaannya secara langsung. Lengkapkan papan arahan pengarah berdasarkan adegan pilihan kamu.

ADEGAN A Harun memberitahu bahawa dia akan belayar semula.	ADEGAN B Maimunah menunggu Harun selepas setahun tanpa khabar.
ADEGAN C Maimunah mencari selendang hijau ketika ribut.	ADEGAN D Maimunah menemukan dua selendang di bangkai kapal.





Arahan Pengarah	Pilihan Saya
Bunyi dan muzik Apakah yang akan didengar oleh penonton?	
Gerak-geri Maimunah / Harun Apakah gerak-geri yang dapat menggambarkan emosinya tanpa dialog?	
Tumpuan kamera Apakah objek atau perincian yang perlu diberikan tumpuan?	
Suasana Bagaimanakah cuaca, pencahayaan atau keadaan sekeliling dapat membantu menggambarkan emosi Maimunah / Harun?	

JEJAK KENANGAN, IKATAN ABADI

Muhammad Aleyal Rayyan Bin Mohd Nizam
Maktab Rendah Tampines Meridian

5 CERPEN TERBAIK

Suara azan Maghrib berkumandang menandakan berakhirnya Ramadan yang penuh barakah. Suara itu membangkitkan perasaan yang berbaur – antara rasa syukur dan kemasygulan yang menusuk sukma. Aku memandang ke arah kerusi kayu di hujung meja makan. Kerusi itu kelihatan sayu dan sendu kerana sudah bertahun-tahun tidak diduduki oleh pemiliknya. Ayah yang amat aku kasihi telah lama kembali ke rahmatullah, meninggalkan aku dengan pelbagai kenangan berharga. Fikiranku mula jauh menerawang, mengimbau peristiwa yang berlaku dua puluh tahun lalu yang masih segar terpahat dalam ingatanku.

"Ihsan, lekas bersiap! Kita dah agak lambat ke majlis sambutan Maulidur Rasul di padang." Aku bergegas bangun daripada pembaringanku lalu segera memakai pakaian. Ayah sememangnya rajin membawaku untuk menghadiri majlis keagamaan kerana dia berharap aku akan membesar memiliki akhlak yang mulia. Benar kata pepatah, jika mahu melentur buluh, biarlah dari rebungnya. Didikan sejak kecillah yang membentuk peribadi seseorang.

Sebaik tiba di padang, sebuah kawasan yang luas yang tidak jauh dari rumah kami, aku dapat merasakan angin petang yang sejuk menyapa kami. Suasana permai dengan bunyi kicauan burung bagai melagukan irama kedamaian. Namun, ketenangan itu hanyalah seketika. Sekonyong-konyong, sebuah botol kaca telah dicampak seseorang dan terkena salah seorang jemaah. Kejadian itu akhirnya bertukar menjadi pergaduhan besar yang melibatkan orang Melayu dan orang Cina. Aku berasa takut melihat darah yang mengalir dari susuk tubuh mereka yang hadir dan jeritan suara yang meraung kesakitan. Suasana menjadi hingar-bingar dengan sekelip mata. Ayah pantas menarik tanganku lalu segera meninggalkan kawasan yang kacau-bilau itu. Dia bimbang aku akan tercedera dalam keganasan yang berlaku itu.

"Kasihan saya melihat kita sesama manusia berbalahan. Ingatlah, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Tanpa perpaduan, kita akan mudah hancur," ujar Ayah kepada Ibu setelah kami tiba di rumah. Peristiwa petang itu bagaikan duri dalam daging yang menyakitkan hati. Fikiranku yang masih belum akal baligh mula dikuasai prasangka negatif. Mungkin orang Cina sememangnya jahat dan tidak senang melihat keamanan bangsaku, bisik hati kecilku.

Dua bulan kemudian, keadaan mula pulih kembali. Pihak berkuasa dapat mengawal segala keganasan dan kehidupan kembali dengan penuh harapan. Segalanya berjalan lancar seperti sebelumnya. Namun, keceriaan itu hanyalah sementara. Selepas tiga bulan merasakan nikmat kedamaian, suatu peristiwa berlaku membuat suasana menjadi haru-biru semula. Pergolakan dan rusuhan kembali ber-roh. Dalam suasana hiruk-pikuk itu, Pak Ali, seorang penarik beca yang mulia hatinya, telah dibunuh secara kejam oleh penumpangnya yang berbangsa Cina. Motif pembunuhan masih tidak diketahui. Kawannya Ajis, datang ke rumahku dengan nafas tercungap-cungap.

"Pak Wan, Pak Ali telah dibunuh oleh orang Cina. Adik saya, Azam, yang cuba membelanya juga cedera parah ditusuk senjata yang digunakan pemuda Cina itu. Sungguh tidak berhati perut bangsa, tu!" Luah Ajis dengan api amarah yang menggelegak. Sempat dia singgah ke rumahku untuk memberitahu kami tentang khabar buruk itu. Sebenarnya, di rumahku pada waktu itu sedang dijalankan sesi murajaah al-Quran.

Sesi murajaah al-Quran bersama Ayah dan beberapa orang yang lain terhenti serta-merta. Walaupun api kemarahan mula menyala dalam hatinya, Ayah tetap bersikap bijaksana. Dia memandangku dan berpesan, "Jangan bertindak ketika marah. Menjaga keharmonian sesama manusia ialah amanah yang mesti kita pegang dengan teguh." Nasihat itu ringkas tetapi nilainya melebihi emas. Selepas itu, ayah keluar bersama Ajis dan beberapa orang yang lain dengan membawa sebilah parang sekadar untuk mempertahankan dirinya. Aku tidak tahu hala tujunya. Aku hanya mampu memanjatkan doa agar ayah dan semua yang bersamanya dilindungi Tuhan yang Maha Esa.

Aku menanti kepulangan ayah dari siang hingga ke larut malam. Ibuku yang turut gusar tidak henti-henti berdoa agar ayahku dijauhi segala bahaya. Tiba-tiba, tepat pada pukul jam sebelas malam, kedengaran bunyi ketukan di daun pintu rumah kami. Aku memandang wajah ibuku dengan penuh cemas. Siapakah yang datang hampir tengah malam begini?

Ibu memberanikan diri untuk membuka pintu itu. Ternyata yang mengetuk pintu itu ialah seorang lelaki Cina bersama seorang wanita dan anak kecil berusia kurang lebih lima tahun.

"Tolonglah kami. Izinkan kami berlindung di rumah kamu. Rumah kami telah diserang oleh pemberontak. Habis semua tingkap rumah kami dipecahkan dan barang-barang kami juga dimusnahkan. Kami sempat berlari keluar mengikut pintu belakang."

Tanpa berfikir panjang, Ibu terus menjemput mereka masuk ke rumah.

"Cepat masuk. Di sini kamu selamat," kata Ibu dengan penuh keyakinan.

Lelaki Cina itu bernama Kevin dan perempuan yang bersamanya ialah isterinya, Sylvia. Usia mereka mungkin dalam lingkungan tiga puluhan tahun.

Mereka telah lari dari rumah sejak pukul tujuh malam tadi. Empat jam mereka berjalan cuba mencari perlindungan. Akhirnya, mereka bertekad untuk menerjah rumah kami. Mereka nekad. Lagi pula, keadaan mereka juga tidak mengizinkan mereka untuk meneruskan perjalanan. Mereka sudah terlalu jenuh. Mereka juga terlalu kebulur kerana terakhir mereka makan adalah pada waktu pagi. Ibu menghidangkan makanan untuk mereka. Kebetulan, makanan masih banyak. Sebenarnya aku dan Ibu telah hilang selera untuk makan kerana menantikan ayah pulang. Kevin, Sylvia dan anak perempuan mereka, Angel, mula makan dengan lahapnya. Sedih pula aku melihat keadaan mereka. Namun, aku tabik mereka kerana berani datang ke kawasan rumah kami yang merupakan penempatan orang-orang Melayu. Atau mungkin mereka tidak tahu, ini kawasan perumahan orang-orang Melayu? Walau bagaimanapun, kami terus melayan mereka sebagai tetamu istimewa. Usai makan, Sylvia menawarkan diri untuk mencuci pinggan mangkuk. Ibu cuba melarang tetapi dia berkeras mahu melakukannya. Sementara itu, Kevin dan anaknya, Angel hanya duduk di ruang tamu dengan ditemani ibu dan aku. Kami baru hendak memulakan perbualan apabila terdengar bunyi ketukan yang kuat di pintu. Sylvia yang berada di dapur segera keluar dengan wajah yang penuh cemas. Ibu segera mengarahkan aku agar membawa Kevin dan keluarganya masuk ke bilik kosong yang terdapat di dalam rumah kami. Ibu menyuruh mereka bersembunyi di dalam bilik itu. Aku mahu mengikut Ibu membuka pintu tetapi ibu melarang dan menyuruh aku menemani mereka di dalam bilik. Dengan degup jantung yang berdentam pantas, Ibu membuka daun pintu.

"Ajis??" Ibu bersuara kaget.

"Cik Milah, Pak Wan...err...Pak Wan telah dikejarkan ke hospital. Dia telah ditembak penjahat."

Ibuku pengsan di depan pintu rumah kami. Aku yang terdengar kekecohan yang berlaku di luar, segera keluar dari bilik. Kevin dan keluarganya juga turut serta.

"Huh? Kenapa ada penjahat di dalam rumah ini?? Kau sembunyikan penjahat?? Kita harus tangkap mereka!!" Tiba-tiba Ajis keras bersuara.

"Jangan, Bang! Mereka bukan penjahat. Abang jangan cuba nak apa-apakan mereka. Mereka tetamu kami."

Ajis hanya terpacak di situ. Hairan. Begitu juga dengan Kevin, Sylvia dan Angel. Mereka terkedu.

Keesokan harinya, Ayah disemadikan di perut bumi selepas solat Zuhur. Ayah tidak dapat diselamatkan. Kecederaanya parah sekali. Ibu dan tetamu-tetamu wanita yang lain hanya tinggal di rumah sementara kaum lelaki pergi ke pusara untuk pengebumian jenazah Ayah. Air mataku ligat menangis ketika jasad Ayah diturunkan ke liang lahad. Aku tidak dapat menahan lagi sebak di hati. Kini hanya tinggal aku, anak tunggal Ayah dan Ibu, untuk memimpim keluargaku. Aku hanya berusia 12 tahun, masih mentah dalam soal kehidupan. Aku hanya dapat berdoa semoga Tuhan sentiasa melindungi diriku dan ibuku dan menuntun kami ke jalan yang diredai dan diberkati-Nya. Sebenarnya, pada hari itu juga, Kevin dan keluarganya masih ada di dalam rumahku. Namun, Ibu menyuruh mereka duduk diam-diam di dalam bilik kosong itu sehingga upacara pengebumian itu usai dan para tetamu sudah pulang ke rumah masing-masing. Ibu mengunci bilik itu. Sebelum itu, Ibu juga meninggalkan makanan ringan dan air mineral di dalam bilik tersebut agar mereka dapat memakannya dan tidak kelaparan bersembunyi di dalam bilik itu.

"Abang Ihsan, kenapa termenung jauh, ni? Marilah kita makan hidangan Hari Raya yang telah Ibu sajikan, tu."

Aku tersentak seketika. Lamunanku terhenti dek suara lunak isteriku, Aisyah, gadis jelita yang baru sahaja mula bertugas sebagai seorang doktor di hospital swasta. Dua puluh tahun telah berlalu. Sejak peristiwa keluargaku menyelamatkan keluarga Kevin dahulu, mereka telah menjadi akrab dengan keluargaku. Malah, mereka sempat tinggal bersama keluargaku selama sebulan sehingga keadaan membaik. Apabila keadaan sudah kembali normal, barulah mereka pulang ke rumah mereka. Kevin dan isterinya sebenarnya ialah doktor bedah di sebuah hospital pemerintah. Walaupun mereka telah pulang ke rumah, hubungan kami tetap utuh ibarat aur dengan tebing. Mereka sering datang berkunjung ke rumah kami. Hampir setiap minggu mereka menziarahi kami. Kami telah menjadi sebuah keluarga yang harmoni. Kevin dan isterinya juga banyak membantu kami dalam soal kewangan. Walaupun kami cuba menolak sumbangan wang mereka itu, Kevin dan Sylvia tetap memaksa kami untuk menerimanya. Malah, ketika aku melanjutkan pelajaran ke menara gading, keluarga Kevin juga yang banyak menolong menampung perbelanjaan aku di universiti. Mereka berbuat begitu, semata-mata untuk membalas jasa baik kami yang telah menyelamatkan nyawa mereka sekeluarga dua puluh tahun yang lalu. Begitulah yang mereka rasakan selama ini.

Namun yang paling aku dan ibuku merasa senang adalah apabila Kevin dan Sylvia menyuarakan hasrat mereka untuk memeluk agama Islam setelah setahun kita bersilaturahim. Mereka berkata mereka senang dengan ajaran Islam. Mereka juga berkata orang Islam berhati mulia dan aku serta ibuku telah menunjukkan kepada mereka bahawa Islam itu tulus dan kudus. Kevin menukar namanya menjadi Ridwan. Sebenarnya nama itu merupakan nama arwah ayahku. Kevin memilih nama itu agar kami dapat merasakan bahawa arwah Ayah sentiasa ada dekat dengan kami.

Begitulah perasaan aku dan Ibu setiap kali Ridwan datang berkunjung ke rumah kami. Sylvia pula telah memilih nama Sarah sementara anak mereka diberikan nama Aisyah. Dan Aisyah kini telah menjadi isteriku. Kami telah bernikah tiga bulan yang lalu setelah Aisyah tamat pengajiannya di universiti untuk menjadi seorang doktor. Sebenarnya, kami telah meluahkan perasaan dan isi hati masing-masing setahun yang lalu. Aku bersyukur kerana tidak bertepuk sebelah tangan. Aisyah juga dalam diam telah jatuh hati denganku.

Aku amat bersyukur atas segala kurniaan yang Maha Esa. Tidak kusangka peristiwa aku kehilangan orang yang paling aku sayangi dua puluh tahun yang lalu merupakan detik permulaan lembaran hidupku yang baharu bersama sebuah keluarga berbangsa asing yang sangat tinggi daya toleransi mereka dan senang menyerap segala perbezaan budaya dan bahasa. Malah, mereka juga senang menerima agama kami dan Ikhlas menjadi saudara selslam. Aku teringat pesanan Ayah tentang pentingnya perpaduan kaum kerana ia akan menghasilkan kehidupan yang harmoni dan membawa kesejahteraan yang abadi. Tepat sekali kata-kata Ayah itu.

Hari ini merupakan Hari Raya Aidil Fitri, hari kemenangan bagi seluruh umat Islam. Buat diriku, aku telah benar-benar meraih kemenangan. Sesungguhnya, segala yang aku alami sekarang ini merupakan kemenangan yang hakiki bagiku — dua dekad lalu aku menjadi perisaian nyawa buat keluarganya. Hari ini, anak gadis mereka menjadi perisaian hatiku; topeng takdir yang dulu nampak kebetulan, rupa-rupanya teras rencana Tuhan yang indah, yang tiada tolok bandingnya.

Jejak Kenangan Ikatan Abadi

Aktiviti Bacaan

Teliti peribahasa yang digunakan dalam cerpen. Bagi setiap peribahasa, nyatakan maksudnya, kemudian berikan satu peristiwa dalam cerpen dan satu situasi pada masa kini yang sesuai menggambarkan makna peribahasa tersebut.

1) Jika mahu melentur rebung, biarlah dari rebungnya
Maksud:
Dalam cerpen:
Pada masa kini:

2) Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh
Maksud:
Dalam cerpen:
Pada masa kini:

3) Duri dalam daging
Maksud:
Dalam cerpen:
Pada masa kini:

2) Bertepuk sebelah tangan
Maksud:
Dalam cerpen:
Pada masa kini:

GOTONG-ROYONG

Julfa Ardhani Wisnumurti
Institusi Raffles (Maktab Rendah)

5 CERPEN TERBAIK

Angin pagi berhembus lembut, menggoyangkan daun-daun di tepi jalan berbatu yang mengalas desa Royong. Mentari fajar mencurahkan cahayanya yang berwarna coklat-keemasan ke atas bumbung-bumbung rumah kayu yang sudah berdiri kukuh sejak ratusan tahun dahulu, sebuah warisan nenek moyang yang menjadi saksi bisu kepada segala suka duka warga desa. Warga desa Royong terkenal dengan keramahannya dan kegiatan budidaya ialah sumber mata pencarian mereka. Kehidupan mereka sungguh sederhana dan bermakna – teknologi yang sederhana, rumah-rumah yang dibina daripada bahan alami dan irama kehidupan yang tenang, jauh berbeza daripada hiruk-pikuk yang dialami di bandar.

Pada suatu hari, warga desa Royong bersetuju untuk mengadakan kerjasama dengan sebuah universiti terkemuka, iaitu Universiti Terbaik Bangsa (UTB). Mereka bersedia untuk menjadi wadah bagi pelaksanaan program Kuliah Kerja Nyata, atau kerap dikenal sebagai KKN. Program ini bertujuan untuk mendedahkan mahasiswa kepada pengalaman kerja di lapangan, sekaligus memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat. Pihak universiti dan pengurus desa pun bersetuju untuk menerima para mahasiswa UTB dengan harapan agar mereka dapat membantu memajukan desa – juga sebagai peluang bagi para mahasiswa untuk mempraktikkan ilmu yang telah dipelajari mereka.

Datanglah Gotong, seorang mahasiswa seni bina dari UTB yang namanya sudah tidak asing lagi dalam kalangan para pensyarah. Sejak tahun pertama, Gotong sudah mencuri perhatian banyak orang. GPAnya tidak pernah lebih rendah daripada 4.0. Setiap tugasan yang diserahkannya mendapatkan markah penuh dan karya-karya seni binanya sering dipamerkan sebagai contoh terbaik kepada rakan sebaya dan juga adik-adik kelasnya.

Para pensyarah sering kali berbisik tentang pemuda ini. Ada yang menyebutnya genius, ada yang menyebutnya berbakat luar biasa. Gotong tahu semua itu. Tapi, itulah yang menjadi masalah utamanya juga.

Dilahirkan dalam keluarga yang berada, Gotong membesar dalam keselesaan yang tidak pernah mengajarnya erti susah. Setiap kemahuan dipenuhi, setiap pencapaian dipuji, dan lama-kelamaan, pujian itu pun meracuni jiwanya. Dia menjadi seorang yang angkuh dan sombong. Empati? Itu adalah sesuatu yang Gotong rasa tidak perlu dia miliki. Baginya, selagi dia yang paling cemerlang, apalagi yang penting? Keluarganya juga sedar akan perubahan itu. Ibu dan bapa yang amat menyayanginya sudah lama memikirkan bagaimana anak mereka tersebut akan hidup di masa hadapan. Maka, apabila program KKN UTB diumumkan, mereka tidak menyia-nyiakan waktu.

"Gotong, pergilah! Belajar erti hidup yang sebenar di desa Royong. Ini adalah perintah ibu dan bapak kamu" kata ibunya.

Gotong menghela nafas panjang. Dia tidak ada pilihan lain.

Kini, Gotong berdiri di tepi jalan berbatu yang menuju pintu masuk desa Royong dengan beg besar di bahunya. Ia memandang sekelilingnya. Angin pagi yang lembut menyapa pipinya. Burung-burung berkicauan riang di celah-celah dahan, diiringi oleh suara gemericik sungai. Bagi sesiapa yang datang, pemandangan itu pasti terasa seperti sebuah sambutan elok daripada alam. Tetapi bagi Gotong, ia hanya terasa seperti sebuah kekecewaan.

Sesampainya di kawasan desa Royong, Gotong disambut oleh Pak Doni, sang kepala desa.

Pak Doni seorang pemimpin yang disegani – bukan kerana pangkat, tetapi kerana ketulusan hatinya yang sudah dibuktikan berkali-kali melalui perlakuannya.

"Selamat datang ke desa Royong, nak Gotong!" sambut Pak Doni dengan ramah sambil menghulurkan tangan. "Bapak sungguh gembira dapat bertemu denganmu. Sudah banyak yang Bapak dengar tentang pencapaianmu di UTB. Bapak tidak sabar hendak melihat perkara yang akan kamu rancangkan bagi kemajuan dan kesejahteraan desa kita ini!"

Gotong menyambut jabat tangan tersebut dengan singkat, matanya masih menjelajah sekeliling desa dengan pandangan yang dingin.

"Salam, Pak." Suaranya tidak bersemangat. "Bapak jangan salah faham dahulu." Dia melepaskan tangan Pak Doni. "Saya ke sini bukan kerana saya benar-benar ingin membangun atau memajukan desa ini. Saya hanya perlu menyelesaikan program KKN ini secepat mungkin, kemudian pulang. Jadi saya harap Bapak maklum. Saya akan lakukan sekadar yang perlu sahaja, tidak lebih daripada itu."
Suasana menjadi sunyi seketika.

Pak Doni memandang pemuda di hadapannya itu. Wajahnya memang elok tetapi sikapnya angkuh. Dalam puluhan tahun memimpin desa, Pak Doni telah menghadapi pelbagai kerenah manusia. Tetapi bersifat tak acuh secara terang-terangan? Ini adalah kali pertama.

Akan tetapi, Pak Doni tidak membiarkan kekecewaan itu terpancar pada wajahnya. Dia hanya menghela nafas kecil. "Ya, sudah Nak. Mungkin kamu masih penat selepas perjalanan jauh tadi." Suaranya tetap lembut, tidak ada nada sindir mahupun marah. "Kalau begitu, mari Bapak ajak kamu berkeliling desa dahulu, sekaligus memperkenalkan dirimu kepada warga-warga yang lain.

Mungkin ada sesuatu di sini yang akan mengubah fikiranmu." Gotong hanya mengangkat bahu tanpa semangat.

"Budaya yang ada di desa Royong ialah warisan leluhur yang telah berdiri sejak lebih dua ratus tahun dahulu ...," tutur Pak Doni sambil melangkah perlahan di hadapan Gotong, tangannya sesekali menunjuk ke arah bangunan-bangunan tua yang masih teguh berdiri. Namun di belakangnya, Gotong sudah tidak mendengar. Matanya mengerling ke segala arah. Setiap langkah yang dibuatnya terasa seperti beban yang terpaksa ditanggung.

"Cih!" Dia mendengus dalam hati, matanya melirik deretan rumah kayu yang berdiri di kiri kanan jalan. "Ini tempat apa? Sudahlah tak moden, kumuh pula."

Apabila mereka tiba di balai desa, Pak Doni memperkenalkan Gotong kepada warga yang sudah berkumpul. Senyuman-senyuman tulus menyambut kedatangan pemuda itu. Ada yang menghulurkan tangan, ada yang menawarkan minuman, ada yang memberikan sapaan. Gotong berdiri di tengah-tengah mereka dengan raut muka yang tidak menyembunyikan apa-apa. Dia tidak membalas sapaan yang diberikan warga. Pandangannya menjelajah sekeliling seperti seseorang yang terjebak di sebuah tempat yang tidak diinginkan. Matanya seakan-akan berkata "Hufft, kapan aku boleh kabur dari sini."

Ketika makan sore dihidangkan dan warga mengajaknya untuk duduk berbual bersama, Gotong mengambil tempat di hujung meja. Tangannya lebih kerap memegang telefon bimbit. Jari-jarinya sibuk menekan skrin tanpa henti. Matanya jarang sekali mengangkat untuk memandang orang di sekelilingnya. "Desa ini memang ... terlalu membosankan." Dia bergumam kepada diri sendiri.

Pada malam itu, Gotong dibawa ke rumah tumpangannya, yakni sebuah rumah kayu sederhana milik seorang warga, bersih namun jauh daripada segala kemewahan yang kerap dia nikmati di rumah keluarganya di bandar. Tiada pendingin hawa, tiada katil yang empuk, tiada WIFI yang cepat. Hanya ada kipas yang berpusing perlahan, bunyi cengkerik dari luar jendela dan kesunyian malam desa yang terasa asing di telinga seorang anak bandar. Gotong berbaring di atas katil kayunya dengan mata terbuka. Dia menghela nafas panjang. “4 bulan. Aku hanya perlu bertahan selama 4 bulan.”

Di luar, bintang-bintang bertaburan di langit desa Royong yang jauh daripada cahaya bandar. Angin malam berbisik lembut melalui celah-celah dinding kayu. Desa Royong – dengan segala kesederhanaan dan ketenangannya – terus bernafas, tidak terganggu sedikit pun oleh kehadiran seorang pemuda yang belum lagi belajar untuk menjadi lebih manusia.

Hari silih berganti dan perangai Gotong tak kunjung membaik.

Pada hari seterusnya, budak-budak desa berlari-larian dan bersorak riang di halaman seperti kebiasaan mereka. Suara ketawa mereka pecah memenuhi udara – nyaring dan bebas. Namun, Gotong yang tidak dapat tahan membuka pintu rumah tumpangannya dengan muka masam. "Hei, diamlah! Orang perlu ketenangan ni!" Budak-budak yang tadinya penuh dengan riang terdiam seketika, memandang lelaki muda itu dengan mata penuh tanda tanya, sebelum perlahan mengundurkan diri. Gotong membanting pintunya. Di luar kini telah menjadi sunyi.

Pada hari ketujuh, ketika warga bekerja sama memperbaiki sebuah jalan yang berlubang-lubang, Gotong berdiri di tepi dengan tangan bersilang di dada. Dia tidak mengangkat satupun cangkul ataupun mengisi karung. Hanya berdiri, memerhatikan, dan sesekali mengeluarkan arahan yang tidak diminta.

"Buatlah begini. Tak guna buat macam tu! Nanti malah cepat rosak!" Terdengar suaranya lantang, penuh keyakinan seorang yang merasa dirinya lebih tahu daripada semua orang di hadapannya. Warga-warga yang berpeluh di bawah terik matahari itu saling berpandangan, namun terus bekerja dalam diam.

Penduduk desa pun akhirnya mula mengelak daripada Gotong. Perbualan-perbualan kecil yang dulu cuba dimulakan mereka dengan Gotong sudah tidak lagi dicuba. Di kedai, di halaman rumah – mereka bergosip mengenai perangai Gotong sambil menggelengkan kepala.

"Dia itu terlalu sombong! Ilmu ada tapi adabnya nihil! Bukannya seperti padi yang semakin berisi semakin merunduk, ini malah tong tidak kosong tapi tetap nyaring! Kerjanya mengeluh terus tanpa menghulurkan bantuan!" ucap Cik Ayla kepada jirannya sambil menjemur pakaian di halaman. Jirannya mengangguk perlahan, bibirnya diam namun matanya memancarkan ribuan makna. Hanya Pak Doni yang masih bersabar setiap kali berpapasan dengan Gotong. Dia selalu tersenyum apabila menyapanya, tanpa mengharapkan sebarang pun balasan. Dia hanya berharap Gotong suatu saat akan sedar, walaupun lambat, bahawa hidup yang bermakna bukan dibina dengan kepandaian semata-mata, tetapi dengan kerendahan hati untuk belajar serta keberanian untuk berubah.

Pada suatu hari, Gotong mendapat sebuah kesedaran – tetapi bukan kesedaran untuk berubah. Bukan pula rasa ingin membantu. Sebaliknya, lebih kepada kebosanan yang menjelma menjadi kegelisahan. Selama seminggu lebih, dia hanya membeku di dalam rumah tumpangannya, membuat lakaran-lakaran di atas kertas tanpa arah yang jelas.

Program KKN ini memerlukan laporan akhir dan laporan itu memerlukan sesuatu yang boleh dibanggakan, sesuatu yang boleh dia bawa pulang sebagai bukti bahawa dia telah melakukan kerja yang bermakna di sini. Matanya jatuh ke arah jendela. Di luar, deretan rumah kayu Desa Royong berdiri seperti biasa - sederhana, tua, dan pada pendapat Gotong, tidak mencukupi. Aha! Sebuah idea mula tercetus.

Gotong memanggil warga desa untuk berkumpul di balai. Ia tampak ghairah dan itu sendiri sudah mengejutkan. Selama ini, Gotong orang yang paling jarang muncul dalam kalangan warga - apatah lagi yang mengambil inisiatif untuk memanggil mereka berkumpul. Maka apabila berita itu tersebar, warga desa Royong berdatangan dengan perasaan hairan dan ingin tahu. Ada yang berbisik sesama sendiri di tangga balai. Gotong tiba dengan tumpukan kertas di tangan dan sebuah papan tulis kecil yang dipinjamnya. Untuk pertama kalinya sejak menjejakkan kaki di desa Royong, dia kelihatan seperti seseorang yang benar-benar ingin berada di sana. Warga yang memperhatikannya saling berpandangan. Semangat itu nampak asing di wajah Gotong.

Dengan penuh keyakinan, Gotong membentangkan pelan yang sudah dilakarnya. Lembaran kertas yang dipenuhi garis, nombor, ukuran dan istilah-istilah teknikal terasa seperti bahasa asing bagi sebahagian besar warga yang hadir.

"Saya telah menganalisa kelemahan rumah-rumah di desa ini," katanya sambil menunjuk ke arah gambar yang ditempel di papan. Suaranya bersahaja seperti seorang profesor yang membuat pembentangan di hadapan pelajar-pelajarnya.

"Rumah-rumah tradisional ini memang saya akui cukup kukuh, namun saya percaya boleh dibina jauh lebih baik lagi. Oleh itu, saya telah membina sebuah prototaip rumah moden untuk kalian semua.

Inilah penyelesaian terbaik berdasarkan ilmu kejuruteraan terkini dan saya yakin ini akan mengubah cara hidup desa ini buat selama-lamanya demi kebaikan bersama."

Dia menunjuk ke arah papan, laksana seorang pelukis yang baru sahaja mempamerkan magnum opusnya.

Pak Doni yang duduk di barisan depan mengangkat tangan.

"Nak Gotong, terima kasih atas pelan kamu tapi desa ini terletak di kawasan yang sering dilanda angin kencang dan cuaca yang kurang stabil. Rumah-rumah nenek moyang kami dibina dengan cara tertentu - menggunakan kayu pilihan alami dan teknik pembangunan yang boleh lentur mengikut hembusan angin. Bahan-bahan konkrit yang kamu cadangkan mungkin tidak sesuai di sini."

Gotong mengangguk perlahan mendengar maklum balas daripada Pak Doni, namun dalam hatinya dia tidak bersetuju. "Pak Doni, bukannya mau mengolok tetapi itu pemikiran lama. Teknologi moden sudah terbukti lebih kuat dan lebih tahan. Warga di sini tidak tahu tentang teknik pembinaan moden."

Seorang warga tua yang duduk sebelah Pak Doni turut bersuara. "Mungkin kami tidak tahu teknik moden kamu. Tapi kami tahu tanah ini, kami tahu anginnya, kami tahu musimnya, dan kami tahu perkara yang penting dalam pembinaan sebuah rumah di kawasan ini. Buktinya desa kami telah berdiri selama ratusan tahun, Nak."

Namun Gotong yang keras kepala sudah tidak mendengar perkataan orang lain. Atau lebih tepat lagi - dia mendengar tetapi memilih untuk tidak mempedulikan. Baginya, kata-kata itu hanyalah suara orang-orang yang tidak pernah mendalami pendidikan bermutu, yang tidak pernah mempelajari trigonometri, mekanika struktural mahupun analisis beban. Apakah yang mereka tahu tentang ilmu pembinaan moden?

"Hahh, ya sudahlah Pak." Gotong melipat lengannya, suaranya bernada campur sabar dan meremehkan. "Saya faham kebimbangan yang disampaikan. Tapi, dengan segala hormat, ini bukan zaman nenek moyang lagi. Akan saya buktikan bahawa reka bentuk saya ini lebih baik daripada apa-apa pun yang pernah dibina di sini. Biar saya yang tunjukkan bahawa kalian semua salah!"

Pak Doni menarik nafas perlahan, namun tidak berkata apa-apa lagi. Tembok keangkuhan Gotong hanya boleh diruntuhkan dari dalam. Ia menghela nafas dan kemudian memandang Gotong dengan tenang sebelum akhirnya memberikan amaran terakhir.

"Baiklah, Nak. Kalau itu keputusan kamu, Bapak izinkan. Bapak tidak akan menghalang. Tapi bapak ingin kamu tahu – ini nasihat terakhir yang Bapak mampu berikan. Sekiranya rumah yang kamu bina itu tidak bertahan, Bapak akan menyampaikan laporan yang jujur kepada pihak UTB mengenai gelagatmu yang tidak memuaskan. Bukan kerana bapak ingin menjatuhkan kamu tapi kerana itu ialah amanah yang Bapak pegang." Pak Doni berhenti seketika, membiarkan kata-katanya terserap. "Bapak harap kamu faham."

Gotong mengangguk dan dia pun meneruskan rancangannya.

Dengan bahan-bahan yang disediakan pihak desa dan bantuan beberapa warga yang menyokongnya, Gotong memulakan pembinaan sebuah rumah prototaip di tanah lapang desa Royong. Tapak dipilih, tanah diratakan dan dalam masa beberapa hari, kerangka sebuah bangunan konkrit mula terbentuk – dinding yang tebal, bumbung yang rata dan pelbagai fitur lain, persis seperti yang tertera dalam petanya.

Selama satu bulan, Gotong bekerja keras. Meskipun sikapnya masih angkuh, setidaknya badan dan batinnya tidak mengenal erti malas. Apabila dia sudah bertekad, dia tidak akan berhenti. Dia datang awal, pulang lewat dan matanya tidak pernah lelah mengagumi perkembangan karyanya. Warga-warga yang turut membantu melakukan semua itu tanpa sebarang upah. Mereka membina bangunannya di bawah panas matahari terik – semuanya dengan tangan sendiri. Daripada Gotong, yang diterima oleh mereka hanyalah arahan demi arahan yang dilemparkan tanpa satupun terima kasih, seolah-olah tenaga dan masa mereka ialah sesuatu yang boleh diambil begitu sahaja. Mereka hanya menelan semuanya dalam diam.

Tak terasa hari terakhir pembangunan pun tiba. Gotong berdiri tegak di hadapan dengan dada yang membusung dan dagu yang sedikit terangkat. Tangannya bertumpu di pinggang. Matanya menjelajah dari atas ke bawah. Rumah karya Gotong akhirnya berdiri di atas tanah desa Royong, menunjukkan kemegahannya di bawah mentari petang yang keemasan.

Bagi Gotong, ini ialah bukti – bukti bahawa ilmunya tidak salah. Bukti bahawa dialah yang paling benar.

"Inilah masa depan desa Royong," katanya perlahan, matanya masih tidak beralih dari bangunan di hadapannya. Kemudian, dia berpaling ke arah Pak Doni yang berdiri di belakangnya. "Betul tak, Pak Doni? Saya dah buktikan."

Pak Doni memandang bangunan itu seketika, kemudian memandang Gotong. Senyumannya ada, namun matanya menyimpan sesuatu yang tidak diucapkan. Dia hanya mengangguk.

Namun alam, seperti biasa, mempunyai rencananya sendiri.

Dua hari kemudian, sebuah badai datang tanpa memberikan amaran. Langit yang tadinya cerah menjadi mendung dalam sekejap. Angin yang sepoi bertukar menjadi auman yang menggelagar, menghempas pokok-pokok dengan garang dan mengangkat puing-puing ke udara. Hujan deras mula turun seolah-olah langit tidak mampu lagi menahan bebannya.

Warga desa Royong bergegas pulang ke rumah masing-masing. Pintu-pintu ditutup rapat. Di sebalik dinding-dinding kayu yang sudah sekian lamanya berdiri di tanah desa Royong, mereka menunggu dengan tenang, laksana orang yang sudah berpengalaman.

Gotong berdiri di ambang pintu rumah tumpangannya. Matanya hanya tertuju pada satu arah - prototaip rumahnya. Dalam kegelapan ribut itu, bayangan bangunan itu kelihatan besar dan kukuh. Jantungnya berdegup laju, namun dia cuba meyakinkan dirinya sendiri.

"Ia akan bertahan. Ia mesti bertahan. Aku, Gotong, yang telah membinanya."

Kemudian, dengan satu deruan angin yang amat garang, sesuatu yang tidak diharapkan Gotonq berlaku.

Bumbung rata rumah karyanya terangkat. Dalam sekejap mata, ia terkoyak sepenuhnya dari rangkanya dan melayang jauh menuju kegelapan. Dinding-dindingnya pula mula menunjukkan tanda-tanda retak - garisan halus yang merebak seperti jaring labah-labah, semakin lama semakin melebar, semakin mendalam, sebelum akhirnya runtuh satu persatu dengan bunyi yang memekakkan telinga, tidak mampu menahan tekanan angin yang membombandirnya dari segala penjuru.

Gotong tidak bergerak, tidak bersuara. Mulutnya ternganga. Matanya terbelalak, tidak percaya dengan kejadian yang baru sahaja disaksikannya.

Dalam tempoh beberapa minit, sebulan kerja kerasnya musnah di hadapan matanya sendiri. Di sebelah kirinya, rumah-rumah kayu tradisional warga desa Royong berdiri teguh seolah-olah badai yang berlaku hanyalah hal yang sepele. Struktur bangunan-bangunan tersebut lentur namun tidak roboh. Dinding-dinding kayu yang kelihatan longgar dan lapuk itu ternyata menyimpan sebuah keunikan yang tak pernah Gotong cuba untuk fahami - dia memberikan ruang kepada angin untuk berlalu, tidak menentangnya, tidak cuba mengalahkannya. Alhasil, ia masih berdiri dengan kokoh.

Hujan terus menerjang dan kini Gotong berdiri tepat di rumah tumpangannya, basah kuyup, memandang kepada serpihan-serpihan yang bertaburan. Sanubarinya dipenuhi perasaan yang asing: kekecewaan. Namun, di sebalik kekecewaan yang melanda, mula tertanam bibit harapan dan kekhilafan pada jiwa Gotong.

Keesokan harinya, ketika keributan telah reda dan matahari kembali mempamerkan cahayanya, Gotong mengunjungi bekas kawasan karyanya dahulu berdiri. Di sekelilingnya, rumah-rumah kayu warga berdiri seperti biasa, teguh dan tenang, seolah-olah ribut semalam hanyalah mimpi yang sepele. Hanya karya tangannya sahaja yang tidak mampu bertahan. Perasaan malu, penyesalan dan kesedaran pahit menyerbu dadanya sekaligus. Bahawa keangkuhannya telah menjadi sebuah tumit achilles, bahawa dia telah menolak kebijaksanaan orang lain. Kini, alam telah membalas perangainya dengan caranya yang tersendiri.

Selepas diam termenung, Gotong akhirnya bangkit. Langkahnya berat menuju ke rumah Pak Doni. Pak Doni sedang duduk di teras rumahnya, dengan sebuah cangkir kopi di tangan.

"Pak Doni." Gotong berdiri di hadapan kepala desa, tangannya saling menggenggam. "Saya ... saya datang ingin minta maaf."

Pak Doni memandangnya sejenak, kemudian meletakkan cangkirnya perlahan.

"Sini duduk dulu, Nak."

Mereka akhirnya duduk berdua dalam kesunyian selama beberapa saat, hanya ditemani bunyi pekokan ayam dan hembusan angin pagi.

"Bapak terima pemohonan maafmu, tetapi bapak tetap ada tanggungjawab, Nak." Pak Doni memulakan perbincangan dengan suara berat. "Bapak sudah berikan kamu amaran. Kamu sudah buat keputusan kamu sendiri. Dan hasilnya..."

Gotong tidak meneruskan perkataannya. "Bapak hanya dapat menghantar laporan yang jujur kepada pihak UTB. Itu amanah yang perlu Bapak pegang dengan teguh."

Gotong menunduk, memandang cerminannya sendiri yang wujud daripada lopak air. Dia tahu laporan itu bermakna rekod sempurnanya di UTB akan terjejas. Dia tahu itu akibat yang adil. Namun, untuk pertama kalinya dalam hidupnya, Gotong merasakan sesuatu yang lebih berat daripada sekadar takut akan kesan kepada dirinya sendiri. Dia merasakan beratnya telah mengecewakan kepercayaan orang lain.

"Pak," Gotong berkata perlahan, suaranya hampir tidak kedengaran. "Saya tahu saya tidak berhak untuk minta satupun hal, apatah lagi sebuah kesempatan baru. Saya tahu saya sudah buat banyak kesilapan – bukan sahaja dengan rumah itu, tapi dengan cara saya melayani Bapak, warga desa, semua orang di sini sejak hari pertama saya datang." Dia mengangkat mukanya, memandang Pak Doni dengan mata yang tidak lagi menyimpan keangkuhan. "Walau begitu saya ingin memohon satu peluang lagi. Bukan untuk program KKN ini sahaja. Bukan untuk kecemerlangan GPA. Tapi untuk membuktikan bahawa saya boleh berubah. Bahawa saya boleh berbuat lebih baik bagi desa Royong"

Pak Doni memandangnya, tidak bersuara.

"Saya nak belajar dengan sungguh-sungguh," sambung Gotong. "Bukan sahaja tentang cara membina rumah yang betul, tetapi juga tentang cara warga desa menjalani kehidupan mereka. Tentang budaya desa Royong. Tentang cara menghormati orang lain. Terutamanya, cara menghormati diri saya sendiri."

Gotong berhenti sejenak. "Saya ... saya nak jadi manusia yang lebih baik, Pak dan saya perlukan bantuan Bapak untuk mewujudkan tekad tersebut."

Pak Doni tidak menjawab rayuan Gotong secara langsung. Ia memandang pemuda tersebut selama beberapa saat.

Kemudian, perlahan-lahan, sebuah senyuman kembali ke wajah tuanya.

"Bapak akan tangguhkan laporan kamu untuk sementara. Bapak akan memberimu masa untuk buktikan kata-kata kamu tadi. Namun, ingatlah bahawa bukan kepada bapak kamu perlu buktikan tapi kepada diri kamu sendiri, dan kepada warga yang selama ini kamu pandang sebelah mata."

Gotong mengangguk – kali ini dengan anggukan tulus yang datang daripada lubuk hati.

Tok Rasyid, seorang tukang kayu ahli desa yang kebetulan sedang berlalu di hadapan rumah Pak Doni, terhenti langkahnya apabila melihat Gotong duduk di beranda dengan raut muka yang berbeza dari biasa. Dia melangkah naik dan duduk di samping pemuda itu.

"Tok Rasyid tidak ingin berkata apa-apa?" tanya Gotong perlahan.

"Apakah yang perlu saya katakan?" balas Tok Rasyid lembut. "Sepertinya kamu sudah sedar dengan sendirinya."

"Saya ingin minta maaf sedalam-dalamnya, Tok, " kata Gotong, suaranya serak. "Saya terlalu yakin dengan diri sendiri. Saya fikir ilmu saya sudah cukup. Tapi saya lupa, bagaikan katak dalam tempurung. Ilmu sahaja tidak cukup kalau tidak ada kerendahan hati untuk mendengar."

Tok Rasyid menepuk bahu Gotong dengan rasa bangga. "Yang penting kamu bersedia untuk berubah nak. Sekarang pertanyaannya, apa yang kamu nak buat seterusnya?"

Gotong mengangkat kepalanya, kemudian memandang rumah-rumah tradisional yang masih berdiri megah di sekeliling. Dalam mindanya, sesuatu mula menyala – kali ini bukan kesombongan. Tekad ini ialah semangat yang membara untuk bermuhasabah, untuk belajar dan untuk memperbaiki diri sendiri.

"Saya nak mula semula lagi," ujarnya. "Tapi kali ini dengan cara yang betul. Bolehkah Tok Rasyid dan Pak Doni ajar saya tentang cara pembinaan tradisional desa ini?"

Tok Rasyid tersenyum lebar, begitu juga dengan Pak Doni. "Itu baru budak yang bijak."

Sejak hari itu, Gotong berubah menjadi sosok yang berbeza.

Dia bangun awal setiap pagi bukan kerana ingin membuktikan sesuatu, tetapi kerana ada sesuatu yang benar-benar ingin dipelajarinya. Dia bergabung bersama warga di bangsal kayu, duduk bersila di sebelah tukang-tukang tua yang tangannya lebih berpengalaman daripada mana-mana buku teks, dan mendengar dengan penuh perhatian setiap patah perkataan yang dikongsikan. Dia belajar tentang sifat-sifat material yang dipakai untuk membangunkan rumah desa.

Sembari mempelajari semua hal tersebut, Gotong tidak lupa untuk mengongsikan pengetahuan moden yang dimilikinya. Yang paling penting, dia tidak lupa untuk berterima kasih.

Pembelajaran pun tidak berhenti di situ.

Warga desa Royong terkenal dengan budayanya untuk berbudidaya. Mereka memiliki kebun dan sawah yang terbentang luas. Deretan pokok buah-buahan tersusun rapi, petak-petak sayuran disiram dengan sistem pengairan tradisional nan cekap. Di sekitar kebun, air mengalir bersih dari sumber di atas bukit. Semuanya dibina bukan dengan mesin, bukan dengan teknologi canggih, tetapi dengan pemahaman mendalam tentang alam dan cara bekerjasama dengannya.

"Nak Gotong, mari ke sini!" jerit Pak Doni dari tengah kebun. Tanpa banyak berfikir, Gotong melangkah masuk ke dalam kebun tersebut.

Warga desa, yang pada mulanya masih bersikap was-was terhadap Gotong, perlahan-lahan membuka hati mereka sepenuhnya. Mereka melihat bahawa Gotong yang sombong itu sudah tiada. Yang ada kini ialah seorang pemuda yang sanggup berpeluh di bawah terik matahari, yang bertanya lebih banyak daripada bercakap, yang tidak lagi memandang rendah cara hidup mereka. Budak-budak yang dulu menghindarinya kini berlari menyapanya setiap pagi. Cik Ayla yang dulu bergosip tentang kesombongan Gotong, kini bahkan selalu menyisihkan sebahagian masakannya untuk diberikan kepada Gotong.

Berminggu-minggu kemudian, sebuah prototaip rumah baharu siap dibina – reka bentuk yang berpadu tradisi dan kemodenan. Dengan kerjasama antara warga desa Royong dan Gotong, mereka telah berhasil membangunkan sebuah rumah yang jauh lebih kukuh dan bermutu.

"Rumah tersebut dibina secara kolektif – Gotong bergerak bukan sebagai ketua yang memerintah tetapi sebagai rakan yang juga belajar dan bekerja.

Pada hari terakhir program KKN, seluruh desa Royong berkumpul di hadapan rumah baharu. Pak Doni berdiri di hadapan orang ramai dengan senyuman yang terang.

"Kita hari ini tidak berdiri di sini kerana seorang pemuda yang pandai datang mengajar kita." Terdengar suaranya lantang. "Kita berdiri di sini kerana seorang pemuda yang bersedia untuk menerima dan kita pula bersedia untuk memberi. Ini bukan hasil kerja seorang sahaja. Ini ialah hasil usaha kita bersama."

Tepukan gemuruh memenuhi udara pagi. Gotong berdiri di tengah warga desa Royong yang kini sudah menjadi sahabat. Wajahnya merah, matanya berkaca-kaca. Pak Doni memberikan pelukan dan Gotong menyambutnya dengan tulus.

Selepas Gotong mengemas barang, Pak Doni berdiri di depan pintu kamarnya.

"Ingat bekalan yang kamu bawa pulang pada hari ini, Nak." Pak Doni berkata, suaranya penuh dengan kebanggaan. "Bukan hanya ilmu pembinaan ataupun ilmu budidaya, tapi juga pengalaman bahawa manusia yang benar-benar kuat bukanlah yang berdiri sendiri. Mereka yang mampu berdiri bersama orang lain, bahu-membahu dengan hati yang jujur yang paling kuat."

Gotong mengangguk, bertekad untuk tidak pernah melupakan saran mutiara tersebut.

Ketika basnya perlahan meninggalkan desa Royong, Gotong memandang ke arah belakang. Warga desa masih melambai-lambai, berdiri bersama di pintu masuk. Dia jadi teringat pepatah yang selalu dilaungkan oleh budak-budak desa pada waktu petang, suara-suara kecil mereka bergema di bawah langit: Bersatu teguh, bercerai roboh.

Pada suatu hari, di bawah langit cerah yang berwarna biru, seorang pemuda telah menemukan erti sebenarnya semangat Gotong-Royong.

Gotong-Royong
Aktiviti Bacaan

Teliti unsur gaya bahasa dalam cerpen. Bagi setiap gaya bahasa di bawah, petik satu contoh yang sesuai daripada cerpen dan jelaskan kesan penggunaannya terhadap pembaca.

Gaya Bahasa	Contoh dalam Cerpen	Kesan kepada Pembaca
Metafora Perbandingan secara langsung tanpa menggunakan kata pembanding.		
Hiperbola Penggunaan bahasa yang sengaja dilebih-lebihkan untuk memberikan kesan tertentu.		
Simile Perbandingan yang menggunakan kata seperti *bagai*, *seperti*, *laksana atau umpama*.		
Perlambangan Penggunaan sesuatu objek, keadaan atau unsur tertentu untuk membawa makna yang lebih mendalam.		
Personifikasi Pemberian sifat atau perlakuan manusia kepada benda atau sesuatu yang bukan manusia.		

SENYUMAN TERAKHIRNYA

Luqman 'Aqil Bin Abdul Hamid
Maktab Rendah Anderson Serangoon

5 CERPEN TERBAIK

Angin bergerak perlahan-lahan di celah-celah papan rumahku. Mega putih bergerak perlahan-lahan seperti memikul rahsia langit yang belum terungkap. Sekonyong-konyong, terdengar suara lunak Roslan sedang berbual dengan beberapa penduduk kampung di luar rumahku. Dia merupakan ketua kampung kami suatu ketika dahulu. Suamiku, Rahman, telah menggantikan tempat kepemimpinannya setelah memenangi acara undian ketua kampung beberapa tahun yang lalu. Majoriti penduduk lebih menggemari perwatakan Rahman yang lebih sesuai untuk menjadi seorang ketua kampung yang berwibawa.

"Aku tidak mahu membuka aib sesiapa, tetapi aku sendiri melihat Rahman dengan Siti. Aku ada bukti!" jerit Roslan dengan nada yang yakin.

Aku terdiam, seperti ada sesuatu yang tajam menusuk jauh ke dalam hatiku. Betulkah suamiku telah curang? Aku tidak terus percaya, namun aku juga tidak lagi mampu menolak sepenuhnya. Syak wasangka menyelubungi diriku. Terdengar bisikan-bisikan mengumpat dalam kalangan para penduduk berdekatan.

Tiba-tiba, Roslan mendekati diriku, seolah-olah ingin membisikkan suatu rahsia. "Baiklah, kalau engkau tidak percaya dengan aku, lihatlah sendiri video ini," katanya dengan yakin.

Alangkah terperanjatnya aku setelah melihat video itu. Aku terpaku, mataku tidak mempercayai apa yang aku lihat. Rakaman menunjukkan Rahman sedang berlaku intim bersama Siti, adik kepada Roslan. Hatiku membara bagai bara api yang semakin marak. Nafasku turun naik, bagaikan ribut yang mengganas di tengah lautan. Perasaan amarah dan kebencian terhadap Rahman menghimpit dada.

Video itu akhirnya tersebar luas dalam kalangan penduduk kampung. Ramai yang mula memperkatakan kejadian tersebut.

Sang suria mula tergelincir di ufuk barat diiringi dengan mega merah.

Rahman pulang seperti biasa. Keringat mengalir deras di tubuhnya. Dia memandang aku dengan wajah yang tenang, seolah-olah tidak ada apa-apa yang berlaku. Aku menghampirinya dengan pandangan yang tajam menikam sambil menghulurkan telefon bimbitku yang mengandungi rakaman tersebut. Rahman tercegat menonton video tersebut.

"Apa ni bang? Apa yang Abang dah buat dengan Siti?" soalku dengan berang.

"Astaghfirullah, sayang... Siapa yang rakam ni? Sumpah, Abang tak pernah buat perkara ini. Ini semua fitnah sayang. Abang hanya membantu Siti tadi kerana dia jatuh. Abang tidak buat apa-apa pun terhadap dia. Rakaman ini palsu. Percayakanlah Abang...," katanya dengan nada yang cemas, bibirnya bergetar, namun aku tidak lagi mahu mendengar penjelasannya.

Penjelasannya yang begitu ringkas tidak mampu menenangkan hatiku yang sedang berkecamuk ini, hanya keraguan sahaja yang memuncak.

"Tak ada guna lagi untuk berbohong! Saya kecewa dengan Abang!" jeritku dengan kemarahan yang meledak-ledak.

"Sayang, ini semua palsu! Tolong dengar cakap Abang!" rayu Rahman Namun kata-katanya hanya memasuk telinga kananku, keluar telinga kiriku.

Keheningan malam itu digantikan dengan kehangatan emosiku.

“Baiklah, Abang akan pergi ke pantai sebentar untuk tenangkan diri... Abang tahu sayang sedang marah ni... tapi jangan lama-lama tau... Tak apa, Abang dah maafkan sayang...” katanya dengan lembut.

Kedengaran langkah-langkah Rahman keluar dari rumah tersebut.

Aku pun menuju ke kamar tidurku dan melabuhkan punggungku di atas katilku yang empuk. Keberanganku yang mengawal diriku tadi, mula pudar. Rasa pilu mula menghambat perasaanku. Terasa sunyi pula tanpa dia.

Tiba-tiba, angin malam berhembus kencang, menyisir dedaun kelapa yang bergoyang. Titik-titik hujan mula turun bertemali dari cakerawala. Laut mula mengganas dengan ombak yang kuat. Sejenak kemudian, keheningan kampung pecah dengan suara hujan yang turun deras. Kilat sabung menyabung di langit, memecah langit gelap itu dengan cahaya putih yang tajam. Hembusan angin semakin kencang.

Badai kebimbangan mula merempuh-rempuh hatiku. Adakah suamiku selamat? Dimanakah dia pergi? Bilakah akan dia pulang? Soalan-soalan ini yang bermain di fikiranku mula mengganggu jiwaku. Keringat kegelisahan mula mengalir di dahiku.

Sang suria memancarkan sinarnya. Setelah mendirikan solat subuh, aku terus menuju ke rumah Siti, adik kepada Roslan, untuk mencari kebenaran. Rasa bimbang bercampur marah menyelubungi diriku.

“Siti! Apa yang engkau telah lakukan dengan suami aku?” aku berkata dengan tegas.

Siti kelihatan pucat, wajahnya yang lesu menunjukkan tanda-tanda kepiluan yang mendalam.

"Maryam, suami awak tidak bersalah... Semua ini ialah rancangan Roslan. Dia dengki terhadap Rahman.

Semua itu ialah fitnah, Maryam. Video itu telah disunting oleh Roslan menggunakan AI. Dialah yang memaksa saya untuk berlakon terjatuh dalam video itu supaya Rahman dapat membantu saya. Dia dera aku Maryam... Dia mahu menghancurkan maruah Rahman supaya dia dapat kembali berkuasa. Semua ini permainannya sahaja... Maafkan aku Maryam, aku menyesal...” jelas Siti, matanya penuh penyesalan. Butiran mutiara mula mengalir di pipinya. Dia mula merayu kemaafan daripada aku dengan suara gementar sambil melutut di depan aku.

Sekarang, barulah aku faham mengapa Siti sering kali kelihatan murung. Dia sebenarnya telah didera dengan kejam oleh abangnya, Roslan, yang telah memperlakukan dirinya untuk memburukkan nama Rahman. Badannya penuh dengan bekas luka dan calar yang jelas terlihat, bukti penderitaan yang kejam.

Rasa kesal melanda diriku. Rupa-rupanya, aku telah menuduh suamiku tanpa mengetahui kebenarannya. Aku menundukkan kepala, rasa cemas dan kesal menyelubungi diri. Aku pun memeluk Siti dan menenangkan dirinya.

Setelah mengetahui kebenaran, aku segera melaporkan kes fitnah dan penderaan Roslan kepada pihak polis. Aku menunjukkan video palsu yang disunting Roslan dan menceritakan segala yang berlaku, termasuk penderaannya terhadap Siti. Laporan dibuat dengan penuh tekad dan pihak polis bertindak segera.

Roslan akhirnya diberkas. Ketika dihadapkan di hadapan penduduk kampung, dia hanya mampu menundukkan kepala, menyesal dengan segala perbuatannya. Wajahnya yang biasanya penuh dengan keangkuhan kini pudar. Hilang segala rasa hormatku terhadap dirinya. Puas hatiku.

Hatiku masih terasa kosong. Aku melaporkan kehilangan Rahman kepada pihak bomba yang berdekatan dengan kampung kami.

Para penduduk juga bergotong-royong berikhtiar untuk mencari Rahman bagai aur dengan tebing. Jiwaku terasa seperti laut yang sedang berkocak hebat sebelum tibanya taufan. Kehilangan Rahman telah menarik ketenteraman dan kebahagiaan diriku. Kegelisahan dan kerinduanku terhadapnya sentiasa mengganggu jiwaku. Saat demi saat, aku hanya berdoa dan berharap bahawa suami kesayanganku akan diselamatkan. Teringin sangat untuk aku memohon maaf daripadanya. Betapa kesalnya aku...

Mujurlah pada keesokan hari, pihak bomba berjaya menemui Rahman dan membawanya menggunakan usungan di persisiran pantai. Dia dalam keadaan tidak sedar. Pihak bomba telah melaksanakan pemeriksaan kadar nadi jantungnya. Setelah beberapa minit, mereka menghampiri aku dengan berita yang serba duka cita.

"Kami minta maaf Puan... Harap dapat bersabar..."

Aku berdiri kaku di sisi mayatnya yang kaku. Wajah suamiku pucat namun bibirnya seakan mengukir senyuman yang manis. Senyuman terakhirnya.

Duniaku seolah-olah terhenti. Aku melutut di pasir yang basah, menyentuh jemari Rahman yang sudah sejuk membeku. Terngiang-ngiang kembali suara lembutnya di malam itu; "Abang dah maafkan sayang..." Itulah kata-kata terakhirnya kepada aku.

"Abang... bangunlah...Kenapa Abang tak bangun... Abang tak rindukan saya ke?Saya dah tahu hal sebenar...Minta maaf, Bang..." bisikku dengan suara yang tersekat-sekat dan tersedu-sedu.

Air mata yang aku tahan sejak tadi akhirnya tumpah membasahi pipiku. Teringin sangat aku meminta maaf, memeluknya dan memberitahunya bahawa dia ialah lelaki paling mulia dan suami mithali yang terbaik bagi aku.

Namun, nasi sudah menjadi bubur. Tidak sempat untuk aku memohon maaf daripada suami tercintaku. Setiap butiran pasir yang melekat di tubuhnya menjadi saksi betapa kerdilnya imanku saat diuji dengan fitnah manusia. Aku mula menyedari betapa jahilnya aku kerana hanya mengikut nafsuku dan bertindak tanpa berfikir dengan rasional. Aku terlalu mengikut perasaanku sehingga mengabaikan kepercayaanku terhadapnya. Insan yang sentiasa menjadi pendamping dan penyokong setiaku tatkala masa susah dan senang hilang dengan begitu sahaja. Balasan yang aku hadapi ini terasa seperti seolah-olah aku terperangkap dalam penyesalan yang abadi. Aku tidak akan mampu untuk memaafkan kesalahanku sendiri. Andai masa boleh berputar, andai aku lebih bersabar dan memahami, andai aku dapat mengawal emosiku dengan lebih baik, tentulah malapetaka ini tidak akan berlaku.

Laut terus bergelora.

Masa terus berlalu.

Tetapi aku masih meratap cinta yang aku hancurkan sendiri.

Hidupku yang dahulunya ceria bertukar menjadi malam gelap yang tidak berbintang.

Senyuman Terakhirnya

Aktiviti Bacaan

Baca cerpen ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikut.

1. Sebelum kamu membaca cerpen ini, apakah yang kamu fikir akan berlaku dalam cerita ini? Mengapa?

2. Siapakah sebenarnya yang memberikan "senyuman terakhir"? Mengapakah kamu berpendapat demikian?

3. Adakah kamu setuju dengan pengakhiran cerita ini? Mengapakah kamu berpendapat sedemikian?

DONGENG UNTUK MIA

Raphael Damien Sinarta
Institusi Raffles (Maktab Rendah)

[Dongeng Mia]

Pada malam itu, angin bernyanyi dengan suara yang sangat kuat!

Ia menderu di luar rumah panggung kami, meniup atap dan membuat dahan pokok kelapa patah dengan bunyi "kraaaakk" yang panjang. Aku suka bunyi itu. Ia macam kapal besar yang sedang bergaduh dengan laut, tapi tak pernah kalah.

Ibu duduk di tepi katilku. Lampu minyak kuning kecil menyinari mukanya yang lembut. Ibu berbau sabun kelapa. Setiap malam Ibu cerita tentang Ayah, dan setiap malam aku menunggu cerita itu seperti mennggu hujan selepas kemarau panjang.

"Pada suatu masa dahulu," kata Ibu dengan suara yang lembut seperti daun bergoyang, "ada seorang kapten hebat bernama Kapten Farid. Dia berlayar jauh ke lautan yang biru gelap dan dalam, mencari harta karun untuk isterinya yang cantik dan anak perempuannya yang comel."

Aku ketawa kecil. "Itu saya kan, Ibu?"

"Iya sayang. Itu kamu."

Ibu tersenyum. Matanya berkaca, tapi aku berasa itu kerana Ibu gembira. Dia bercerita tentang angin menderu yang jadi lagu untuk Ayah. Lagu ini menceritakan banyak perkara:tentang dahan yang patah tapi kapal Ayah tetap terus berlayar, tentang murai yang terkejut berkicau-kicauan kerana kegembiraan melihat kapal Ayah muncul di ufuk, dan tentang langit mendung yang menangis kerana rindukan kapten pulang.

"Angin malam ini kuat sangat," kata Ibu tiba-tiba. Di luar, sebatang dahan besar patah dan jatuh menghentam batu di tepi pantai. Bunyi itu kuat. Aku berasa katilku bergetar sikit.

"Kenapa Ibu berhenti?" tanyaku.

Ibu pegang tanganku erat. Tangan Ibu sejuk. "Angin sedang bercerita dengan kapten kita, sayang. Ia sedang menyanyi supaya Ayah tak kesepian di laut yang luas. Mari, kita juga bernyanyi."

Aku angguk. Aku bayangkan Ayah berdiri teguh di haluan kapal, angin meniup rambutnya, mata dia memandang ke arah rumah kami.

"Bila Ayah balik? Dia dah jumpa harta karun ke?"

Ibu diam sekejap. Dia pandang ke tingkap yang bergetar. Hujan yang turun bunyinya seperti ribuan kaki kecil berlari di atas bumbung.

"Dia sedang dalam perjalanan balik," kata Ibu perlahan. Suaranya macam daun yang hampir gugur. "Lautan itu luas sangat. Kadang-kadang, kapal kena berhenti sekejap. Kadang-kadang angin bawa Ayah ke tempat yang tak ada isyarat. Kadang-kadang, bajak laut akan menaiki kapal untuk menyerang kapten. Tapi Ayah tak akan kalah. Ayak tak akan lupa kita. Tak pernah."

Aku rasa hatiku penuh cahaya. Ayah kuat sangat! Aku peluk bantal berbentuk perahu kecil yang dibuat Ibu..

"Esok cerita pasal Ayah jumpa ikan emas, ya?"

"Iya, sayang. Esok lagi."

Ibu mencium dahimu, Bibirnya sejuk. Aku menguap. Mataku dah berat. Sebelum tertidur, aku dengar Ibu bisik perlahan, hampir hilang dalam alunan nyanyian malam hari:

"Sayang.. disayang.."

Aku tak faham sangat. Tapi bunyinya cantik. Macam lagu yang tak pernah habis. Macam Ayah yang sedang berlayar pulang. Ayah sayang kami. Ayah disayang kami.

Di luar, angin masih menderu. Tapi aku tak takut. Sebab Ayah sedang mendengar lagu yang sama.

* * *

[Dongeng Aina]

Pada malam itu, angin menderu seperti mahu merobek segala yang masih tersisa di dalam diriku.

Aku duduk di tepi katil Mia, lampu minyak kuning kecil menyinari wajah anakku yang tidur nyenyak. Di luar, angin ribut semakin ganas. Aku dengar dahan pokok kelapa patah dengan bunyi yang kuat, lalu menghentam batu besar di tempi pantai – batu yang dipanggil orang kampung "Batu Kuburan". Setiap kali bunyi itu datang, dadaku terasa seperti dihentam bersama.

Mia sudah siap untuk tidur, tapi sebelum itu dia selalu tersenyum lebar bila aku bercerita tentang kisah dongeng yang sama untuk keseribu kalinya. Dongeng tentang Kapten Farid yang berlayar jauh mencari harta karun. Dongeng tentang angin menderu yang menjadi lagu perjalanan. Dongeng tentang murai yang terkejut berkicau kerana gembira melihat Kapten Farid, dan langit mendung yang menangis kerana rindu kapten pulang.

Aku bercerita dengan suara yang lembut, tapi setiap patah kata terasa seperti duri yang ditelan perlahan-lahan. Lidahku kebas, dadaku sesak. Sudah tujuh tahun Farid pergi ke Singapura "cari kerja yang lebih baik". Esok aku perlu bayar yuran sekolah Mia. Aku tak ada wang. Bukan tak cukup. Tak ada langsung. Aku sudah kira berkali-kali dalam gelap malam, mengira syiling yang sama seolah-olah jumlahnya boleh berubah kalau aku cukup lama berharap dan berdoa.

Aku sudah jual gelang kahwin. Sudah gadai cincin Ibu. Tinggal rumah kayu ini, dan anak yang sedang percaya dunia ini masih baik.

Sudah tujuh tahun saya berbohong kepada Mia. Sudah tujuh tahun aku tak tahu sama ada Farid masih hidup, atau sudah mati di laut, atau sudah memilih untuk tak balik. Sudah tujuh tahun aku masih memasak untuk tiga orang setiap malam, dan aku masih simpan baju Farid yang baunya sudah lama pudar, dan setiap malam aku masih bercerita tetang dongeng ini supaya dunia kecil Mia tidak runtuh.

"Kenapa Ibu berhenti tadi?" tanya Mia, ketika angin menderu dengan kuat.

Aku pegang tangan kecilnya yang hangat. "Angin sedang bercerita dengan Ayah, sayang."

Dia tanya dengan suara polos yang memecahkan hatiku berkeping-keping. "Bila Ayah balik? Dia dah jumpa harta karun ke?"

Aku tak mampu jawab dengan segera. Lidah aku terasa berat seperti batu. Aku pandang ke tingkap yang bergetar. Hujan turun lebat, seolah-olah langit pun tak mampu menahan tangisannya lagi.

"Dia sedang dalam perjalanan balik," kataku akhirnya, suaraku hampir pecah. "Lautan itu luas sangat...kadang-kadang kapal kena berhenti sekejap."

Mia mengangguk, percaya sepenuh hati, matanya berbinar cahaya yang sudah lama meninggalkan sanubariku. Aku peluk dia erat, menyembunyikan aliran air mata yang jatuh ke rambutnya. Tubuh kecilnya hangat.

Selepas Mia tertidur, aku berdiri di pintu rumah panggung. Angin meniup rambutku dengan kasar. Di kejauhan, perahu kecil Farid masih terbiar di pantai, tali lambatnya putus bertahun-tahun yang lalu.

Perahu itu masih tak tenggelam, tapi tak ada haluan. Ia hanya hanyut mengikut ombak.

Seperti aku.

Aku memandang laut yang gelap. Angin masih menderu. Hujan masih turun tanpa belas kasihan. Aku bisik kata-kata yang sama setiap malam, kata-kata yang tak pernah dijawab:

"Sayang... disayang..."

Farid entah di mana. Entah masih mendengar atau sudah tidak mendengar lagi. Walau bagaimanapun, aku masih di sini, terus bercerita tentang dongeng yang sama esok malam, dan malam selepasnya. Kerana itulah satu-satunya cara aku boleh melindungi senyuman Mia.

Dan melindungi serpihan hatiku yang masih, entah kenapa, masih enggan layu.

Dongeng Untuk Mia

Aktiviti Bacaan

Bayangkan Mia mengetahui kebenaran tentang ayahnya sepuluh tahun kemudian. Sebagai Mia yang telah dewasa, tulis warkah ringkas kepada Aina tentang keputusan yang dibuatnya pada malam itu. Nyatakan sama ada kamu memahami atau mempersoalkan keputusan Aina, serta sebabnya.

Ibu,

Yang Ikhlas,
Mia

PAK WAKO DAN PROJEK SAINS KAMI

Muhammad Seto Sulistiyo Nugroho
Maktab Rendah Anderson Serangoon

"Cip cip, kriik, kriik, cip cip!!!" burung-burung bernyanyi. Pada pagi hari Isnin yang cerah, aku hadir di kelas dengan bahagia. Di kelas, aku melihat Rochelle membersihkan papan tulis dan Vivaldi membersihkan meja-meja.
"Mereka sungguh pelajar yang rajin," ucap hatiku.

Sementara itu, Jaswan dan Dill, sibuk bermain dengan kartu pokemon mereka sebelum loceng sekolah berbunyi. Aku mengeluarkan dan menyiapkan tugasan matematik. Tiba-tiba, aku berasa semacam azab yang akan datang. Awan gelap memenuhi suasana kelas manakala lantai bergetar-getar. Akhirnya, ada sosok seorang lelaki masuk ke kelas, dan aku melihat tampang wajah Pak Wako yang seolah-olahnya merupakan seekor babi hutan yang galak.

"Jika kamu semua tidak ingat, kita ada pertandingan projek sains yang tarikh akhirnya pada hari Rabu ini. Oleh sebab saya merupakan guru penyelia pertandingan ini, kelas saya harus merupakan kelas terbaik, terindah, dan terbagus. Jika tidak, pasti memalukan! Mataku di kamu, Sawyer, " Pak Wako berteriak dan menatapku dengan tajam.

Kata-kata Pak Wako itu benar. Seharusnya, aku, sebagai ketua kelas 45, 'bapak presiden' Sawyer, gelaran yang sering digunakan oleh kawan-kawanku, sudah mula mengerjakan projek Sains untuk kelas yang makmur ini. Dengan itulah, aku menahan dahiku dengan kedua jari telunjuk dan berfikir hingga Pak Wako keluar kelas dengan perlahan.

"Eureka!" hatiku teriak. Aku mendapat idea yang sempurna! Kelasku akan menjadi malam yang gelap dan berbintang, seperti lukisan Van Gogh, bertemakan astronomi.

Seluruh kelas akan dijadikan sebuah muzium yang menceritakan sejarah astronomi dan penggunaanya pada zaman moden. Untuk pemeriksa, ini juga boleh melambangkan bahawa kelas 45 ialah kelas yang indah dan bercita-cita setinggi angkasa. Dengan idea itu, aku memanggil 'bendahara' dan 'wakil negara' kelas 45, Vivaldi dan Rochelle, untuk melaksanakan tugas ini. Mereka memberi salam dan mereka mengatakan bahawa mereka akan mengarahkan Dill untuk membeli barang-barang hiasan pada petang hari itu. Ini yang aku jangkakan daripada 'bendahara' dan 'wakil negara'! Tiba-tiba, setelah kami selesai perancangan kami, loceng sekolah berbunyi dan pelajaran seterusnya bermula.

Satu hari berlalu dan aku menunggu dengan sabar untuk sebarang input daripada Rochelle dan Vivaldi. Tanpa diduga, Vivaldi dan Dill datang ke kelas dengan dahi yang berkerut. Melihat ini, aku menjadi bimbang dengan misi kami.

"Sawyer...kita tidak boleh membeli barang-barang yang kita perlukan," ucap Vivaldi. Ternyata, Dill memberitahu Vivaldi bahawa kedai terdekat itu tutup untuk seminggu. Hatiku hancur mendengar khabar itu. Pelbagai soalan muncul di kepalaku. Bagaimanakah kita akan mendapat dana yang cukup untuk menghias kelas? Kedai itu sahaja yang menawarkan harga yang lumayan murah. Bagamainakah kita akan menyelesaikan projek ini? Bagaimanakah jika Pak Wako menampar mukaku?

Tiba-tiba, suara hentakan yang kuat berlaku dipintu depan kelas.

"Ini gara-gara Vivaldi! Dia tidak membuat rencana yang betul!" Rochelle menjerit kepada Vivaldi selepas dia menendang pintu depan kelas.

"Jangan menuduh aku!" teriak Vivaldi balik. Hujah bolak-balik antara mereka diteruskan untuk seketika. Aku dan Dill hanya boleh melihat mereka bergaduh tanpa daya. "Mereka sungguh orang-orang yang galak," otakku berkata.

Dalam keadaan marah, Rochelle mengambil sebuah kerusi dan hampir melemparnya ke arah kepala Vivaldi. Melihat keadaan dari luar kelas, Jaswan masuk ke dalam kelas dan mencuba untuk menghentikannya. Aku memandang Dill dan kelihatan wajahnya ketakutan. Aku tahu aku harus melakukan sesuatu.

Aku, dengan berani, berjalan ke depan kelas dan menanya mereka semua, "Kenapa kita bergaduh? Itu tidak akan menyelesaikan apa-apa. Kita ada misi untuk kemuliaan kelas yang indah ini. Kita harus melanjutkan tugas kita! Untuk kelas, untuk negara!". Rochelle menjatuhkan kerusinya dan Vivaldi terpaku. Semuanya melihat aku dengan mata yang bersinar. Mereka tahu bahawa kami harus bersatu sebagai kelas yang besar untuk meraih apa yang kami inginkan. Tanpa kerjasama, tanpa gotong-royong yang cekap, kelas ini tidak boleh mempunyai keharmonian, apalagi meraih apa-apa yang bermakna. Semua melihat aku dan mengucapkan, "Siap Sawyer!".

Dengan itu, seluruh kelas menggunakan apa yang seadanya, daripada barang barang yang seadanya, untuk menyelesaikan projeknya. Dill mengeluarkan kartu-kartu permainannya yang berkilat untuk membuat perhiasan. Rochelle dan Vivaldi merobek kertas daripada buku-bukunya untuk membuat poster infografik, dan Jaswan menyusun meja dan kerusi kelas. Aku mengawasi seluruh keadaan sambil membantu mereka.

Berjam-jam pada petang Selasa, kami bekerja sampai tulang dan punggung kami hampir patah. Pada hari berikutnya, kami kelelahan di dalam kelas.

Tetapi, kami semua masih merinding memikirkan Pak Wako. Tiba-tiba, Pak Wako memasuki kelas, melihat pemandangan, mengambil nota, dan keluar dari kelas. Melihat itu, kami menyambung pelajaran kami masing-masing dengan santai.

Pada penghujung hari, setelah pelajaran-pelajaran selesai, suara interkom sekolah berbunyi. Aku dan kawan-kawan sekelas langsung merinding lagi menunggu hasil pertandingan projek Sains kelas. "Untuk yang menang... ialah.. Kelas... 45!"

Seluruh kelas berteriak! Kami menang! Kami mengembalikan kegemilangan kelas kami dan meraih yang lebih baik! Air mata turun membasahi pipi seketika; aku melutut di atas lantai. Apa yang aku bilang?

"Terima kasih semuanya!"

Pak Wako dan Projek Sains Kami

Aktiviti Bacaan

Kamu diberi 100 mata kepimpinan. Agihkan mata tersebut kepada lima watak di bawah berdasarkan sumbangan mereka dalam menjayakan projek Sains Kelas 45. Semakin besar sumbangan seseorang sebagai pemimpin, semakin banyak mata yang boleh kamu berikan. Jumlah keseluruhan mestilah 100 mata. Catatkan satu tindakan daripada cerpen yang menyokong keputusan kamu.



Sawyer
Ketua kelas 45

Mata: _____ / 100

Tindakan yang mempengaruhi keputusan saya:



Rochelle
Rakan sekelas

Mata: _____ / 100

Tindakan yang mempengaruhi keputusan saya:



Vivaldi
Rakan Sekelas

Mata: _____ / 100

Tindakan yang mempengaruhi keputusan saya:



Dill
Rakan sekelas

Mata: _____ / 100

Tindakan yang mempengaruhi keputusan saya:



Jaswan
Rakan sekelas

Mata: _____ / 100

Tindakan yang mempengaruhi keputusan saya:

POHON YANG MENGINGAT

Myesha Amberly Binte Moniruzzaman
Institusi Raffles (Maktab Rendah)

Aku tidak beranjak, namun waktu sentiasa bergerak melalui aku.

Sejak akar-akar tuaku pertama kali mencengkam tanah perkuburan ini, aku telah menjadi penjaga segala yang ditinggalkan oleh manusia. Di bawah naunganku, bumi menyimpan rahsia yang tidak terucap, dan langit menurunkan hujan yang seolah-olah memahami bahasa kehilangan. Angin pula tidak pernah jemu singgah di dahan-dahanku, berbisik dalam nada yang berubah-ubah, kadangkala meratap, kadangkala sekadar mengulang cerita lama yang tidak pernah selesai.

Pada petang itu, langit tidak sekadar mendung, tetapi sarat dengan kesedihan yang hampir tumpah. Awan menggantung rendah seperti beban yang enggan dilepaskan, dan apabila hujan akhirnya turun, ia turun dengan penuh kesabaran, seperti seseorang yang telah lama menunggu untuk menangis. Titisannya menyentuh daun-daunku satu demi satu sebelum jatuh ke tanah, menyatu dengan debu dan kenangan yang telah lama berakar.

Di situlah dia datang lagi.

Langkahnya tidak berbunyi, tetapi kehadirannya selalu terasa. Ada sesuatu pada dirinya yang tidak dapat disembunyikan, seolah-olah seluruh jasadnya diperbuat daripada rasa yang terlalu penuh untuk ditampung. Dia berhenti di hadapan batu nisan yang sama, tempat yang telah menjadi poros kepada segala kepulangannya. Aku tidak mengenali namanya, namun aku mengenali apa yang tinggal di dalam dirinya.

Rindu.

Dia tidak hadir sebagai bayang yang samar, tetapi sebagai sesuatu yang padat, yang berlapis-lapis, yang menyesakkan ruang di sekelilingnya. Setiap kali dia berdiri di situ, rindu itu meresap ke dalam tanah, turun melalui liang-liang bumi, dan akhirnya sampai ke akar-akarku. Aku menyerapnya tanpa pilihan, menyimpan segala yang tidak mampu dilepaskannya.

Aku telah melihatnya dalam pelbagai musim.

Ada waktu dia datang dengan langkah yang hampir rebah, seolah-olah setiap inci tanah ini menuntutnya untuk tunduk. Pada saat-saat itu, rindunya seperti hujan lebat yang tidak mengenal henti, mencurah dengan begitu deras hingga menenggelamkan segala yang lain. Dia akan berdiri lama, terlalu lama, seakan-akan berharap masa akan berpatah balik hanya kerana dia enggan berganjak.

Dan ada waktu dia datang dengan diam yang lebih dalam daripada tangis.

Bibirnya bergerak perlahan, menganyam kata-kata yang tidak pernah sampai ke mana-mana kecuali ke tanah yang memisahkan dia daripada seseorang yang tidak lagi dapat disentuh. Aku tidak dapat mendengar semuanya, hanya serpihan suara yang diangkat angin lalu hilang di antara dahan-dahanku. Namun aku tahu, setiap kata itu ialah sisa daripada cinta yang tidak sempat diakhiri dengan sempurna.

Dahan-dahanku pernah gugur di sisinya.

Aku masih mengingati bunyi halus itu ketika ranting kering jatuh menimpa batu nisan di hadapannya. Dia tersentak, tetapi tidak berundur. Sebaliknya, dia memandang ke atas, ke arahku, seolah-olah cuba memahami bahawa alam juga sedang berbicara dengannya dalam bahasa yang tidak memerlukan suara.

Musim terus bertukar wajah, dan waktu perlahan-lahan mengikis sesuatu yang tidak kelihatan.

Aku mula melihat perubahan yang tidak mendadak, tetapi pasti. Rindunya tidak lagi meluap seperti dahulu. Ia masih ada, masih mengalir ke dalam tanah dan meresap ke dalam diriku, tetapi tidak lagi menggoncang dengan kekuatan yang sama. Ia menjadi lebih senyap, lebih dalam, seperti air yang mengalir di bawah permukaan tanpa pernah menampakkan riaknya.

Pada suatu petang yang berbeza, angin datang tanpa amukan. Ia bergerak lembut di celah-celah daun-daunku, membawa suasana yang tidak lagi berat seperti sebelumnya. Dia berdiri seperti biasa, di tempat yang sama, di hadapan nama yang tidak pernah berubah. Namun kali ini, kehadirannya tidak lagi terasa seperti sesuatu yang terperangkap.

Tiada tangis. Tiada suara yang pecah. Hanya satu hembusan nafas yang panjang, yang seolah-olah membawa bersamanya segala yang selama ini dipikul tanpa rehat.

Kemudian dia berpaling.

Langkahnya masih perlahan, tetapi tidak lagi ditarik ke belakang oleh sesuatu yang tidak kelihatan. Dia berjalan menjauh dari batu nisan itu, meninggalkan ruang yang selama ini menjadi pusat kepada segala kepulangannya. Aku memerhati sehingga bayangnya larut dalam kabus petang, dan dalam detik itu, aku memahami sesuatu yang telah lama mengendap.

Rindu tidak pernah benar-benar pergi.

Ia tidak lenyap bersama langkah yang menjauh, dan tidak terkubur bersama jasad yang telah lama diam. Ia tinggal, berakar, menyusup ke dalam segala yang pernah disentuh oleh cinta. Ia hidup dalam tanah ini, dalam hujan yang turun, dalam angin yang tidak pernah berhenti bercerita.

Dan di dalam diriku, ia kekal.

Aku masih berdiri seperti dahulu, memayungi batu-batu nisan yang tidak pernah bersuara, menyimpan segala yang tidak mampu diucapkan oleh manusia. Daun-daunku akan terus gugur, satu demi satu, jatuh ke bumi yang sama, menjadi sebahagian daripada kisah yang tidak pernah selesai.

Hujan masih turun, tetapi tidak lagi terasa seperti sesuatu yang perlu ditahan. Dia berdiri seketika, memandang nama itu buat kali terakhir, seolah-olah memastikan bahawa ia benar-benar ada, benar-benar pernah menjadi sebahagian daripada hidupnya. Tiada kata yang diucapkan. Tiada janji yang diperbaharui.

Hanya satu hembusan nafas yang perlahan.

Kemudian dia berpaling dan melangkah pergi, seperti biasa. Kali ini, langkahnya tidak berat, cuma... tidak lagi berhenti.

Pohon yang Mengingat
Aktiviti Bacaan

Bayangkan kamu Sang Pohon dalam cerpen ini. Kamu telah menyaksikan perubahan perasaan watak "dia" dari semasa ke semasa. Teliti tiga tahap perasaannya di bawah. Catatkan perubahan yang kamu perhatikan dan tulis kata-kata yang ingin kamu sampaikan kepadanya.

Perjalanan Rindu	Apakah yang Sang Pohon perhatikan?	Apakah yang ingin Sang Pohon katakan?
1. Rindu yang berat	Petunjuk: Langkah yang hampir rebah, terlalu lama berdiri di hadapan batu nisan Catatan:	
2. Rindu yang semakin tenang	Petunjuk: Rindu masih ada, tetapi tidak lagi "menggoncang dengan kekuatan yang sama" Catatan:	
3. Rindu yang diterima	Petunjuk: tiada tangisan, satu hembusan nafas yang panjang, kemudian melangkah pergi. Catatan:	

Setelah menyaksikan seluruh perjalanan watak "dia", pilih satu pesanan yang paling ingin kamu sampaikan sebagai Sang Pohon. Tulis pesanan tersebut dalam 30-50 patah perkataan. Gunakan sekurang-kurangnya satu imejan alam daripada cerpen, seperti akar, daun, hujan atau angin, untuk menyampaikan maksud kamu.

Pesan Sang Pohon

SETELAH ANGIN REDA

Krishna A/L Arivazhagan
Maktab Rendah Anderson Serangoon

Angin petang itu menderu kuat, menggoncang atap zink rumah kami yang sudah lama uzur. Langit mendung menekan dada, seolah-olah turut menanggung beban yang kami pikul sejak Ayah tiada. Aku duduk di tangga kayu, memandang halaman yang becak, teringat satu perkara yang tidak pernah benar-benar pergi - abangku.

Sudah setahun dia menghilangkan diri.

Orang kampung berbisik, kononnya dia lari daripada tanggungjawab. Aku pula memendam kemarahan seperti memegang bara—tidak sanggup lepaskan walaupun membakar diri sendiri.

Malam sebelum dia pergi masih segar dalam ingatanku.

Hujan turun tanpa henti. Di dapur yang sempit, Ibu mengira wang syiling di atas meja. Tidak cukup untuk bayar bil elektrik, apatah lagi hutang lama Ayah yang belum langsai. Aku berdiri di pintu, memerhatikan abangku yang baru pulang dengan baju basah, wajah letih dan tangan yang menggenggam sampul coklat.

"Apa tu?" tanyaku.

Dia diam seketika sebelum meletakkan sampul itu di meja. Resit hospital terkeluar sedikit. Ibu terdiam. Aku melihat angka pada kertas itu; besar, terlalu besar untuk kami.

"Abang pergi ke hospital lagi?" suaraku meninggi. "Kita tak ada duit, bang!"

Abang menghela nafas panjang. "Abang akan cari jalan."

"Jalan apa? Pinjam lagi? Atau ..." aku berhenti, menelan ludah, "tinggalkan kita?"

Wajahnya berubah. "Jangan cakap macam tu, Mark."

"Kalau bukan macam tu, macam mana? Setiap hari abang hilang, balik lewat, tak cakap apa-apa. Kita ni keluarga atau tidak?"

Ibu cuba menenangkan, "Sudahlah, Mark ..."

"Tapi Ibu, kita dah terhimpit! Elektrik hampir dipotong, tuan rumah datang setiap minggu. Abang pula ..." aku memandangnya tajam, "seolah-olah ada hidup lain di luar rumah ini."

Abang mendekat, matanya merah - antara kemarahan dan keletihan. "Aku buat semua ni untuk kita."

"Untuk kita? Atau untuk diri Abang sendiri?" aku menolak bahunya, kecil tetapi cukup untuk melukakan.

Dia kaku. Lama. Kemudian suaranya perlahan, hampir tenggelam dalam bunyi hujan. "Kalau aku pergi, jaga Ibu."

"Pergilah kalau itu yang Abang pandai buat.", aku kata sambil melepaskan ketawa sinis, sekadar topeng untuk menutup gundah yang tiba-tiba menyapa.

Itulah kali terakhir aku melihatnya.

Keesokan pagi, biliknya kosong.

Sejak hari itu, hidup kami runtuh perlahan-lahan.

Elektrik benar-benar dipotong beberapa minggu kemudian. Malam-malam kami ditemani lilin yang pendek, bayang-bayang menari di dinding seperti mengejek keadaan kami. Ibu mula mengambil upah menjahit hingga lewat malam; jarum dan benang menjadi irama baharu di rumah. Aku pula bekerja sambilan selepas sekolah, mengangkat barang di kedai runcit dan menyusun kotak hingga terasa patah tulang belakang.

Namun yang paling berat bukan kerja itu. Yang paling berat ialah rasa bersalah yang tidak pernah hilang.

Setiap kali hujan turun, aku teringat kata-kata terakhirku. Setiap kali melihat Ibu mengesat air mata diam-diam, aku terfikir, " Kalau aku tidak meninggikan suara pada malam itu, adakah abangku masih di sini? "

"Mark, makanlah," ibu menyuakan nasi yang sekadar cukup.

Aku menggeleng. "Ibu ... Abang memang tinggalkan kita, kan?"

Ibu tidak menjawab. Hanya memandangku lama - pandangan yang menyimpan sesuatu yang aku belum bersedia untuk tahu.

Pada petang itu, hujan turun lagi, lebih lebat daripada biasa. Angin menggoyangkan bangku lama di halaman, tempat aku dan Abang selalu duduk berkongsi cerita.

Aku melangkah ke sana tanpa tujuan.

Di bawah bangku itu, tersembunyi sebuah kotak kecil yang tidak pernah aku sedari sebelum ini. Kayunya lembap, seolah-olah sudah lama berada di situ.

Tanganku terketar ketika membukanya. Di dalamnya; resit hospital, ubat-ubatan, dan sepucuk surat. Namaku tertulis di depan.

Mark,

Maaf sebab Abang tak jujur. Malam tu, Abang nak beritahu kesemuanya... tetapi Abang takut.

Abang sakit, Mark. Doktor kata masih boleh dirawat tapi perlukan duit yang kita tak ada. Abang cuba kerja lebih, cuba pinjam tapi tak memadai.

Abang tak sanggup tengok ibu dan kau tanggung beban ini.

Sebab itu Abang ambil keputusan untuk pergi kerja jauh. Risiko tinggi tapi gaji yang lumayan.

Kalau Abang tak balik cepat, jangan fikir Abang lari.

Abang cuma cuba jadi kuat untuk kita, walaupun cara Abang salah.

Dan tentang malam itu ... Abang tak pernah marah. Abang faham kau takut.

Jaga ibu.

— Abang

Duniaku terasa senyap.

Segala kemarahan yang aku pegang selama ini runtuh, digantikan dengan rasa bersalah yang jauh lebih berat. Dia tidak lari. Dia berjuang sendiri ketika aku memilih untuk menyakiti hatinya.

Hujan membasahi wajahku tetapi kali ini aku tidak mengelak.

"Abang ..." suaraku tersekat-sekat.

Sejak hari itu, aku berubah.

Bukan kerana masa tetapi kerana kebenaran.

Aku berhenti menyalahkan abang aku. Aku mula bertanggungjawab, bukan sekadar membantu ibu tetapi memahami erti pengorbanan yang sebenar. Di sekolah, aku belajar bersungguh-sungguh, bukan lagi untuk diriku sahaja tetapi untuk masa depan yang abangku cuba bina untuk kami.

Aku tidak lagi menunggu dia pulang dengan marah.

Aku menunggu dengan harapan.

Suatu petang, langit masih kelabu tetapi hujan sudah reda. Aku duduk di bangku lama itu semula.

Tempat yang sama.

Namun aku bukan lagi Mark yang dahulu.

"Abang ... aku dah faham sekarang," bisikku.

Angin masih bertiup tetapi tidak lagi menyakitkan. Ia seperti membawa pergi rasa bersalah yang selama ini menyesakkan dada.

Dalam rindu yang masih ada, aku akhirnya belajar satu perkara; kadang-kadang, orang yang kita sangka meninggalkan kita... sebenarnya sedang berjuang untuk kita, dari jauh.

Setelah Angin Reda

Aktiviti Bacaan

Gunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya untuk meneliti semula tanggapan Mark terhadap abangnya. Catatkan perkara yang kamu temukan dalam cerpen, fikirkan bagaimana tanggapan Mark berubah setelah dia membaca surat abangnya, kemudian kemukakan satu persoalan yang masih bermain dalam fikiran kamu.

 **Lihat**	 **Fikir**	 **Tanya**
Apakah yang Mark lihat atau ketahui sehingga dia menyangka abangnya telah meninggalkan keluarga?	Setelah membaca surat abangnya, bagaimanakah tanggapan Mark terhadap abangnya berubah?	Apakah satu persoalan yang ingin kamu ajukan kepada Mark atau abangnya setelah mengetahui perkara yang sebenarnya berlaku?

Ubah Satu Tanggapan!

Bayangkan kamu dapat kembali ke malam sebelum abang Mark pergi. Pilih satu perkara yang boleh dilakukan atau dikatakan oleh Mark untuk mengelakkan salah faham antara mereka. Jelaskan bagaimana tindakan atau kata-kata tersebut mungkin mengubah hubungan mereka.



SAYANG TETAP SAYANG

Nurul Alya Syakinah Binte Abdul Jamal
Institusi Raffles (Maktab Rendah)

"Adik ... Adik boleh tolong Nenek? Adik tahu cara untuk Nenek pergi ke blok 183?"

Suara itu menyapaku dari seberang jalan. Seorang wanita tua berdiri di bawah cahaya petang yang mulai redup, tangannya terawang-awang di udara seperti sedang mencari arah yang tidak pasti. Wajahnya berkerut lembut, bukan kerana marah, tetapi kerana keliru seolah-olah dunia di sekelilingnya terlalu asing untuk difahami seorang diri.

Aku terpaku. Langkahku terhenti, dan buat seketika, bunyi hon kereta, suara orang lalu-lalang, semuanya tenggelam dalam satu ruang yang kosong. Dunia seakan-akan membisu.

'Adik'...

Panggilan itu jatuh ke telingaku seperti sesuatu yang tidak sepatutnya menjadi milik aku lagi. Gelaran itu janggal denganku, begitu jauh daripada 'Kakak' yang sering aku dengar dilafazkan oleh suara yang penuh manja dan penuh kepastian. Namun, aku tetap menghampirinya tanpa banyak soal.

"Boleh, Nek. Blok 183 dekat sana sahaja. Mari kita jalan sama-sama."

Suaraku kedengaran tenang — terlalu tenang — seolah-olah inilah pertemuan pertama antara dua orang asing yang tidak meninggalkan sebarang sejarah di antara mereka. Aku menunjuk ke arah jalan yang dimaksudkan sambil menghulurkan tangan. Untuk seketika, nenek itu memandangku seperti sedang memikir sama ada dia mengecam mukaku. Tanpa sedar, aku menahan nafas menunggu, mengharapkan sesuatu.

Apabila dia tidak berkata apa-apa dan hanya tersenyum dengan penuh kelegaan hingga matanya berkerut halus, aku tidak boleh berhenti daripada mengeluh kecewa seorang diri. Perlahan-lahan, tangannya menggenggam lenganku, seolah-solah aku ini satu-satunya pegangan yang dia ada. Genggaman itu tidak kuat tetapi cukup untuk membuat dadaku terasa berat.

"Baiknya Adik ... terima kasih, ya."

Aku hanya mengangguk dan menghadiahkan senyuman yang aku sendiri tidak pasti tahap kejujurannya. Kami melangkah bersama-sama. Langkahnya kecil, perlahan, seakan-akan setiap tapak kaki memerlukan usaha yang lebih daripada yang mampu dilihat mata. Aku menyesuaikan langkahku dengannya, membiarkan masa berjalan mengikut rentaknya, bukan rentakku. Sepanjang perjalanan, nenek itu berbicara tanpa henti. Dia bercerita tentang kampungnya, tentang rumah yang sering bocor ketika hujan turun terlalu lama, dan juga tentang jalan-jalan yang semakin sukar untuk diingati akhir-akhir ini.

Aku mendengar, mengangguk pada tempat yang sepatutnya dan menjawab seadanya kerana pada pengetahuan nenek itu, aku hanyalah seorang 'Adik' yang kebetulan muncul untuk membantu.

Seorang 'Adik' yang tidak mengenali kehangatan pelukannya yang pernah menjadi tempat pulang yang selamat ketika dunia terasa terlalu bising untuk ditanggung.

Seorang 'Adik' yang tidak mengenali suaranya yang dahulu menyanyikan lagu dangdut dengan penuh semangat setiap malam Sabtu sebelum memanggilku 'Kakak' dengan suara yang selembut kain sutera.

Seorang 'Adik' ... yang berpura-pura tidak mengenali Nek Su kesayanganku.

Aku percaya bahawa seseorang itu tidak benar-benar hilang, selagi ada orang yang mengingatinya. Kalau diberikan peluang, kalau diberikan masa, kalau diberikan kuasa, aku ingin mengabadikan saat ini ke dalam memori.

Setiap kali jari kasarmu mengusap pipiku, seolah-olah cuba meredakan segala gelisah yang bersarang dalam hatiku ...

Aku ingin mengabadikannya.

Setiap baris nasihat yang dilafazkan oleh bibir keringmu, seolah-olah mendedahkan segala pengalaman pahit dan manismu ...

Aku ingin mengabadikannya.

Setiap senyuman yang kau ukirkan, yang dahulu penuh makna, penuh kasih ...

Aku ingin mengabadikannya.

Namun, masa sentiasa mencemburui mereka yang berkasih. Sedikit demi sedikit, detik-detik yang pernah kita genggam dengan erat mula terhakis. Sudah jarang aku dengar suaramu memanggilku 'Kakak'. Apatah lagi, mendengar namaku jatuh dari bibirmu yang semakin kelu. Kenanganmu bersama aku dirampas sesenang itu. Tanpa menyedari, aku terpaksa menyayangi bayanganmu sahaja. Walaupun mataku melihat wajahmu — masih mengenali ragamu — hatiku tidak mengecam watakmu itu.

Aku mencari-cari dirimu dalam setiap renungan matamu, tapi yang tinggal hanya kekosongan yang tidak pernah aku kenali. Kau seperti insan yang pernah menyayangiku dahulu. Namun, insan itu telah pun pergi, hilang digantikan dengan seseorang yang hanya menyerupaimu dari luaran.

Setiap hari Isnin, pada jam 4.30 petang, aku masih menunggumu di bawah blok 183. Setiap hari aku mengharap agar masa tersilap langkah dan mengembalikanmu kepadaku. Namun, harapan itu kian menipis.

Seperti biasa, aku menggenggam tangannya ketika kami melangkah. Namun hari itu, genggaman itu terasa berbeza. Lebih kaku. Lebih asing. Nek Su berhenti berjalan dan untuk pertama kali, dia benar-benar memandangku lama-lama. Dia seperti ingin cuba mencari sesuatu yang tidak pernah wujud dalam ingatannya. Kemudian, dia melepaskan tanganku perlahan.

"Maaf ..." suaranya perlahan, hampir hilang di udara. "Awak siapa, ya? Kita sekarang di mana?"

Soalan itu ringkas tetapi cukup untuk meruntuhkan seluruh dunia yang pernah kita bina bersama. Aku ingin menjawab. Aku ingin memberitahu nama aku, segala kenangan manis kita, segala kasih yang pernah kita kongsi. Namun, kata-kata itu tersekat di kerongkong. Dalam sekelip mata, aku sedar bahawa aku satu-satunya yang masih mengingati.

Aku masih menyayangimu ... tetapi kau tidak lagi mampu menyayangiku. Betapa peritnya apabila hanya aku seorang yang masih mengingati. Namun, aku tidak ingin menguburkan kenanganmu jauh di dalam dasar hatiku. Aku akan memeluknya erat-erat, bukan untuk melupakannya tetapi untuk melindungi hatiku daripada kesakitan apabila kasih sayangmu tidak lagi kembali kepadaku. Mungkin jika aku cukup menyayangimu, bahagian dirimu yang pernah menyayangiku tidak akan benar-benar hilang tetapi hanya wujud dalam aku yang masih mengingati.

Sayang Tetap Sayang

Aktiviti Bacaan

Berdasarkan cerpen yang telah kamu baca, lengkapkan rajah di bawah. Berikan pandangan kamu bagi setiap aspek kasih sayang yang dinyatakan. Sokong pandangan kamu dengan peristiwa atau ungkapan yang sesuai daripada cerpen. Elakkan daripada menceritakan semula jalan cerita.



Kasih Sebagai Kenangan

Bagaimanakah kenangan mempengaruhi cara watak "aku" terus menyayangi Nek Su?

Kasih Sebagai Tindakan

Tindakan manakah yang paling jelas menunjukkan kasih watak "aku" kepada Nek Su? Mengapa?



Kasih Sebagai Pengorbanan

Apakah yang perlu diterima atau dikorbankan oleh watak "aku" untuk terus berada di sisi Nek Su?

Kasih Tanpa Balasan

Adakah kasih sayang masih bermakna apabila orang yang disayangi tidak lagi mengenali kita? Jelaskan.

Makna "Sayang Tetap Sayang"

Apakah makna tajuk cerpen ini setelah kamu memahami hubungan watak "aku" dengan Nek Su?

